

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**MESYUARAT PERTAMA**  
*First Meeting*

---

**Jilid III**

**Bil. 6**

**Hari Rabu**

**2 April 1997**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**USUL:**

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
40)

(Ruangan

- Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
- Peraturan Mesyuarat  
91)

(Ruangan

**PARLIMEN KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Ketiga**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,  
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,  
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,  
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 2hb. April, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**GEJALA SOSIAL**

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan “vision” dan “mission” kementeriannya dalam program pembangunan keluarga dan masyarakat di negara ini dalam konteks pertumbuhan dan pengembangan gejala sosial negatif yang semakin menular di kalangan remaja kita.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka**

**Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab semalam.

Saya tidak ada apa-apa hendak tambah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan vision dan mission oleh kementerian ini, bagaimanakah agaknya kementerian akan menangani perkembangan terbaru sebagaimana yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kependudukan, sebagaimana yang dilaporkan di dalam akhbar ini mengenai satu fenomena baru di kalangan remaja yang terbabit dengan 'free sex' dan juga tidak mengenal apakah itu penyakit AIDS?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, adalah hasil daripada kajian mengenai kesihatan 'reproductive' dan 'sexuality' remaja yang dijalankan oleh LPPKN dari tahun 1994 hingga tahun 1996. Hasil-hasilnya yang begitu memeranjatkan memang telah dibentangkan kepada Kabinet. Tindakan-tindakan yang diambil adalah selaras dengan usaha-usaha yang kita jalankan untuk menangani isu-isu dan masalah-masalah sosial keseluruhannya.

Seperti yang telah pun pernah saya perkatikan bahawa satu draf pelan tindakan yang menyeluruh serta bersepadu sedang disediakan untuk dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Masalah Sosial pada 15hb. April, 1997 ini. Di situ nanti kita akan membincangkan secara detailnya segala-gala isu dan masalah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kementerian untuk mengatasi dan menangani masalah gejala sosial yang kian memuncak pada waktu ini, saya ingin bertanya selain daripada masalah kegawatan remaja mengambil pil ecstasy untuk mendapatkan keghairahan dan sebagainya, adakah kementerian khususnya jabatan

yang berkenaan mengenal pasti satu pil yang kita namakan ‘pil mengawan’? Pil mengawan ini telah banyak diedarkan pada waktu ini. Jadi, saya ingin bertanya adakah kementerian sedar perkara ini, yang mana pil mengawan ini, apabila seseorang makan pil itu dia hendak mengawan sahajalah? Jadi, saya hendak minta penjelasan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pil mengawan ini bukannya baru. Dahulu pun memang kita sudah dengar mengenai pil mengawan, iaitu gadis-gadis kadang-kadang diberi pil ini atau serbuk dalam minuman yang menyebabkan mereka hendak mengawan seperti kata Yang Berhormat tadi itu. Ini semua termasuklah dalam segala isu dan masalah sosial yang kita bincangkan dan akan kita tangani bersama.

## PEMASANGAN LAMPU DAN KADAR TOL DI LEBUHRAYA

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapakah kadar tol yang agak tinggi akan diberi kajian untuk dinaikkan selepas lampu-lampu jalan dipasang. Sila beri sebab-sebab utama.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung dengan pemasangan lampu bagi Lebuhraya Utara-Selatan dan kadar kenaikan tol yang berbangkit dari pemasangan lampu-lampu berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kekerapan berlakunya kemalangan yang serius dan kehilangan nyawa yang berlaku akibat kemalangan tersebut, kerajaan telah memutuskan untuk meneliti kemungkinan menyediakan lampu-lampu bagi kawasan-kawasan yang mempunyai aliran

lalu-lintas yang tinggi yang mengalami kesesakan lalu-lintas dan kerap berlaku kemalangan yang serius.

Sehubungan itu, syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan menawarkan untuk menjalankan kajian dan seterusnya memaklumkan kepada kerajaan kaedah pemasangan lampu dan bagaimana untuk membiayai kos pemasangan dan kos elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak ekonomi untuk memasang lampu bagi keseluruhan Lebuhraya Utara-Selatan dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru kerana pertimbangan perlu diberi kepada kos pemasangan, penyelenggaraan dan siapakah yang akan membiayai kos berkenaan. Oleh itu, kerajaan perlu memikirkan beberapa alternatif termasuk meneliti rekod kemalangan dari segi bentuk dan sebab berlakunya kemalangan serta keadaan kawasan-kawasan berlakunya kemalangan. Memasang lampu menghala ke kawasan-kawasan yang mempunyai rekod berlakunya kemalangan yang tinggi.

Yang ketiga, berasaskan rekod yang ada di kementerian ini, telah dikenal pasti sebab berlakunya kemalangan ialah disebabkan oleh kenderaan-kenderaan yang diletakkan di lorong kecemasan tanpa memasang lampu isyarat.

Oleh itu, saya harap Yang Berhormat bersabar sehingga pihak kementerian telah meneliti perkara-perkara ini dengan terperinci dari segi kesannya terhadap pengguna lebuhraya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Baru-baru ini Yang Berhormat telah buat

pengumuman bahawa jalan lama daripada Kajang ke Seremban akan dipasangkan dengan lampu-lampu jalan dan selepas itu akan dikenakan tol. Sama ada ini adalah benar ataupun tidak? Minta penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengumumkan iaitu berkenaan dengan pemasangan lampu di manakah kawasannya. Satu contoh kawasan saya ambil kira iaitu daripada Kuala Lumpur ke Seremban tetapi saya tidak bincang berkenaan dengan mengenakan tol kepada mana-mana pihak oleh kerana mengenakan tol tidak dibangkitkan lagi oleh kerana kita tidak tahu apakah harga untuk memasang lampu. Yang kedua, adakah kerajaan suka juga membayar untuk pemasangan lampu itu atau adakah kita akan mengambil perkara ini kepada pengguna-pengguna jalan. Perkara ini semua belum dapat diselesaikan. Tetapi apa yang kita bincangkan sekarang iaitu macam manakah kita akan merancang iaitu untuk mengadakan lampu di mana-mana bandar, selepas itu juga kita boleh menetapkan apa yang boleh dibuat untuk keselamatan jalan raya itu.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Menteri Kerja Raya adakah betul atau tidak bahawa apabila kita menandatangani satu perjanjian atau MoU, kita mestilah ada satu pakej. Maka di dalam perjanjian antara kementerian dan pihak PLUS, pemasangan lampu-lampu di seluruh jalan raya adalah salah satu perkara yang mesti dimasukkan di dalam perjanjian. Menurut kadar tol sekarang, dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, penggunaan petrol hanyalah RM31.00 sahaja tetapi bayaran tol adalah RM33.20. Ini bermakna bahawa caj tol adalah lebih

mahal dibanding dengan harga petrol. Jikalau kadar tol dinaikkan, ini akan menjejaskan para pengguna untuk menggunakan jalan raya yang baik?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengambil kira berapa susu yang kita boleh dapat sebelum kita beli lembu. *[Ketawa]* Jadi, jalan raya pun baru dirancang, macam manakah kita hendak memasang lampu? Kita tidak tahu macam manakah jalan raya ini akan dibayar balik kepada concessner atau tidak? Jadi, pada masa itu kita tidak boleh mengadakan pemasangan lampu sebagai satu kontrak asas, tetapi di seluruh dunia jikalau kita merujuk ada satu bandar raya sahaja iaitu Brazil mengadakan lampu. Di seluruh negara Brazil ada juga lampu elektrik tetapi tidak terkenal lampu seperti ini di Amerika Syarikat atau di Britain pun.

Satu lagi soalan oleh Yang Berhormat iaitu perjalanan ke Pulau Pinang akan mengambil kos tol iaitu RM33.00 tetapi saya minta Yang Berhormat ulang balik?

**Dr. Lee Chong Meng:** Kegunaan petrol hanya RM31.00 walaupun bayaran tol RM33.20. Ini jalan raya, bukan lembu!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ini satu penjelasan yang baik. *[Ketawa]* Inipun ada kaitan dengan lembu. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bukan padang ragut lembu!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jikalau kita tidak jaga lembu itu, lembu makan lebih makanan tetapi berikan susu yang kurang. Seperti itu juga kita jaga lembu. Berertinya kita jaga lebuh raya, kita buat lebuh raya yang baru, oleh kerana itulah harga petrol RM33.00 sahaja. Jikalau tidak, harga petrol mengambil lebih kurang RM75.00 sebelum

kita pergi ke Pulau Pinang, itu jalan lama. Itulah saya minta Yang Berhormat mengambil kiralah. *[Ketawa]* Lembu pun baik juga, jalan raya pun baik. Jikalau kita jaga lembu, kita dapat lebih susu. Jikalau kita jaga jalan raya, kita akan dapat mengambil kira kita tidak mengambil lebih masa.

**SAHAM TERBITAN AWAM BAGI LOT BUMIPUTERA -  
SALAH GUNA OLEH BUKAN BUMIPUTERA**

**3. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa terdapat banyak pemohon-pemohon bukan bumiputera telah menyalahgunakan nama-nama bumiputera untuk memohon saham-saham terbitan awam bagi lot-lot yang diperuntukkan kepada bumiputera, apakah tindakan kerajaan untuk membendung gejala ini agar matlamat kerajaan untuk memberi peluang kepada golongan bumiputera memiliki saham terbitan awam benar-benar tercapai.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah pada 7hb. April ini kerana soalan berkenaan adalah saling berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa nama bumiputera banyak digunakan oleh pihak-pihak bukan bumiputera bagi mendapatkan saham-saham khas bumiputera. Sekiranya berlaku pun gejala ini bilangannya amatlah kecil.

Dasar pembahagian saham yang dilaksanakan oleh MITI adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan di mana sebahagian besar daripada saham-saham khas diperuntukkan:-

- (i) kepada institusi amanah yang diberi keutamaan;
- (ii) kepada pemegang-pemegang saham sedia ada dalam syarikat-syarikat yang akan disenaraikan;
- (iii) kepada ahli-ahli lembaga pengarah bumiputera syarikat serta kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan syarikat yang memenuhi kelayakan.

Dalam menentukan bahawa pegangan bumiputera dalam sesebuah syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah pelaburan yang tulen. Di antara prosedur yang diamalkan oleh kementerian adalah seperti berikut:-

- (i) menyemak dokumen-dokumen tertentu seperti sijil saham, borang pemindahan saham dan juga borang laporan tahunan syarikat bagi mengesahkan pegangan saham bumiputera dalam syarikat yang disenaraikan. Semua dokumen tersebut perlu disahkan oleh Pendaftar Syarikat ataupun Setiausaha Syarikat yang berdaftar;
- (ii) mendapatkan bukti mengenai kemampuan pembiayaan pembelian saham-saham berkenaan oleh bumiputera yang terlibat dan berpuas hati bahawa bumiputera yang berkenaan mempunyai kemampuan kewangan, keusahawanan dan juga boleh memberi sumbangan kepada syarikat serta tujuan pemilikan tersebut adalah untuk pelaburan jangka panjang;

- (iii) meneliti latar belakang dan jika perlu menemu duga bumiputera yang berkenaan;
- (iv) saham-saham yang diperolehi juga dikenakan syarat tidak boleh dijual ataupun dipindah milik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MITI.

Bagi memastikan bahawa saham-saham pegangan bumiputera yang dimiliki adalah tulen, maka pegangan tersebut akan hanya diiktiraf sebagai saham bumiputera jika saham-saham tersebut telah dipegang tidak kurang daripada satu tahun sebelum permohonan penyenaiaan sesebuah syarikat dikemukakan kepada suruhanjaya sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai langkah telah diambil untuk menyekat penyelewengan penggunaan nama bumiputera dalam peruntukan saham, namun begitu adalah amat sukar untuk menjamin sepenuhnya bahawa nama bumiputera tidak akan digunakan bagi tujuan mendapatkan saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputera selagi adanya segelintir bumiputera sendiri yang sanggup untuk menjual nama dan sanggup menjadi proksi bagi tujuan mendapatkan keuntungan jangka pendek dan mahu cepat kaya.

Sehubungan dengan ini, MITI tidak akan bertolak ansur sekiranya terdapat bukti bahawa mana bumiputera yang telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputera. Tindakan yang sewajarnya seperti menyenaraihitamkan mereka yang terlibat akan dilaksanakan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bilangannya agak kecil tetapi gejala ini tetap wujud. Oleh itu, soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu peruntukan undang-undang bagi menghukum kedua-dua pihak ini iaitu bukan bumiputera yang menggunakan nama bumiputera dan bumiputera sendiri yang merelakan nama mereka digunakan untuk tujuan tersebut?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada peruntukan undang-undang di mana kalau pemohon-pemohon didapati memberi maklumat palsu secara langsung atau tidak langsung berkenaan dengan pembelian ataupun penjualan saham dengan tujuan untuk menipu pihak berkuasa, boleh didakwa di bawah seksyen 87(a) Akta Industri Sekuriti 1983 dan jika didapati bersalah, boleh dipenjarakan sehingga 10 tahun dan didenda tidak melebihi RM1 juta.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu di MITI, bila Yang Berhormat Menteri menyebut MITI memberi saham-saham ini, adakah satu jawatankuasa khas atau adakah kuasa menteri untuk memberi peruntukan kepada bumiputera ini?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak saya menjadi menteri di kementerian itu, saya telah melantik jawatankuasa khas yang mana saya mempengerusinya dan ahli-ahlinya ialah buat masa kini terdiri daripada Setiausaha Parlimen, Ketua Setiausaha, kedua-dua Timbalan Ketua Setiausaha dan juga pegawai-

pegawai kanan di dalam Bahagian Industri termasuk Pengarah Bahagian Industri. Jadi, tidak ada langsung kuasa menteri untuk memberi saham di situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]*

**PPRT DI SARAWAK - JUMLAH KELUARGA  
MISKIN YANG DIKENAL PASTI**

**5. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah peratusnya keluarga yang dikenal pasti sebagai keluarga miskin di negeri Sarawak sejak PPRT dilaksanakan dan berapa orangkah keluarga termiskin di kawasan Selangau mengikut perangkaan yang telah dikenal pasti pada tahun 1996-1997.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian pendapatan isi rumah, 10% dari penduduk bagi negeri Sarawak adalah miskin bagi tahun 1995 berbanding dengan 21% pada tahun 1990. Sehingga 31hb. Disember, 1996, bilangan keluarga termiskin yang telah dikenal pasti di kawasan Selangau adalah berjumlah 350 keluarga.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan adanya peningkatan dari segi kos hidup rakyat di seluruh negara, adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula garis kemiskinan sama ada di peringkat orang-orang miskin mahupun PPRT, oleh kerana saya rasa garis kemiskinan sekarang ini tidak boleh lagi dipakai dengan adanya kenaikan kos hidup.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa angka PGK ini dikaji semula. Misalnya tahun

1990 angkanya adalah 370 dan pada peta 1993 ditingkatkan kepada 405 dan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh digunakan angka adalah 425 untuk Semenanjung Malaysia sebagai bukti bahawa angkanya sentiasa dikaji dan diubahsuai mengikut kos hidup di negara kita.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah kriteria dan kaedah yang telah digunakan untuk menentukan pendapatan orang yang kononnya duduk di bawah kategori rakyat termiskin ini. Oleh kerana di pedalaman ekonomi tidak begitu bergantung kepada wang ringgit.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, asas pertama yang kita guna adalah pendapatan. Kerana itulah satu cara dan satu sukatan yang begitu senang yang kita gunakan. Oleh yang demikian, maka semua pendapatan rakyat yang di bawah RM250 untuk negeri Sarawak adalah dianggap sebagai rakyat termiskin.

Kerajaan memang sedar bahawa masalah untuk mengira, mentafsir dan menilai pendapatan adalah satu perkara yang sukar, tetapi kita tidak ada angka-angka yang lain dan oleh sebab itu kita menggunakan pendapatan garis kemiskinan sebagai satu sukatan dan dalam pendapatan itu pakejnya adalah diambil kira kos minimum untuk menyara hidup di sesuatu tempat. Oleh itu, angka untuk Semenanjung Malaysia adalah berlainan dengan angka di Sabah dan angka di Sarawak dan saya harap Ahli Yang Berhormat sama faham.

**ASB - CADANGAN PENILAIAN DIVIDEN  
MENGIKUT HARGA SEMASA**

6. **Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menilai harga ASB sekarang mengikut harga semasa di samping memberi dividen dan bonus kepada pelabur berdasarkan nilai tersebut dalam jangka masa tertentu bagi mempertingkatkan ekonomi kaum bumiputera di negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menilai harga saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) sekarang mengikut harga pasaran. Ini adalah disebabkan ASB yang diperkenalkan pada 2hb. Januari, 1990 adalah sebagai alternatif kepada pelabur yang masih selesa dengan corak saham amanah yang berharga tetap.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat ramai pelabur yang belum bersedia dengan corak pelaburan, harga berubah-ubah dan mempunyai risiko seperti skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang diurus niagakan mengikut harga pasaran mulai tahun 1991.

Oleh itu, setengah pelabur skim ASN telah menukarkan pelaburan mereka dari skim ASN kepada skim ASB menerusi kemudahan pertukaran berkelompok.

Tuan Yang di-Pertua, harga se unit ASB adalah tetap iaitu RM1. Dan pelabur ASB akan terus menikmati pulangan pelaburan menerusi dividen dan bonus setiap tahun. Ciri-ciri ini akan kekal sehingga pengurus ASB iaitu Amanah Saham Nasional Berhad memutuskan untuk menilai semula harga saham ASB dan mengurus niagakannya mengikut harga pasaran seperti skim ASN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] tidak hadir]*

**PELABURAN DI LUAR NEGARA -  
MENGATASI KESULITAN PELABUR**

8. **Tuan Donald Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah pihak kementerian sedar beberapa syarikat dan usahawan Malaysia dilaporkan menghadapi kesulitan dalam membuat pelaburan di luar negara termasuk di negara jiran. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membantu mereka.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedar dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh beberapa syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Antaranya:

- (i) masalah yang disebabkan oleh perubahan dasar, peraturan dan undang-undang pelaburan negara asing dan pelabur-pelabur asing dikehendaki mematuhi;
- (ii) masalah negara tuan rumah menarik balik kelulusan yang diberikan terdahulu;
- (iii) kesulitan dan kelewatan mendapat kelulusan yang segera dari pihak berkuasa bagi sesuatu projek pelaburan; dan
- (iv) masalah yang timbul dari syarikat-syarikat pemilik atau pembajakan tanah untuk projek pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut ialah:

- (i) mengadakan perbincangan dua hala antara Malaysia dengan negara rakan perdagangan berkenaan sama ada di peringkat pegawai, menteri atau semasa lawatan ketua negara;
- (ii) menandatangani perjanjian perdagangan, perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian mengelakkan cukai dua kali;
- (iii) memaklumkan kepada sektor swasta Malaysia perkembangan terkini di negara asing terutamanya mengenai dasar dan peraturan-peraturan pelaburan untuk membolehkan mereka membuat penelitian sebelum mengadakan sesuatu pelaburan; dan
- (iv) Kerajaan Malaysia juga menggunakan forum antarabangsa seperti WTO bagi menyuarakan pandangan atau bantahan ke atas sesuatu dasar yang difikirkan tidak selaras di bawah badan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat swasta yang menghadapi masalah pelaburan di negara asing, kementerian berharap supaya syarikat-syarikat Malaysia memaklukkannya kepada kerajaan terutamanya kepada MITI atau agensi-agensi kerajaan di seberang laut mengenai masalah yang dihadapi supaya tindakan dan bantuan yang diperlukan dapat diberi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. [*Sistem mikrofon terganggu*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sistem tidak boleh pakai, kacau lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat tidak berminat hendak soal, saya beri peluang kepada orang lain.

**Seorang Ahli:** Duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kementerian sedang mengambil tindakan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kejayaan seperti Memorandum of Understanding (MoU) yang ditandatangani di antara Malaysia misalnya dengan pihak lain, peratusan yang berjaya dalam perjanjian seumpama ini, kerana tadi ada disebutkan pelbagai perjanjian. Apakah tindakan susulan untuk memastikan semua MoU ini dapat dijayakan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan peratusan yang berjaya?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong bertanya berapa peratusan MoU yang dijayakan? Ini sukar bagi kementerian memberikan pada setakat ini, sebab MoU ini adalah satu perundingan utama (primary discussion) dan MoU ini tidak ada legal binding effect, dengan izin. Oleh sebab itu terdapat ada rekod-rekod berapa banyak MoU yang telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat swasta dengan syarikat-syarikat di China atau di mana-mana tempat. Oleh sebab itu kementerian telah menetapkan supaya syarikat-syarikat yang menandatangani MoU pada masa yang akan datang mesti melaporkan kepada sama ada Kedutaan atau MITI di dalam negara-negara yang berkenaan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan ada mengeluarkan satu peraturan di mana syarikat-syarikat yang hendak menandatangani MoU di dalam mana-mana rombongan rasmi kerajaan mesti mendapat kebenaran yang awal. Adakah perkara ini dilakukan oleh kerana beberapa usahawan yang mengikuti rombongan rasmi kerajaan setelah menandatangani MoU selepas itu mereka menjadi sepi, tidak ada tindakan susulan.

Yang keduanya, tidakkah pihak kementerian sedar bahawa di mana-mana rombongan rasmi pejabat MATRADE selalunya menghantar wakil untuk mengesan apa-apa MoU yang ditandatangani oleh pihak swasta yang mengikuti rombongan rasmi. Adakah selepas itu pejabat MATRADE pula mengesan sama ada MoU itu merealisasikan satu pakatan perniagaan secara aktif di kemudian hari pula?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua soalan.

Yang pertama, berkenaan dengan MoU. Memang pada 5 atau 10 tahun yang dahulu banyak MoU telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat asing dan banyak MoU itu tidak dilaksanakan. Itu memang betul. Oleh sebab itu, barulah kita membuat satu peraturan supaya sebelum MoU ditandatangani pada masa akan datang mesti mendapat kelulusan dan mendaftarkan diri di Kedutaan Malaysia.

Yang kedua, berkenaan dengan MATRADE, sungguhpun ini terkeluar daripada soalan pokok, tetapi MATRADE ini adalah satu pertubuhan yang menggalakkan barang-barang Malaysia dijual di seberang laut. MATRADE ini tugasnya ialah membuat

pameran. MATRADE juga tidak membuat apa-apa MoU, sebab ini bukan bidang kuasa MATRADE.

### **KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN KENDERAAN BERAT**

**9. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat yang mengakibatkan kehilangan nyawa sepanjang tahun 1996 mengikut negeri; dan
- (b) adakah Jabatan Pengangkutan jalan bercadang mengetatkan syarat-syarat mendapat lesen memandu bagi drebar bas dan lori dan menjalankan ujian semula bagi pemandu kenderaan berat sebelum memperbaharui lesen mereka setiap tahun. Jika tidak, apakah cadangan kementerian dalam usaha mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan lori, bas kenderaan berat yang lain.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 1996 bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat yang mengakibatkan kehilangan nyawa mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Kematian</b>
Perlis	-
Kedah	9
Pulau Pinang	4

Perak	24
Selangor	31
Kuala Lumpur	2
Negeri Sembilan	4
Melaka	11
Johor	58
Pahang	26
Kelantan	4
Terengganu	4
Sabah	22
Sarawak	12
Jumlah	<u>210</u> ===

- (b) Beberapa prosedur untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat sebelum diberikan lesen kepada pemandu-pemandu kenderaan berat seperti bas dan lori telah pun diperkenalkan iaitu:
- (i) memperkenalkan sistem pelesenan berperingkat ataupun 'graduated licensing system' dengan izin. Bagi pemandu-pemandu kenderaan berat sistem tersebut mensyaratkan supaya pemandu-pemandu yang ingin mengambil Lesen Kenderaan Berat hendaklah terlebih dahulu memiliki Lesen Memandu

Motorgandingan ataupun di bawah kategori Kelas D bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun. Ini adalah perbezaan dari dahulu yang mana sesiapa yang umurnya mencukupi dapat terus belajar dan mengikuti ujian bagi kenderaan-kenderaan yang berat;

- (ii) memperkenalkan Lesen Percubaan seluruh negara di mana pemandu-pemandu baru yang memegang Lesen Percubaan tidak dibenarkan memohon Lesen Memandu Kenderaan Berat. Ini bermakna pemandu-pemandu baru hendaklah menamatkan tempoh percubaan selama 2 tahun terlebih dahulu sebelum mereka dibenarkan memohon Lesen Kenderaan Berat dan Lesen Vokasional kelas tersebut.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara berikut sedang diberi pertimbangan untuk dilaksanakan.

- (i) mensyaratkan semua pemandu kenderaan berat menjalani latihan berpandukan Kurikulum Vokasional tertentu dan disyaratkan untuk diuji semula sebelum layak diberi Lesen Perkhidmatan Awam dan kenderaan barangan;
- (ii) memperkenalkan sistem pemeriksaan kesihatan yang lebih komprehensif ke atas pemandu-pemandu Lesen Vokasional ataupun PSV agar pemandu-pemandu yang

benar-benar sihat sahaja layak memandu kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan-kenderaan barangan.

Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian melalui JPJ kerana strategi bagi menguatkuasakan sistem pengujian yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, untuk seseorang itu layak mendapatkan Lesen Vokasional untuk kenderaan berat seperti lori ataupun bas ialah dalam usia 21 tahun. Apabila dia layak diuji kereta dalam usia 18 tahun, jadi soalnya adakah kementerian bercadang untuk menaikkan lagi had umur bagi pemohon Lesen GDL ataupun PSV, Goods Driving License dan Passengers Service Vehicle, dengan izin, kepada usia lebih tinggi daripada 21 tahun, kerana kita dapati sikap pemandu-pemandu kenderaan berat ataupun bas ini dalam usia yang sebegitu muda, begitu agresif dan sebagainya, yang boleh menimbulkan faktor-faktor kemalangan di jalan raya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dahulu kerajaan telah pun mengisytiharkan untuk mensyaratkan kenderaan-kenderaan berat termasuk lori dan juga bas dengan pemasangan kotak hitam di setiap kenderaan yang berkenaan. Jadi, saya ingin tahu bilakah kuatkuasa ini akan dikenakan dan adakah syarikat-syarikat tempatan diberikan peluang bagi memasarkan alat berkenaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu.

Mengenai soalan yang pertama iaitu had umur seseorang calon sebelum diberikan kebenaran untuk mengambil ujian bagi Lesen PSV ataupun lesen untuk memandu kenderaan berat seperti bas, memang buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan sebab memandangkan apa yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan, iaitu syarat-syarat yang lebih ketat yang saya telah terangkan tadi, maka kerajaan berpendapat bahawa buat masa ini, walaupun had umur bagi seorang dewasa untuk mendapat Lesen Vokasional, PSV atau lesen untuk memandu bas adalah 21 tahun dan had umur ini akan dikekalkan, sebab sekarang kita dapat melihat syarat-syarat seperti seorang yang berminat memandu kenderaan berat tidak diberikan kesempatan atau peluang untuk mengambil peperiksaan kecuali beliau mempunyai lesen untuk Kelas D iaitu membawa kereta biasa dahulu. Dalam proses ini seseorang harus mempunyai pengalaman 2 hingga 3 tahun di jalan raya sebelum dibenarkan untuk mengambil Lesen Kenderaan Berat.

Bagi soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerajaan telah memutuskan pada akhir tahun yang lepas untuk mewajibkan pemasangan alat merakam kelajuan (vehicles speed monitoring device) dalam kenderaan berat. Memang umum selalu memanggil alat ini sebagai 'black box', tetapi nama yang tepat ialah alat merakam kelajuan ataupun vehicles speed monitoring device dalam kenderaan berat.

Dan langkah yang pertama ialah semua bas ekspres dan bas persiaran harus ataupun diwajibkan untuk memasang alat ini dalam kenderaan dan dari segi masa

penguatkuasaan buat masa ini kerajaan masih belum memutuskan tarikh sebenarnya penguatkuasaan oleh kerana syarikat-syarikat tempatan yang diberikan kesempatan untuk menjual ataupun memasang alat-alat ini sedang menjalankan dan mengambil langkah untuk mendapat semua bas ekspres dan pesiaran dalam negara kita iaitu yang mana jumlahnya tidak kurang daripada 5,400 buah yang masih aktif berjalan, bergerak di negara kita dan syarikat-syarikat yang dilantik oleh kerajaan sedang menjalankan kajian macam mana dapat membolehkan mereka memasang alat ini dalam kenderaan. Sebaik sahaja ini dilaksanakan dan dijalankan dengan sempurna, baru kerajaan berani memutuskan apa tarif penguatkuasaan undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian yang telah mengambil beberapa langkah untuk mengelakkan kemalangan yang melibatkan kenderaan berat.

Walau bagaimanapun, adakah pihak kementerian sedar bahawa majoriti pemandu-pemandu kenderaan berat ini sama ada bas ekspres ataupun lori, mereka ini mendapat gaji yang begitu rendah tetapi pendapatan sebenar mereka ini bergantung kepada komisen. Sebab itu kita dapati driver-driver kenderaan berat ini berlumba-lumba untuk mendapatkan komisen yang lebih. Itu kadang-kadang kita dapati dia bawa barang lebih muatan, dia patutnya perlahan tetapi laju untuk kejar trip kerana semata-mata untuk mendapatkan pendapatan yang lebih.

Oleh itu, saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan satu sistem gaji yang standard kepada pemandu-pemandu kenderaan

berat ini supaya mereka ini lebih berhati-hati dan tidak semata-mata mengejar keuntungan tanpa memikirkan keselamatan orang ramai sewaktu di jalan raya. Terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita sentuh tentang gaji seseorang pembawa lori ataupun pembawa bas, memang sukar bagi kerajaan untuk campur tangan tetapi pada hemat kementerian, buat masa ini semua pemandu kenderaan berat yang menerima gaji tidak boleh kata rendah. Pada pendapat kementerian structure gaji yang diterima adalah munasabah tetapi memanglah terdapat ramai pembawa kenderaan berat hendak mempercepatkan trip dia supaya dia boleh bawa lebih banyak trip ataupun bagi pemandu bas memang pembawa-pembawa bas akan cepat sampai ke destinasi dan lepas itu berehat.

Memang kerajaan walaupun sebenarnya tidak dapat campur tangan dari segi gaji yang diterima sama ada munasabah ataupun cukup tinggi ataupun rendah tetapi saya percaya mengikut gaji pasaran tauke-tauke ataupun syarikat-syarikat yang mengambil pemandu menjadi pemandu mereka akan juga mengambil perhatian tentang ini dan kerajaan tidak bercadang untuk campur tangan supaya satu gaji structure dapat diadakan buat masa ini. Sekian.

**PIL ECSTASY - BILANGAN PENGEDAR/PENAGIH  
YANG DITAHAN BAGI TAHUN 1995 DAN 1996**

10. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) bilangan pengedar dan penagih 'Ecstasy Pill' yang telah ditahan pada tahun 1995 dan 1996; dan

- (b) apakah tindakan yang akan diambil untuk mencegah penyakit sosial baru ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penggunaan pil ecstasy di Malaysia hanya mula dikesan pada tahun 1996. Oleh itu pada tahun 1995, tiada tangkapan yang dibuat ke atas pengedar dan penagih ecstasy. Sepanjang tahun 1996, pihak polis telah menangkap 4 orang pengedar dan 47 orang penagih pil jenis ini.
- (b) Masalah pil ecstasy di negara ini belum mencapai tahap yang serius jika dibandingkan dengan heroin dan ganja. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus mengambil tindakan memberkas pengedar dan penagih pil berkenaan. Sebagai strategi pencegahan adalah perlu masalah ini tidak wajar diheboh-hebohkan kerana ia akan menarik perhatian remaja lain untuk mencuba dadah ini. Kajian kerajaan dari tahun 1988 hingga 1996 menunjukkan purata 10.6% penagih baru menagih atas sebab hendak mencuba - sengaja cuba.

Selain daripada itu, beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak polis dan kastam bagi mengawal masalah ecstasy. Pihak polis akan mengambil tindakan di bawah seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya terhadap mereka yang mengedar dadah ini. Ini akan menjadi satu penghalang kepada mereka yang cuba melibatkan diri dalam pengedaran

dadah ecstasy. Tindakan pemeriksaan ke atas pengunjung-pengunjung pusat-pusat hiburan juga akan dipertingkatkan.

Sementara itu, semua stesen Pencegahan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja telah diberi arahan untuk membuat pemeriksaan yang lebih rapi ke atas orang-orang tertentu yang masuk ke negara ini.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan pengedar dadah yang telah dihukum mati pada kedua-dua tahun tersebut dan juga sama ada tindakan yang diambil oleh polis untuk mencegah bekalan sumber dadah adalah berkesan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkaitan dengan ecstasy. Dia hendak keseluruhan dadah, saya rasa saya kena minta notislah kerana ia sudah terkeluar sedikit.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerap kali pihak yang berkuasa bila merampas dadah di merata negara, nilai dalam bentuk wang ringgit yang diperolehi daripada jualan dadah itu didedahkan kepada umum. Jadi, persoalan saya, adakah kerajaan sedar ataupun kementerian sedar bahawa dengan mendedahkan nilai yang diperolehi oleh pengedar-pengedar dadah ini kepada umum akan menggalakkan lebih banyak lagi orang untuk mencebur diri ataupun memberanikan diri untuk melibatkan diri di dalam pengedaran dadah ini dan adakah ini munasabah dilakukan. Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengedar dadah atau sindiket, dia ada cara yang paling berkesan untuk mendapatkan dia punya orang perantaraan ataupun dia punya courier, tidak payah kita sebut pun mereka lebih tahu

harga daripada kerajaan. Pengumuman kerajaan terhadap harga ataupun nilai itu adalah satu perkara untuk meningkatkan kesedaran orang awam supaya lebih ramai orang awam boleh sama-sama mengawasi membantu kerajaan bahawa walaupun ini satu kegiatan yang boleh dapatkan banyak wang tetapi kesannya begitu serius, akhirnya bukan sahaja akan memberikan masalah kepada orang yang lain, bahkan kalau dia dapat untung banyak pun dia akan digantung, tidak gunalah cari wang dengan cara itu.

Daripada tangkapan yang dapat kita tahu, semua mereka yang terlibat ini tidak mengetahui melalui akhbar bahawa ini satu kegiatan yang menguntungkan. Bahkan dia memang sudah ada connection lebih awal lagi.

#### **PAKAR DAN PEGAWAI PERUBATAN - LANGKAH-LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN**

11. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) jumlah kekurangan pegawai perubatan dan pakar perubatan yang dihadapi oleh kementerian dan apakah langkah-langkah terkini yang diambil untuk mengatasinya dan setakat hari ini apakah jumlah pegawai/pakar perubatan serta jururawat tempatan dan asing yang berkhidmat dengan kementerian dan tempat kosong bagi jawatan tersebut; dan
- (b) memandangkan wujudnya banyak karenah birokratik yang menyebabkan wujudnya pegawai perubatan yang tidak dapat kenaikan pangkat sepanjang perkhidmatannya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kekurangan pegawai perubatan dan pegawai pakar perubatan pada masa ini adalah terkawal. Ini memandangkan dari jumlah jawatan yang diwujudkan sehingga 31hb.

Disember tahun lalu, Kementerian Kesihatan telah berjaya mengisi sebanyak 5,760 jawatan atau 90.6% dari jumlah jawatan yang diwujudkan iaitu sebanyak 6,360 jawatan dalam tahun tersebut.

Walaupun dari prinsip perjawatan, 90.6% jawatan pegawai perubatan diisi, namun kekosongan sebenar di hospital-hospital masih tinggi, memandangkan terdapat sebahagian pegawai perubatan yang mengisi jawatan tidak berada di hospital atau klinik kesihatan. Ini adalah disebabkan antaranya mereka sedang melanjutkan pelajaran ataupun berkursus atau dipinjamkan ke fakulti perubatan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Pertahanan.

Jumlah mereka yang sedang bercuti belajar seperti pada 31hb. Disember tahun lalu ialah seramai 581 orang dan yang dipinjamkan seramai 142 orang dipinjamkan ke lain-lain agensi kerajaan. Untuk memenuhi keperluan projek-projek baru yang dijangka siap akan dilaksanakan dalam tahun 1997 serta untuk projek-projek sedia ada, sejumlah 1,227 jawatan pegawai perubatan yang baru telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada bilangan 704 pegawai perubatan dan pakar kontrak yang diluluskan pengambilan oleh pihak agensi pusat kepada Kementerian Kesihatan, seramai 409 orang telah pun dilantik. Daripada jumlah tersebut 151 pegawai adalah perubatan pakar, dan 258 pegawai perubatan biasa. Dari jumlah tersebut, seramai 362 orang merupakan warganegara asing, iaitu 121 pegawai perubatan pakar dan 241 pegawai perubatan biasa, dan hanya 47 orang sahaja merupakan warganegara yang

dilantik secara kontrak. Bilangan kekosongan bagi kuota pengambilan pegawai perubatan dan pakar kontrak sehingga kini ialah seramai 295 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jururawat pula, sehingga 31hb. Disember tahun lalu, jawatan jururawat di Kementerian Kesihatan ialah sebanyak 33,401 jawatan, termasuk Penolong Jururawat, Jururawat Desa, Jururawat Masyarakat dan Jururawat Terlatih. Daripada sejumlah tersebut, jawatan Jururawat Terlatih sebanyak 15,664 dan pengisiannya pula 13,867 atau 89%. Sementara itu jururawat yang diluluskan oleh agensi pusat untuk dilantik secara kontrak bagi tempoh dua hingga tiga tahun dengan Kementerian Kesihatan ialah seramai 841 orang. Dari kuota yang diluluskan itu, seramai 335 orang telah pun diambil. Dari jumlah tersebut, seramai 247 orang merupakan jururawat warganegara asing dan 88 jururawat warganegara yang dilantik selepas bersara. Baki dari kuota yang diluluskan ialah seramai 506 orang yang belum dibuat pengambilan. Pengambilan jururawat warganegara dan asing dibuat secara 'running exercise' dan penempatan mereka adalah berdasarkan kepada keperluan hospital.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan dan pegawai pakar ialah dengan melalui:

- (i) perlantikan secara kontrak pegawai perubatan dan pakar warganegara selepas bersara.
- (ii) pengambilan pegawai perubatan dan pakar asing secara kontrak;

- (iii) melonggarkan syarat perkhidmatan wajib dengan tujuan mendorong lebih ramai pegawai perubatan warganegara Malaysia yang menetap di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia.
- (iv) membuat kajian ke atas skim perkhidmatan dan struktur saraan pegawai perubatan ke arah yang lebih baik supaya mereka terus berkhidmat dengan kerajaan.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kenaikan pangkat pegawai perubatan ialah:

- (i) mempermudah dan mempercepatkan proses kenaikan pangkat. Urusan kenaikan pangkat diadakan lebih kerap daripada biasa. Ini termasuklah kenaikan pangkat pegawai perubatan pakar yang lebih cepat dari gred U3 kepada U2 sebaik sahaja diwartakan sebagai pakar.
- (ii) mempercepatkan urusan perwartaan pegawai perubatan yang mendapat kelulusan pakar. Ini bertujuan kenaikan pangkat mereka dapat dipercepatkan sebaik sahaja diwartakan sebagai pegawai pakar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tadi Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan tentang langkah-langkah untuk memastikan kementerian mempunyai pegawai perubatan yang mencukupi termasuk pakar-pakar. Dan langkah-langkah yang dimaklumkan seperti mengambil pekerja-pekerja dari luar. Saya hendak

bertanya sama ada kementerian bercadang untuk membenarkan pegawai-pegawai perubatan, terutama sekali pakar-pakar untuk mereka membuat kerja-kerja part time atau sambilan. Ini adalah kerana mereka meninggalkan perkhidmatan kerajaan oleh kerana di sektor swasta memberikan jaminan gaji yang lebih tinggi. Ini kita lihat telah berlaku di universiti, banyak pensyarah universiti memberikan khidmat perunding mereka di sektor swasta oleh kerana mereka ada satu pendapatan yang kedua. Mereka tetap tinggal dengan universiti dan masih juga tidak tertinggal dari segi penjagaan keluarga mereka dari segi pendapatan untuk menyara keluarga mereka. Saya minta sedikit penjelasan.

**Datuk Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang bukan merupakan satu cadangan yang baru, tetapi sudah lama diutarakan dalam Dewan ini. Tetapi sehingga kini pendirian kerajaan ialah tidak membenarkan doktor-doktor kita yang berkhidmat di perkhidmatan awam untuk bekerja di luar secara part time. Oleh kerana kita kluatir bila doktor-doktor dan pakar, khasnya pakar kita berkhidmat di luar, di swasta dan juga di hospital-hospital awam, maka mereka akan memberikan keutamaan kepada pesakit-pesakit yang mampu, iaitu merupakan pesakit-pesakit daripada swasta, oleh kerana mereka membayar yuran yang lebih tinggi. Oleh kerana itu, kita kluatirlah mereka akan mengabaikan kebajikan pesakit-pesakit awam yang datang ke hospital-hospital kita. Tetapi sebaliknya kita harap pada suatu hari nanti hospital-hospital kita kalau dikorporatkan, dan pada masa itu mereka menjadikan hospital swasta walaupun dimiliki oleh kerajaan, syarat ini boleh dilonggarkan pada masa itu.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri Kesihatan berkenaan biasiswa post graduate. Selain daripada peluang kenaikan pangkat, saya rasa peluang untuk mendapat biasiswa post graduate pun mustahak kepada medical officer yang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan. Untuk mengelakkan doktor-doktor meletak jawatan dari perkhidmatan kerajaan, apakah skim yang dirancang untuk doktor-doktor yang berminat mendapat biasiswa post graduate?

**Datuk Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan banyak biasiswa kepada pegawai perubatan yang berkhidmat di dalam Kementerian Kesihatan. Umpamanya pada tahun lalu bila kita memperkenalkan satu kursus baru untuk 'masters degree' atau 'special degree' universiti-universiti tempatan secara jarak jauh atau 'distance learning', maka pada masa tahun lalu kita dapat tambah bilangan doktor perubatan yang dapat pergi ke universiti-universiti tempatan sebanyak 119%. Dengan penambahan yang begitu ketara itu kita harap lebih-lebih lagi doktor-doktor kita akan kekal dan berkhidmat di dalam hospital-hospital yang dianjurkan oleh kementerian Kesihatan

#### **KANAK-KANAK PENDATANG ASING BELAJAR DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH DI SABAH - BILANGAN**

**12. Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak pendatang asing dari negara jiran yang sedang menuntut di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sekolah-sekolah menengah kerajaan di seluruh negeri Sabah dan adakah pihak sekolah diwajibkan untuk memeriksa dokumen kerakyatan ibu bapa yang terlibat sebelum menerima sesiapa untuk mendaftar sebagai pelajar.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kanak-kanak pendatang asing dari negara jiran yang belajar di sekolah-sekolah rendah kerajaan di seluruh negeri Sabah adalah seramai 31,394 orang dan di sekolah-sekolah menengah pula seramai 3,971 orang. Untuk tujuan pendaftaran, pihak sekolah diminta

merujuk kepada sijil kelahiran dan kad pengenalan ibu bapa, penjaga mereka. Senarai pendaftaran yang berasingan akan dikeluarkan bagi mereka yang bukan warganegara.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini seorang pelajar telah mengikuti peperiksaan STPM dan lulus dengan kelulusan yang cemerlang. Beliau telah memasuki angkatan tentera dan didapati bahawa kad pengenalan yang digunakan itu adalah palsu dan tindakan telah diambil. Jadi, soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah bahawa pelajar-pelajar kita ini menduduki peperiksaan dengan menggunakan dokumen yang palsu. Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar ini tidak menjadi rakyat Malaysia secara sah dengan dokumen-dokumen yang diragui?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi Jabatan Pendidikan di Sabah dan juga sekolah, kita tidak punya kuasa untuk memeriksa dan mengatakan bahawa kad pengenalan atau sijil yang ditunjukkan adalah palsu atau sebaliknya dan tugas itu di luar bidang kuasa jabatan ataupun kementerian ini sendiri. Namun demikian, kalau Yang Berhormat ada kes-kes yang spesifik, saya pun ingin hendak tahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kos yang dikenakan oleh pihak kementerian ke atas pelajar-pelajar asing. Adakah kos yang dikenakan adalah sama atau kos yang lebih tinggi ataupun disubsidi dengan penuh oleh rakyat Malaysia?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kos itu berbeza di antara bukan warganegara.

### **TELEFON BIMBIT - BAYARAN CAJ**

**13. Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang langkah-langkah yang mungkin dapat diambil bagi mengatasi masalah pengguna telefon bimbit yang dikatakan sering dikenakan caj atau bayaran yang tidak munasabah. Pelbagai kaedah telah diambil oleh beberapa syarikat berkenaan untuk mengaut keuntungan seperti mengenakan bayaran walaupun pemanggil tidak mendapat respon ataupun panggilan tidak berjawab.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua caj yang dikenakan bagi perkhidmatan rangkaian talian telefon adalah pada kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Telefon 1996 dan Peraturan-peraturan Telekomunikasi 1986 (Pindaan) 1996. Tiada apa-apa caj boleh dikenakan selain daripada apa yang telah diperuntukkan. Pengusaha-pengusaha rangkaian telefon adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan tersebut.

Tindakan boleh diambil ke atas mana-mana pengusaha sekiranya didapati bersalah dan bersabit dengan kesalahannya. Pengguna-pengguna boleh membuat aduan kepada pengusaha-pengusaha telekomunikasi dan Jabatan Telekom Malaysia sekiranya terdapat bukti-bukti yang nyata.

Berhubung dengan caj bagi panggilan yang tidak berkesan, kementerian telah minta pengusaha memberi rebat kepada pelanggan yang dapat memberi bukti yang nyata. Maka pengguna-pengguna adalah diminta menghubungi pengusaha rangkaian berkaitan untuk memastikan sama ada mereka layak dan berhak menerima rebat ataupun tidak.

Kementerian ini juga melakukan pengawasan dari masa ke semasa ke atas peralatan dan sistem kendalian bil untuk mengelakkan kejadian sedemikian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat masanya.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 7 dan 14 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan."  
[1hb. April 1997]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Kluang diminta sambung.

**3.36 ptg.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyambung perbahasan saya pada petang ini.

Tentang projek MSC, saya sekali lagi ingin menekankan bahawa antara 583 syarikat yang memohon untuk menyertai projek MSC, 461 syarikat adalah syarikat tempatan. Jadi, kita sangat berharap Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan pihak kerajaan harus memberi peluang yang cukup kepada syarikat tempatan dan syarikat perisian di kalangan profesional muda dalam projek MSC dan pihak kerajaan harus menentukan supaya sokongan institusi kewangan kepada usahawan tempatan untuk menceburi bidang industri teknologi tinggi ditingkatkan kerana memandangkan ia masih belum memuaskan pada masa sekarang. Di samping itu, kerajaan harus juga menyediakan berbagai bentuk insentif bagi membolehkan institusi berteknologi tinggi dimajukan. Jadi, pada kesimpulannya, kejayaan MSC bergantung kepada keyakinan kerajaan dan pihak pelabur serta pengetahuan dan kefahaman semua pihak, termasuk rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai institusi ataupun masalah sosial, seperti yang dilaporkan jumlah kes juvana antara 10 tahun hingga 15 tahun pada tahun 1993 hingga 1996 ialah 5,840 kes. Di antara kes hilang ataupun mereka lari dari rumah, pada tahun 1990 hingga 1996 sebanyak 26,092 kes di Semenanjung Malaysia. Di antara mereka, 49.2% daripada mereka yang menyatakan ibu bapa mereka terlalu sibuk, mereka berasa bosan berada di rumah dan ingin mencari sesuatu yang tidak diperolehi di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang lebih membimbangkan ialah pagi ini saya membaca surat khabar, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, iaitu Dr. Raj Abdul Karim berkata, segelintir gadis di negara kita

sanggup menggadai maruah mereka dengan bayaran cuma RM10 ataupun minta belanja makan di hotel sahaja. Satu kajian dibuat mendapati 24% daripada remaja yang disoal selidik mengakui bahawa mereka mempunyai pengalaman mengadakan hubungan seks. Jadi, kesemua ini merupakan satu masalah yang sangat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa masalah sosial yang sedang berlaku ini merupakan masalah besar kepada negara kita dan ia perlu diatasi sekiranya Malaysia hendak menuju ke arah negara yang maju. Selain daripada undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal gejala yang tersebut di atas, Kementerian Belia dan Sukan telah pun lama merangka beberapa program digabungkan di bawah satu konsep wawasan Rakan Muda. Seperti yang kita sedia maklum, segala program tersebut adalah untuk membantu generasi muda mengenali budaya warisan bangsa Malaysia dan tidak terpengaruh dengan budaya negatif Barat. Di samping itu, ia akan membawa wadah yang boleh menggerakkan wawasan dan cita rasa masyarakat serta menyumbang tenaga untuk memajukan dan membangunkan negara kita harus memastikan program Rakan Muda dapat dijalankan dengan berkesan dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang berasa gembira apabila mendengar Kementerian Belia dan Sukan melalui Jawatankuasa Khidmat Sosial dan memberi beberapa cadangan seperti mewajibkan pelajar lepasan SPM untuk mengikuti program khidmat sosial bagi mengurangkan mereka daripada terlibat dalam gejala sosial.

Dan juga satu lagi cadangan bahawa Sistem Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) akan dilaksanakan untuk penuntut-penuntut sekolah menengah. Saya fikir mungkin sebagai satu alternatif adalah dicadangkan bahawa satu bentuk latihan tentera dimasukkan dalam kurikulum sekolah menengah supaya menanam semangat disiplin di kalangan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha Kementerian Belia dan Sukan, sasaran untuk menangani masalah sosial ini juga melibatkan ibu bapa, pemimpin-pemimpin belia, persatuan-persatuan masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan supaya kita dapat mencapai matlamat yang lebih berjaya dan berkesan.

Pada hemat saya, selain daripada Kementerian Belia dan Sukan, jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Perpaduan Negara juga boleh memainkan peranannya dan bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan untuk menganjurkan bersama beberapa aktiviti yang dianggap sesuai demi membawa lebih banyak faedah kepada generasi muda kita.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan, kalau tidak salah saya telah pun melancarkan satu program promosi perpaduan pada tahun 1994 yang mengandungi 18 kegiatan utama seperti Program Sedarpadu, Titian Emas, Jambori Perpaduan dan khemah kerja, interaksi dan sebagainya.

Jadi, melalui kegiatan-kegiatan tersebut dapat memberi peluang kepada remaja untuk menyertai aktiviti yang lebih sihat dan selain daripada itu dapat memperingatkan kepada mereka mengenai betapa pentingnya perpaduan dan interaksi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Di samping itu, Jabatan Perpaduan Negara telah pun menubuhkan lebih dari 1,000 kawasan rukun tetangga di seluruh negara dan di bawah Sektor Rukun Tetangga

ada ditubuhkan Jiran Wanita dan Jiran Muda. Dan kegiatan di bawah Jiran Muda juga dapat memupuk semangat patriotisme dan setiakawan terhadap bangsa Malaysia tanpa mengira keturunan, budaya dan agama. Saya ingin bertanya sama ada program seumpama ini masih berjalan ataupun macam mana sambutan dan adakah ia berjaya?

Kita mengalu-alukan pernyataan yang dimaklumkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mengatakan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan dan pelan tindakan yang lebih menyeluruh telah disediakan untuk mengatasi masalah sosial yang mungkin kita hadapi pada hari ini.

Saya mempunyai penuh keyakinan kalau program yang diaturkan oleh jabatan-jabatan yang disebut di atas, ia bukan sahaja dapat memberi satu aktiviti yang berfaedah kepada generasi muda, bahkan ia dapat membawa semua peserta bersedia untuk menyumbang tenaga dan membantu kerajaan mewujudkan sebuah negara yang lebih aman, maju dan makmur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, saya gulung!

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang mengenai Indah Water Konsortium (IWK), cuma IWK akan mula mengutip pembayaran caj di negeri Johor dan seperti negeri yang lain, di negeri Johor ia akan mengenakan satu caj mengikut nilai tahunan, tetapi negeri Johor mungkin IWK mengenakan caj mengikut nilai baru ataupun 'improve value' dan kerajaan negeri telah pun mengadakan satu

taklimat pada 20hb. Januari, 1997 yang lalu dan terdapat masalah mengenai pengiraan caj.

Maka saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya Bahagian Pembetulan supaya dapat meneliti cadangan yang dikemukakan oleh kementerian ataupun Kerajaan Negeri Johor tentang pengiraan caj ini.

Akhir sekali, tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri sama ada kementerian sedar masih ramai pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang telah lama duduk di negara kita, ada yang selama 20 tahun ataupun 30 tahun dan ramai dari mereka sudah mempunyai ramai anak dan cucu dan mereka telah banyak kali memohon kewarganegaraan tetapi sehingga hari ini masih belum berjaya.

Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri supaya dapat menimbangkan permohonan pemegang kad pengenalan merah ini supaya mereka mendapat kelulusan kewarganegaraan ini.

Satu lagi, ialah tentang borang baru ataupun 'simplify form' yang akan disediakan, saya ingin bertanya bilakah 'simplify form' ini akan siap dan bila akan diedarkan kepada semua Pejabat Imigresen supaya mereka yang ingin memohon dapat borang 'simplify form' ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menarik perhatian di Kluang ini sama ada kementerian sedar baru-baru ini ataupun mulai 1hb. Februari, perkhidmatan imigresen bergerak di Kluang telah pun berhenti operasinya dan ini telah menimbulkan banyak kesulitan kepada penduduk-penduduk di daerah Kluang yang ingin memohon pasport. Jadi, sekali lagi saya ingin merayu kepada kementerian supaya mengadakan Pejabat Imigresen tetap di Kluang untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong Titah Ucapan DiRaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cheras.

**3.48 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Titah Ucapan DiRaja telah menyentuh pelbagai perkara kepentingan negara tetapi tidak disebutkan secara khusus masalah rasuah di negara ini yang memberi gambaran seolah-olah negara kita tidak ada gejala rasuah.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada *Utusan Malaysia* terbitan 25hb. dan 26hb. Mac, tahun ini yang melaporkan ‘headline’ muka depan punca keadaan teruk jalan-jalan di Kuala Lumpur, BPR berkata, ‘ada unsur rasuah’.

Sahabat saya dari Kota Melaka telah berucap dengan panjang lebar pada 27hb. Mac lalu mengenai unsur rasuah wujud dalam kes projek pembinaan jalan di Melaka dan kegagalan pihak berkuasa bertindak atas aduan yang dibuat. Bukan sahaja soal jalan

raya yang wajib mendapat tindakan BPR untuk menyiasat lebih lanjut seperti gesaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berikutan penyiaran laporan tersebut, tetapi banyak lagi sektor perkhidmatan awam yang perlu disiasat oleh BPR.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam industri pembinaan dan perumahan, kita mendapati skim pembinaan rumah kos rendah masih menjadi sasaran. Sungguhpun rumah pangsa kos rendah di bawah kawalan kerajaan, masih terdapat para pemaju yang mengutip bayaran ‘bawah kaunter’ daripada para pembeli rumah di samping para pembeli perlu membayar harga sebenar rumah, mereka terpaksa membayar wang ‘bawah kaunter’ yang berlipat ganda. Jika tidak, peluang mereka untuk mendapatkan rumah adalah tipis.

Begitu juga dengan caruman KWSP, saya pernah membantu ramai pekerja yang mana majikan mereka gagal mencarum ke akaun pekerja walaupun saya telah menulis banyak surat, namun tiada apa-apa tindakan oleh pihak penguatkuasa dan penyiasat KWSP. Apa yang didapati syarikat-syarikat terbabit terus beroperasi tetapi wang caruman KWSP para pekerja tidak dikreditkan ke akaun mereka. Apakah kes seperti ini tidak ada unsur rasuah, apabila pegawai-pegawai penyiasat KWSP datang memeriksa syarikat dalam satu atau dua lawatan dan selepas itu menghilangkan diri.

Begitu juga agensi-agensi pekerjaan yang membabitkan recruitment pembantu rumah dan pekerja asing yang lain. Dengan ketiadaan lesen, pengusaha masih mengambil para pekerja asing. Resit jabatan yang terbukti palsu dan akhirnya masih

boleh dikeluarkan. Tidakkah ada unsur rasuah di mana pegawai-pegawai berpakat dengan sindiket untuk membuat keuntungan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang BPR patut menumpukan perhatian dalam siasatan mereka ialah Bahagian Bekalan Kerajaan, yang mana tender dipanggil supaya para penender atau pemborong membekalkan sesuatu barang menurut klasifikasi kepada kementerian. Jabatan dan agensi kerajaan, kita dapati pada setiap tahun Laporan Audit Negara, Ketua Audit Negara kerap memuatkan ulasan atas perbelanjaan kerajaan baik Persekutuan, negeri atau jabatan yang mana terdapat unsur-unsur penyalahgunaan dan penyelewengan wang kerajaan yang digunakan secara tidak bertanggungjawab. Misalnya kontraktor atau pembekal mengenakan caj berlebihan (over charge) ataupun short change, tetapi jarang terdapat pengumuman mengenainya bagaimana seseorang pegawai yang terlibat diambil tindakan, termasuk juga para pembekal.

Cerita para pembekal mengenakan caj berlebihan bagi barang makanan atau yang lain dibekal kepada institusi kerajaan seperti kem tentera, penjara, hospital, sekolah dan sebagainya, pada kadar harga yang tinggi sedangkan harga di pasaran lebih murah, ataupun jika pembekal mengenakan caj yang rendah ia pula akan membekalkan barang kurang bermutu ataupun curi timbangan.

Kes membekal 'mee segera' ke kem tentera seperti yang pernah timbul di Dewan ini pada tahun tujuh puluhan, bukan mustahil boleh berlaku, tetapi di manakah kedudukan BPR dalam siasatan ini. Adakah mereka tidak memberi perhatian pada Bahagian Bekalan Kerajaan? Perniagaan 'Ali Baba' pun juga tidak sunyi dari unsur

rasuah, apabila 'Ali' memberi kontrak kepada sub-kontraktor keuntungan akan dibahagi dua. Untuk memastikan keuntungan sub-kontraktor akan membuat kerja yang tidak mengikut standard yang telah ditetapkan.

Kelemahan dan ketidakcekapan prestasi yang buruk dan merosot, sikap tidak bertanggungjawab bukanlah merupakan intipati masalah. Ia mungkin berpunca dari gejala rasuah yang secara perlahan-lahan menyerap ke dalam masyarakat. Rasuah merupakan parasit yang boleh memasuki mana-mana sektor, jabatan dan agensi. Apakah gejala rasuah tidak boleh menyelinap masuk ke jabatan tanah, perancang bangunan, kastam dan sebagainya, sehinggakan baru-baru ini projek UK Perdana yang dimajukan oleh Projek Ikatan Rapi Sdn. Bhd. telah membersihkan kawasan bukit yang sepatutnya dibuat secara enam fasa menjadi satu.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya baru mengeluarkan perintah memberhentikan kerja selepas ditegur oleh Perdana Menteri sewaktu menyaksikannya dari udara. Walaupun telah banyak aduan dibuat, namun tiada tindakan MPAJ dan pemaju terbabit. MPAJ menafikan wujudnya penyelewengan kakitangan. Jika tiada penyelewengan, mengapakah kelemahan ini boleh berlaku? Bukankah tidak terdapat unsur rasuah di dalamnya?

Tuan Yang di-Pertua, BPR patut menyiasat kesemua projek kerja raya atau awam sama ada terdapat unsur rasuah bagi projek yang melibatkan jutaan ringgit termasuk juga projek tebatan banjir di Lembah Klang. Kerajaan selalu meletakkan kesalahan pada rakyat kerana membuang sampah dalam longkang dan sungai. Dewan Bandaraya dan

Jabatan Perairan dan Saliran di bawah Kementerian Pertanian mengumumkan setiap tahun peruntukan projek tebatan banjir, tetapi mengapa banjir masih berlaku lagi.

Saya ingin mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional supaya menjadikan BPR badan bebas, berkuasa penuh. Sudah lama kerajaan sering memperkatakan untuk membuat pindaan ke atas Akta Pencegahan Rasuah, tetapi sehingga kini tidak berbuat apa-apa. Setiap kali negara Barat mengecam rekod rasuah Malaysia, negara kita akan membidas semula dengan mengatakan bahawa mereka lebih kuat rasuah, dengan tangkapan dan dakwaan ke atas pemimpin-pemimpin mereka, sedangkan negara kita tiada tangkapan ke atas pemimpin dan orang besar.

Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa pemimpin-pemimpin politik luar negeri, baik di Barat ataupun Asia, seperti Jepun, Korea Selatan, India di mana Perdana Menteri mereka pernah dipecat, dihukum mati. Bukanlah bererti negara kita lebih bersih, tetapi hakikat yang sebenar ialah negara berkenaan amalan demokrasi mereka lebih berkesan, telus, mempunyai kebebasan bersuara dan kebebasan media-massa. Tetapi di Malaysia parti pemerintah mempunyai kuasa yang terlalu besar dan luas. Oleh kerana BPR adalah 'answerable' kepada kerajaan dan JPM sahaja, banyak skandal rasuah ditutup, disembunyi dan menteri-menteri dilindungi. Mereka yang terlibat seteruk-teruk nasib yang dihadapi adalah diminta bersara atau berhenti secara sukarela ataupun tidak diberi peluang memegang jawatan politik yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan. Titah Ucapan Di-Raja juga menyentuh industri pelancongan dan dalam hubungan ini saya ingin mengatakan integrasi penduduk Malaysia hanya boleh dicapai jika rakyat sentiasa berintegrasi antara satu sama lain.

Hari ini kita melihat perhubungan antara rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak masih renggang. Ini berpunca dari kurangnya perhubungan antara mereka. Malangnya sistem perhubungan dan pengangkutan utama di negara kita dimonopoli oleh MAS. Sungguhpun ada sistem pengangkutan udara yang lain di negara kita, tetapi monopoli MAS dalam penerbangan berjadual dan syarikat lain hanya membuat penerbangan-penerbangan tambahan dan tempahan (chartered flight) sahaja.

Saya ada membuat pertanyaan di Dewan Rakyat mengenai monopoli MAS dengan mengenakan tambang lebih mahal. Sungguhpun ada penerbangan tambahan oleh syarikat-syarikat lain seperti Transmail Air, Air Asia dan sebagainya yang tambangnya lebih murah, tetapi penerbangannya adalah terhad.

Kerajaan hendaklah menimbang supaya syarikat penerbangan lain diberikan kebenaran membuat penerbangan berjadual seperti MAS supaya tambang lebih murah dan lebih kompetitif. Ia membawa lebih banyak faedah kepada rakyat kerana lebih banyak penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Semenanjung dapat dilakukan. Rakyat antara dua wilayah yang terpisah oleh Laut China Selatan dapat berhubung dan menjalinkan kemesraan antara rakyat. Jika kerajaan tidak dapat membenarkan hal ini terjadi, kerajaan sebenarnya menghalang integrasi antara rakyat. Oleh kerana MAS, kini syarikat penerbangan tunggal, mereka tidak mengambil berat akan aduan mengenai

perkhidmatan yang kurang memuaskan, sebabnya aduan seperti itu tidak menjejaskan perkhidmatan mereka sebagai syarikat penerbangan tunggal.

Kerajaan patut lebih liberal dan memberi peluang sama rata kepada syarikat lain. Jika tambang tinggi, service kurang memuaskan, maka ini akan menyekat hubungan rakyat antara dua wilayah. Banyak tempat yang boleh dilawati di Sabah dan Sarawak seperti destinasi menarik di Mulu Cave, Pulau Panjang, di Sarawak, Gunung Kinabalu dan sebagainya. Jika tambang udara tinggi, maka akibatnya belanja melancong juga tinggi. Begitu juga rakyat Sabah dan Sarawak yang berhajat untuk melawat rakyat di Semenanjung dan tempat-tempat menarik di sini. Jika halangan tambang tinggi tidak diatasi, maka ia menyukarkan perhubungan.

Saya suka memberi misalan. Jika kita terbang ke Danau Toba, Sumatera, Indonesia pada waktu bukan puncak, belanja terbabit ialah antara RM300-RM350 sahaja bagi empat hari, tiga malam. Tetapi tambang udara tanpa pelancongan dari Kuala Lumpur ke Kuching - pergi dan balik, kelas ekonomi ialah RM524; pergi dan balik Kuala Lumpur-Kota Kinabalu pula tambang kelas ekonomi ialah RM874.

Menurut pakej pelancong oleh sebuah agensi pelancongan tempatan yang dianggap cajnya sederhana, tambang pelancong destinasi berikut sungguh tinggi iaitu:

Kuching	-	3 hari	-	RM 638
Gua Mulu		4 hari		RM1,389
Kuching dan Gua Mulu		5 hari		RM1,489
Kota Kinabalu		3 hari		RM 768

Taman Kota Kinabalu	4 hari	RM 988
Gunung Kinabalu	4 hari	RM1,068

Saya ingin menggesa kerajaan bahawa satu cara untuk memupuk integrasi, maka tambang perjalanan hendaklah murah dan termampu kerana dengan ini menggalakkan lebih ramai rakyat melancong dan melawat dalam negeri sendiri dan dapat mengelakkan rakyat berbelanja ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan. Titah Ucapan DiRaja juga menyentuh soal perumahan negara dengan menumpukan bidang pembinaan rumah kos rendah menerusi syarikat perumahan negara. Sejauh mana ia akan berjaya menyelesaikan masalah ini masih jauh untuk diteka. Terdapat dua masalah besar yang membelenggu industri perumahan.

Satu ialah rumah kos sederhana yang mana mereka yang berada dalam kumpulan ini tidak layak membeli rumah kos rendah dan tidak mampu membeli rumah kos tinggi. Di samping rumah kos rendah dikawal oleh pihak berkuasa tempatan, rumah kos sederhana antara RM30,000 ke RM100,000 tidak cukup bekalan. Yang ada bekalan ialah rumah kos tinggi lebih RM100,000 seperti kondominium. Golongan berpendapatan sederhana ini terhimpit dalam dilema ketiadaan rumah untuk dibeli. Kerajaan bukan sahaja perlu mengutamakan program perumahan kos rendah tetapi kos sederhana juga hendaklah dititikberatkan.

Masalah kedua ialah penyelewengan dalam penjualan rumah kos rendah. Apa yang berlaku sekarang ialah ramai pemaju perumahan menjual rumah kos rendah pada

harga RM25,000 menerusi surat perjanjian jual beli dengan diwajibkan pembeli menandatangani perjanjian ubah-suai (renovation) rumah yang melibatkan tambahan kos sehingga RM50,000 atau lebih lagi. Ini menjadikan rumah kos rendah bernilai tinggi dan ini tidak termasuk bayaran bawah kaunter.

Misalnya, di Batu 10, Jalan Hulu Langat Selangor, terdapat satu projek perumahan yang dinamakan Taman Gema Cahaya yang menjalankan kegiatan sedemikian. Saya setuju kerajaan menetapkan pemaju membina kuota 30% untuk rumah kos rendah, malangnya kerajaan tidak dapat mengawal pemaju menjual unit rumah kos rendah kepada pembeli pada harga yang tinggi menjadikan mereka mendapat untung besar. Para pemaju yang tamak dan memburu keuntungan sentiasa mencari kelemahan dan kekurangan dalam undang-undang bagi memeras para pembeli. Bukan syarikat yang saya sebut di atas sahaja, malah masih banyak pemaju yang memaksa bakal pembeli menandatangani perjanjian untuk melantik pemaju membuat kerja-kerja ubahsuai. Kerja-kerja tambahan itu dikenakan caj yang tinggi dan mengejutkan.

Di Taman Gema Cahaya misalnya, pemaju memeras mereka yang tidak mempunyai rumah. Menurut mereka yang terlibat dalam kerja-kerja ubahsuai rumah, kos yang dikenakan oleh pemaju terlalu tinggi. Jauh dari nilai atau kos sebenar, kos sepatutnya kurang daripada itu. Sepatutnya dengan membuat banyak ubahsuai di beratus rumah, kos ubahsuai semakin murah, boleh menjadi hanya RM15,000 atau RM20,000 sahaja. Tetapi, mengapa pembeli mendapat raw deal sedangkan pemaju menjadi kaya-raya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerima banyak aduan tetapi setiap kali ditanya, kata kementerian tiada undang-undang boleh mengawal. Nampaknya kementerian lari dari tugas mereka melindungi kepentingan rakyat. Saya ingin menggesa kerajaan supaya meminda segera Akta Pemaju Perumahan dengan peruntukan bahawa mana-mana para pemaju menjual rumah kos rendah dengan memaksa atau meminta pembeli membayar juga kos ubahsuai rumah diharamkan. Jika akta ini dipinda, ia hendaklah dikuatkuasakan secara retrospective iaitu mana-mana perjanjian jual beli rumah yang belum siap ataupun telah siap, pembeli berhak membatalkan perjanjian dan wang mereka hendaklah dikembalikan oleh pemaju.

Perkara yang akhir ialah mengenai indeks harga rumah. Kerajaan kini sudah mengeluarkan indeks harga rumah. Ia satu panduan yang tidak buat apa-apa. Ia sekadar menjadi pengetahuan asas untuk bakal pembeli membeli rumah tetapi kita harus tahu taktik pemaju. Misalnya dalam fasa I mereka menjual RM100,000 seunit rumah tetapi dalam fasa II mereka akan menjual RM150,000 sedangkan ciri-ciri perbezaan tidak banyak. Dengan lain perkataan, para pemaju tidak akan mengikuti harga dalam indeks harga rumah, maka adanya kerajaan membuat peraturan dalam pasaran bebas sekarang harga berada di luar kemampuan para pembeli. Keadaan ini bukan disebabkan kos bahan binaan, tanah, buruh yang tinggi tetapi disebabkan spekulasi yang tidak sihat serta sikap tamak pemaju. Bagaimana untuk mengatasi ini? Tidak lain kecuali kerajaan bersikap serius dalam menunaikan tanggungjawab sosial mereka dengan memastikan

harga rumah yang dijual adalah berpatutan kerana kebanyakan orang mereka menggunakan life saving untuk membeli rumah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gaya.

**4.06 ptg.**

**Tuan Philip Yong Chew Lip [Gaya]:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk mengikut perbahasan terima kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam sidang Parlimen kali ini. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan perasmian sidang Parlimen yang menekankan bahawa dasar penswastaaan yang tidak membebankan rakyat merupakan satu perkara yang perlu disanjung tinggi. Berdasarkan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini jelas menunjukkan dalam proses penswastaaan perlu memerhatikan kesan terhadap rakyat dan memastikan ia akan membawa faedah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa yang tidak mengizinkan saya akan membawa beberapa isu yang serius di Sabah. Kita sering mendengar keluhan dari pihak kerajaan dan juga rakyat bahawa taraf mutu perkhidmatan di kalangan pegawai kerajaan perlu dipertingkat lagi. Bahawa di negeri Sabah, khususnya di Jabatan Persekutuan masih menghadapi kekurangan pegawai memandangkan banyak kekosongan jawatan tidak diisi selama ini. Ini telah mengakibatkan pemprosesan permohonan seperti di dalam permohonan lesen dan lain-lain tidak dapat diproses dalam masa yang singkat.

Oleh itu saya merasa gembira jika Kerajaan Persekutuan dapat mengisi kekosongan jawatan dalam jabatan Persekutuan dengan segera demi melicinkan dan mempertingkatkan taraf mutu perkhidmatan awam di negeri Sabah. Selain itu, kerajaan juga seharusnya memerhatikan produktiviti kakitangan kerajaan awam supaya satu perkhidmatan cemerlang dapat dirasai oleh rakyat dari seluruh negara dan Sabah amnya.

Justeru itu saya berharap kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) iaitu menambah kuota kepada kakitangan yang cemerlang dalam nilai prestasi tahunan yang mana kuota yang ada pada masa kini iaitu 2% untuk melintang dan 3% untuk menegak adalah tidak mencukupi. Terdapat keluhan khususnya di kalangan guru agak kecewa terhadap pelaksanaan SSB kerana perkhidmatan yang cemerlang juga sukar memperolehi satu ganjaran dalam SSB. Walaupun mereka memperoleh perkhidmatan yang cemerlang tetapi tetap diberikan mendatar dengan baik atau cemerlang memandangkan sistem kuota untuk melintang dan menegak yang terhad.

Oleh yang demikian, demi meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam, sistem ganjaran yang setimpal dengan perkhidmatan cemerlang perlu diadakan supaya pegawai yang cemerlang dapat menikmati sedikit penghargaan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dalam kerajaannya. Sebaliknya ia akan mengecewakan dalam memberikan satu gambaran kepada kakitangan kerajaan yang rajin dan produktiviti. Malahan, ia akan membunuh semangat kepada kakitangan awam yang benar-benar berkorban dalam kerjanya demi faedah rakyat.

Justeru itu saya berharap kerajaan akan mengkaji semula pelaksanaan SSB (Sistem Saraan Baru) iaitu menambah kuota dalam kakitangan yang cemerlang dalam nilai prestasi tahunan yang mana kuota yang ada pada masa kini iaitu 2% untuk melintang dan 3% untuk menegak adalah tidak mencukupi. Terdapat kekeuhan khususnya di kalangan guru agak kecewa terhadap pelaksanaan SSB kerana perkhidmatan yang cemerlang juga sukar memperoleh satu ganjaran dalam SSB. Walaupun mereka memperoleh perkhidmatan yang cemerlang tetap diberikan mendatar dengan baik atau cemerlang memandangkan sistem kuota untuk melintang dan menegak yang terhad.

Oleh yang demikian demi meningkatkan produktiviti perkhidmatan dan awam, sistem ganjaran yang setimpal dengan perkhidmatan cemerlang perlu diadakan supaya pegawai yang cemerlang dapat menikmati sedikit penghargaan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dalam kerjanya. Sebaliknya ia akan mengecewakan dan memberikan satu tamparan kepada kakitangan kerajaan yang rajin dan produktiviti. Malahan ia akan membunuh semangat kepada kakitangan awam yang benar-benar berkorban kerjanya, demi faedah rakyat.

Justeru itu sebagai kakitangan kerajaan, seharusnya sentiasa menilai dan mengkaji semula perkhidmatan yang diberikan olehnya terhadap masyarakat supaya orang ramai mendapat manfaat yang sepatutnya. Kakitangan awam tidak sepatutnya meluangkan masa untuk perbuatan yang menyangsikan pengguna iaitu menelefon

dengan berbual panjang lebar, minum di kantin, asyik bercerita sejak di pejabat dan merayau sini sana dalam masa pejabat.

Bagi permohonan yang boleh diluluskan atau tidak, pegawai yang berkenaan perlu memberikan jawapan segera kepada pemohon. Kakitangan awam juga perlu meningkatkan konsep menepati masa dalam menjalankan tugas supaya dapat membolehkan rakyat atau pelabur asing dapat menyelesaikan masalah mereka dalam masa yang singkat. Oleh itu saya merayu kepada semua jabatan sama ada Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan agar mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kakitangan yang malas dan tidak produktif supaya orang ramai mempunyai keyakinan terhadap jabatan di bawah jagaannya. Kalau tidak, sikap kakitangan kerajaan yang malas dan tidak produktif ini akan menjatuhkan imej kerajaan dan jabatan serta merugikan semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan ubat batuk pil khayal dan syabu adalah sangat serius berlaku di Sabah. Baru-baru ini polis telah berjaya merampas 63 gelen ubat batuk dan 75,000 biji pil khayal di Kota Kinabalu. Ini menunjukkan penyeludupan dadah merbahaya ini telah mencapai satu tahap yang membimbangkan masyarakat di Sabah.

Penyalahgunaan ubat batuk dan pil khayal telah menjadi gejala sosial yang serius di Sabah. Di samping itu masyarakat mengambil perhatian terhadap isu masalah sosial seperti budaya lepak dan bohsia. Masalah penglibatan pelajar dalam jenayah dan penyalahgunaan dadah telah menjadi isu baru dalam menangani gejala sosial pada masa

ini. Sebenarnya pelajar merupakan harapan negara pada masa hadapan. Akan tetapi penglibatan pelajar di dalam perkara yang kecil ini akan menimbulkan masalah sosial dan menjadi penghalang negara dalam perkembangan menuju ke arah negara maju.

Oleh yang demikian, kita perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi isu penglibatan pelajar dalam jenayah dan penyalahgunaan dadah seperti pil khayal, ubat batuk dan ganja telah mencapai tahap yang akan membimbangkan semua lapisan masyarakat di Sabah. Disebabkan bekalan bahan-bahan tersebut mudah diperolehi seperti di pusat-pusat hiburan, tempat-tempat awam malahan di gerai-gerai haram atau melalui penjaja bergerak. Maka masalah tersebut telah menjadi lebih serius dan merebak dengan lebih cepat. Walaupun penguatkuasa ada menjalankan operasi untuk merampas bekalan tersebut tetapi ubat batuk dan pil khayal tidaklah dikategorikan di bawah Akta Dadah Merbahaya. Maka mereka yang terlibat dan pengedar ubat batuk dan pil khayal hanya dikenakan denda dalam bentuk wang sahaja. Pada hakikatnya denda ini bukan tidak dapat menakutkan pengedar-pengedar tersebut, malahan menggalakkan mereka untuk meneruskan pengedaran ubat batuk dan pil khayal. Justeru itu saya merayu kerajaan agar meminda Akta Dadah Merbahaya supaya membolehkan penyalahgunaan ubat batuk dan pil khayal yang mana orang-orang yang terlibat dalam pengedaran ubat batuk dan pil khayal dikenakan hukuman yang lebih tinggi menurut Akta Dadah Berbahaya 1955.

Tuan Yang di-Pertua, pencabulan kehormatan yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri juga semakin menjadi-jadi di negara kita. Keruntuhan akhlak ini juga berlaku di

Sabah dan mencatat satu angka yang semakin meningkat. Pencabulan kehormatan ini dilakukan oleh ahli keluarga yang terdekat seperti, bapa, emak, abang atau saudara mara yang terdekat. Keruntuhan akhlak ini bukan sahaja membawa masalah kepada mangsa dari segi jiwa dan sanubari yang tidak terhingga sehingga mereka tidak mampu meneruskan kehidupan pada masa kelak. Sebagai contoh di Sabah, baru-baru ini satu kes pencabulan kehormatan yang berlaku di Beaufort yang mana seorang wanita yang berumur 16 tahun yang telah dirogol oleh bapa tirinya didapati cuba membunuh diri dengan memakan 40 biji pil tidur. Oleh itu saya berharap kerajaan juga akan menggubal rang undang-undang yang lebih serius untuk menangani masalah sosial ini khususnya menggubal rang undang-undang yang lebih tegas untuk mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang terlibat di dalam pencabulan kehormatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru khususnya guru bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah di Sabah semakin teruk berikutan dengan guru-guru siswazah dari Taiwan dan Hong Kong bersara sejak kebelakangan ini. Ini telah mengakibatkan beberapa buah sekolah menengah yang ada mengadakan kelas bahasa Cina di sekitar kawasan Kota Kinabalu tetapi ketiadaan guru bahasa Cina. Pada hakikatnya keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh kekurangan guru bahasa Cina khususnya guru yang pengkhususannya dalam mata pelajaran ini. Akibat kekurangan dan ketiadaan guru bahasa Cina, guru-guru yang bukan pengkhususannya dalam mata pelajaran telah diarahkan mengajar mata pelajaran ini. Kalau tidak 90% daripada sekolah menengah yang ada mengadakan kelas bahasa Cina akan menghadapi nasib tutup pintu. Oleh itu

saya merayu Kementerian Pendidikan agar dapat mencari jalan dan langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah di Sabah supaya kelas bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah di Sabah dapat diadakan dengan licin dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran program regularisasi pendatang tanpa izin yang dimulakan pada 1hb. Mac 1997 jelas menunjukkan kerajaan negeri dan Persekutuan berniat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di negari Sabah yang berlaku semenjak tahun 1970-an. Hubungan rapat diantara kerajaan negeri dan Persekutuan diharapkan dapat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini dengan sepenuhnya.

Adalah menjadi harapan kepada rakyat Sabah tanpa mengira apa bangsa penyelesaian dalam masalah pendatang tanpa izin ini adalah diidam-idamkan selama ini. Memang tidak dapat dinafikan pendatang tanpa izin ini telah banyak membawa banyak masalah sosial kepada negeri Sabah seperti kes jenayah, penyeludupan-penyalahgunaan dadah, masalah pelacuran dan rumah haram di merata tempat khususnya di sekitar kawasan Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna.

Oleh itu, saya berharap kerajaan benar-benar menyedari bahaya masalah pendatang tanpa izin ini dan semoga dengan adanya kejujuran dan keikhlasan kerajaan negeri dan Persekutuan, masalah ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat. Saya juga berharap operasi penangkapan pendatang tanpa izin ini dapat dijalankan dengan berjaya dan berkesan di negeri ini selepas tamatnya tempoh pelancaran program

Regularisasi Pendatang Tanpa Izin ini. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin Barisan Nasional yang telah berhasrat dan mengambil langkah yang positif dalam penyelesaian pendatang tanpa izin di Sabah.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Pilah.

**4.22 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang mengambil bahagian untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani dan disokong oleh Yang Berhormat dari Santubong.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini perkembangan teknologi maklumat ataupun IT negara kita Malaysia sungguh mengagumkan. Dengan adanya penglibatan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana telah mengambil inisiatif untuk mempromosikan sendiri perkembangan baru ini amat disanjung tinggi. Dalam masa yang singkat sahaja Malaysia sudah menuju ke arah negara IT yang dihormati. Lebih-lebih lagi apabila Koridor Raya Multimedia (MSC) diwujudkan tidak lama lagi, segala perkembangan yang berlaku amat membanggakan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan penting yang patut sama-sama kita semua fikirkan juga ialah sama ada masyarakat ramai di negara kita sekarang ini telah memahami segala perkembangan baru IT ini yang begitu pesat di sekeliling kita. Dalam kita begitu ghairah mengejar perkembangan teknologi maklumat mutakhir ini, sebilangan besar masyarakat kita semakin hanyut dan bingung dengan banyak istilah IT yang semuanya berasal daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, tentu ramai faham makna 'homepage', navigator, flag chip, hub, web, dengan izin, dan banyak lagi istilah IT yang digunakan merata-rata, khususnya dalam media cetak dan media elektronik. Tetapi adakah ramai masyarakat kita faham apabila istilah-istilah IT itu ditukar atau diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita ambil contoh, perkataan 'homepage' yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai 'halaman'. Manakala beberapa pihak media lain pula mengguna istilah 'halaman' itu 'web' atau diMelayukan menjadi 'hompej' - 'h.o.m.p.e.j'. Istilah-istilah ini baru-baru ini menjadi satu perkara bahan ketawaan, dan ramai juga tidak memahami sama sekali. Ramai berasa keliru dengan banyak terjemahan istilah-istilah IT yang begitu pesat berkembang selari dengan perkembangan teknologinya, kerana ada setengah-setengah pihak atau media menggunakan istilah-istilah yang kadangkala berbeza-beza.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa pentingnya kita semua perlu mendapatkan sesuatu panduan yang tepat dan bertanggungjawab untuk

menentukan guna pakai istilah-istilah IT ini dapat diselaraskan secara menyeluruh.

Badan yang kita semua sedia maklum lebih bertanggungjawab ialah tidak lain dan tidak bukan Dewan Bahasa dan Pustaka. Penggunaan istilah IT tersebut perlu ditetapkan dan diselaraskan dengan segera. Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi tanggungjawab untuk menyediakan dan menyusun istilah-istilah bahasa perlu meningkatkan tahap pengistilahannya, khususnya dalam bidang information technology ataupun teknologi maklumat, memandangkan perkembangan yang begitu pantas ketika ini.

Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka perlu bekerjasama dengan semua pihak yang ada berkaitan seperti institusi-institusi pengajian tinggi dan para pakar dalam bidang IT supaya istilah yang dicipta tidak bercanggah dengan maksud yang asal. Perlu diingat, bahawa istilah-istilah yang dikeluarkan akan dipakai oleh para pelajar-pelajar kita sama ada di sekolah-sekolah atau di institusi-institusi pengajian tinggi. Saya sendiri ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini kita tidak mahu juga berlakunya kadangkala diIndonesiakan dan kadangkala di'englisize'kan pula. Istilah-istilah ini mesti ada satu identiti Malaysia yang tegas dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa adanya suatu panduan yang lengkap dan terkini dari segi istilah berkenaan, Bahasa Malaysia yang tidak akan mampu mengembangkan diri bersama-sama dengan perkembangan era baru teknologi maklumat menjelang abad ke-21 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sedia maklum ekoran daripada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara yang begitu rancak, yang begitu baik dan

menggalakkan semenjak lebih kurang satu dekad yang lalu telah menyebabkan begitu ramai pendatang-pendatang warga asing ke negara kita sama ada secara izin ataupun tanpa izin ke Malaysia ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang bertanggungjawab khususnya Kementerian Dalam Negeri yang telah begitu peka dan prihatin untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping masalah-masalah gejala-gejala yang tidak sihat ekoran daripada kedatangan mereka yang begitu ramai, izinkan juga saya melalui Dewan yang mulia ini untuk menarik perhatian pihak-pihak yang berwajib tentang bagaimana terdapatnya pihak-pihak majikan, syarikat-syarikat swasta di negara ini yang mengambil kesempatan yang tidak begitu sihat, kerana memberi priority ataupun peluang bekerja yang begitu ramai kepada warganegara asing, khususnya di bidang perhotelan dan juga sudah sampai kepada gedung-gedung makanan cepat seperti Kentucky Fried Chicken dan Mc Donald. Saya sendiri telah melihat di outlet-outlet, dengan izin, seperti di Bangsar, didapati terlalu ramai warganegara asing ini telah diambil kerja, khususnya di waktu malam. Saya tidak membuat satu tuduhan yang melulu, tetapi perlu juga kita meneliti, perlu juga kita mengawal selia dan membuat satu kejutan ataupun pemeriksaan sama ada mereka ini betul-betul warganegara asing yang datang secara betul ataupun warganegara asing datang secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu warganegara kita yang begitu ramai tidak berpeluang mendapat kerja. Begitu juga di hotel-hotel lima bintang kadangkala, seperti

di Holiday Inn City Centre yang mana saya selalu menghadiri, didapati ramai juga warga-warga asing telah monopoli jawatan-jawatan ini.

Adakah bermakna warganegara kita tidak ada lagi hendak menjawat jawatan ini? Ini saya harap semua pihak yang bertanggungjawab cuba membuat pemeriksaan teliti. Kita tidak mahu melihat adanya majikan-majikan mengambil kesempatan mengambil kerja mereka ini kerana gaji murah dan juga kadangkala tidak payah bayar segala SOCSO, KWSP dan sebagainya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab tentang pengeluaran lesen-lesen syarikat kawalan keselamatan. Kita sedia maklum wujudnya di pekan-pekan besar syarikat-syarikat kawalan keselamatan tumbuh seperti cendawan busut - banyak. Yang saya hendak bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah kualiti dan keupayaan anggota-anggota yang menjalankan kerja. Dalam keadaan kesibukan negara, dalam pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, banyak bangunan telah tumbuh, baru, besar, gedung-gedung besar memerlukan kawalan keselamatan. Yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu terdapat ramai juga anggota-anggota yang menjadi pengawal keselamatan ini pertama sekali dari segi keupayaan mereka. Terdapat juga anggota-anggota yang telah begitu lanjut usia yang saya fikir tidak layak kalau berlaku apa-apa satu perkara yang tidak diingini. Itulah sebab kadangkala apabila mereka ini tidak berupaya lagi hendak menembak ataupun membawa senapang, diberi kerja juga. Ini patut juga diambil kira. Dan terdapat juga aduan, sama ada betul atau tidak, saya

tidak dapat pastikan bahawa ada juga syarikat-syarikat ini mengambil pekerja pendatang-pendatang warga asing, sama ada izin ataupun tidak, bekerja di waktu malam. Syif mereka ini di antara jam 8.00 malam sampai ke pagi. Ada juga mengatakan di'employed', dengan izin, tenaga-tenaga yang tidak sepatutnya diberi kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Dalam Negeri membuat satu survey supaya mengenal pasti menentukan semua syarikat bertanggungjawab dengan kawalan keselamatan ini dianggotai oleh mereka yang sepatutnya dan juga menentukan mereka mempunyai keupayaan. Justeru itu, mungkin juga syarikat-syarikat ini mewujudkan satu konsortium yang besar, yang boleh dikawal selia, ditadbirkan lebih licin, teratur dan mempunyai kekuatan ekonomi yang kuat. Dengan adanya konsortium keselamatan yang begitu baik, saya percaya mutu tanggungjawab pekerja di bidang ini dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini berkenaan isu pembinaan projek lebuh raya ataupun jalan utama di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Dalam konteks ini, negara kita pada hari ini daripada selatan, timur, barat telah dihubungi dengan jalan lebuh raya yang begitu cantik dan baik. Semua negeri di kawasan Semenanjung ini telah dihubungi dengan jalan-jalan terhampar lebuh raya yang begitu membanggakan.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, perkara ini telah dibangkitkan kerap kali iaitu jalan utama yang dikawal selia oleh pusat menghubungi ibu negeri Negeri Sembilan iaitu Seremban dengan bandar-bandar Negeri Sembilan Timur

iaitu Kuala Pilah dan Jempol ataupun Bahau. Jalan di Bukit Putus yang hanya lebih kurang 8 km itu masih berada dalam keadaan yang cukup menyedihkan. Di samping itu, sekarang ini lalu lintas yang menggunakan jalan itu cukup banyak dan kalau berlaku sesuatu kemalangan yang sekarang ini kerap berlaku akan menimbulkan permasalahan yang menyebabkan jalan itu tidak boleh dilalui langsung.

Saya ingin menyarankan melalui Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Pusat janganlah berlengah-lengah lagi, janganlah berdolak-dalik lagi kerana jalan ini sangat perlu dipertingkatkan dan diperbaiki. Saya juga telah ada berhubung dengan pihak kerajaan negeri kerana kalau sekiranya Kerajaan Pusat memberi peluang kepada seseorang ataupun badan-badan swasta yang sanggup membuat jalan berbentuk lebuh raya dan diberi peluang untuk kutipan tol, saya percaya ramai akan tampil ke hadapan untuk mengambil peluang membina jalan ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kangar.

**4.36 ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Datuk mengizinkan saya untuk sama-sama turut mengambil bahagian dalam Usul Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya suka saya menyarankan supaya pihak Jabatan Agama dan Kemajuan Islam Malaysia yang dahulunya Bahagian Hal Ehwal

Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri mengambil inisiatif untuk menyeragamkan pentadbiran Jabatan-jabatan Agama Islam di negeri-negeri seluruh negara, mahupun pada peringkat jabatan itu sendiri ataupun pada peringkat Majlis-majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri kerana ada negeri-negeri Yang di-Pertua Majlis Agama Islamnya Menteri Besar dan ada negeri Yang di-Pertua Majlis Agama Islamnya ialah Sultan ataupun Raja. Dalam hal ini sepatutnya untuk menyelaraskan aktiviti dan juga keseragaman kefahaman Islam di Malaysia ini, seelok-eloknya maka Yang di-Pertua Majlis Agama Islam ini perlulah dipegang oleh pentadbir negeri iaitu Menteri Besar itu sendiri. Jika perlu dikaji sama ada perlembagaan dipinda ataupun tidak, maka jabatan ataupun JAKIM perlu mengambil inisiatif ini mulai sekarang.

Di samping itu juga, sukacita saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri yang mana bagi tahun 1997 adalah tahun di mana kementerian ini mengambil tindakan ataupun 1997 adalah tahun bertindak bagi Kementerian Dalam Negeri. Sehubungan dengan itu, sukacita saya mengungkit kembali bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri I pada membuat kenyataan bahawa lebih daripada 500 orang lagi penagih dadah yang masih berada dalam negara ini, iaitu yang masih menagih dadah dalam negara ini lebih daripada 0.5 juta orang terdiri daripada anak-anak yang merupakan anak-anak Malaysia yang kita harap akan mengganti kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dadah ini bukanlah produk Malaysia. Dadah ini ialah produk negara asing. Dadah ialah produk negara yang merupakan negara di sekeliling kita, tetapi bagaimana produk ini sampai ke negara kita yang boleh

mengancamkan kita? Ini disebabkan oleh ketidakikhlasan pagar-pagar kita. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mendedahkan bahawa di Kelantan ada pihak-pihak yang bertanggungjawab tidak menunaikan tanggungjawabnya, ini termasuklah juga memboloskan pendatang-pendatang asing tanpa izin. Jadi, hal inilah yang kadangkadangkang merisaukan kita. Hal inilah kita masing-masing bersuara di Parlimen tetapi apa jadi kalau perkara ini tidak diambil tindakan secara ikhlas pada peringkat jentera kita?

Dadah ini macam-macam. Hari ini kita dapati ada disebut ecstasy sejak sidang yang lalu. Dan dalam sidang ini disebut pula satu jenis dadah baru 'syabu-syabu' di Sabah dan saya takut hendak berjalan kerana mungkin saya dianggap sebagai anak dadah [*Ketawa*] sebab 'syabu-syabu' ini disebut seakan-akan serupa dengan nama bapa saya, jadi saya takut dianggap saya juga sebagai anak dadah. Jadi, hal inilah patut diambil tindakan kerana dunia kita berkembang, dunia kita berubah. Maka dadah juga turut berubah. Jadi, hal ini patut diambil tindakan yang berkesan lagi.

Saya ucapkan terima kasih dan syabas sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kedua-duanya sekali. Di samping itu juga, tentang penggunaan pasport dan juga kehilangan pasport oleh pemegang-pemegang pasport negara ini. Saya dapati bahawa tidaklah begitu serius. Walau bagaimanapun, ada ura-ura kemungkinan pasport Malaysia ini akan diubah semula kerana akan dipasang dengan chip di dalamnya. Saya dapat faham bahawa chip ini memakan belanja yang tinggi, berjuta-juta ringgit. Maka siapa yang akan tanggung kos ini? Maka akan balik kepada pengguna. Oleh kerana pasport yang masih ada sekarang pun tidak menimbulkan masalah kepada kita,

maka haraplah dikaji semula tentang ura-ura kemungkinan chip keselamatan akan digunakan di dalam pasport kita.

Dan tambah-tambah lagi chip yang akan digunakan akan timbul masalah kepada pasport itu sendiri kerana akan dipasang dalam kulit pasport dan chip ini mudah rosak kerana terlalu sensitif dan kalau dipasang dalam chip, nampaknya dia akan timbul benjol macam muka jerawat, jadi tidak licin dan setengah kata mungkin ini dapat dinipiskan. Walau bagaimanapun, kosnya akan menelan kos yang tinggi. Jadi, hal inilah patut kita kaji semula.

Di samping itu juga, tentang pengurusan pentadbiran kerajaan harus dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa. Saya tertarik dengan apa yang disampaikan oleh rakan dari Gaya tadi bahawa kita harus mempertingkatkan performance, dengan izin, jabatan-jabatan kerajaan kita. Kerana pendekatan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah ke arah kecemerlangan, ke arah untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Di jabatan-jabatan, kalau kita pergi ke jabatan-jabatan hari ini, kita dapat dengan 'Q'nya besar, 'Q' besar iaitu ke arah perkhidmatan yang berkualiti, yang bermutu di mana ia mengikut piagam pelanggannya ialah untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan - pelanggan diutamakan.

Tetapi sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Gaya tadi, pengurusan masa tidak disempurnakan, ada kakitangan yang lama bercerita di kantin dan ada juga yang tidak menumpukan atau memberi perhatian kepada tugas-tugas apa yang dikehendakkan oleh pelanggan dan apa yang tersilap yang dikemukakan oleh pelanggan

patut diperbetulkan. Hal inilah yang kadang-kadang menjadi sebutan di peringkat bawah. Tambah-tambah lagi perkhidmatan ini perlu kita tingkatkan kerana saya dapati sejak tahun lepas, kilang biskut sendiri pun sudah memperbaiki mutu perkhidmatan mereka. Kerana ada kilang-kilang biskut hari ini sudah pun mencapai ISO 9000 di mana produk biskutnya boleh masuk ke pasaran Australia dan juga Amerika.

Jadi, kenapalah pihak jabatan-jabatan kita, agensi-agensi kerajaan kita agak lambat ataupun 'lengai' dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan ini.

Jadi, di samping itu juga, dalam menumpukan kerja-kerja untuk kesejahteraan negara, saya juga mengambil kesempatan merakamkan terima kasih banyak kepada RELA. Kalau kita datang ke Perlis, kita dapati bahawa pendatang asing tanpa izin ini kebanyakannya ditangkap oleh pihak RELA, pekerja RELA, tetapi saya mohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengkaji semula tentang kemudahan dan juga perlindungan yang mungkin dapat diberi kepada RELA ini. RELA ini lampu suluh pun dia beli sendiri, Tuan Yang di-Pertua, bateri lampu suluh pun dia beli sendiri, yang ini patut dikaji semula.

Dan kita dapati RELA ini pun, sungguhpun kita dapati kerja-kerja RELA sukarela, tetapi sebenarnya mereka mengambil inisiatif memberi keutamaan kesejahteraan negara sehingga kalau di pantai negeri Perlis, banyak kita dapati PATI yang datang ke situ dan sembunyi dalam belukar, dia pandai juga 'trick' dan dia sebut di situ waktu malam, 'go Penang, go Penang', bermakna 'pergi Penang, pergi Pulau Pinang'.

Jadi, orang Penang terkejut ini dan kita dapati pendatang itu keluar dan dengan itu, dapatlah ditangkap PATI ini. Jadi, yang inilah saya minta supaya dipertingkatkan dan pihak kementerian mempertimbangkan apa yang dapat kita bantu kepada RELA.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat bangun.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Saya tidak beri jalan, masa tidak cukup ini, saya banyak lagi hendak diperkatakan dan kalau saya beri jalan pun tidak ada apa-apa manfaat yang mungkin kita dapat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tentang kenaikan tol ini, saya minta supaya dikaji semula tentang kekerapan dari kadar kenaikan tol. Kalau Tuan Yang di-Pertua, pernah lalu tol di Jitra, mula-mula kita lalu dahulu, dikenakan 0.90 sen, orang Kedah, orang Perlis sebut sembilan kupang. Kemudian sampai satu masa sembilan kupang payah duit pecah barangkali, dia naik sekupang, naik 0.10 sen jadi RM1. Senang sedikit kalau beri duit siling, siling RM1. Jadi, kena RM1. Kemudian pada 1hb. Januari yang lalu kalau tidak silap, saya lalu, saya buang RM1 beri kepada dia, dia kata: “Hai, tunggu, tunggu!” Saya kata: “Apa fasal?” “Ini, ini duit tidak cukup!” Saya kata: “Cukup RM1 ini.” Sudah naik RM1.20 sen. Jadi, kalau mula tadi 0.90 sen naik RM1 jadi sepuluh sen, dia naik

lebih daripada 10%. Kemudian naik pula 0.20 sen jadi RM1.20 sen, kalau daripada RM1 naik ke RM1.20 sen, mungkin dijawab 20% naik. Sebenarnya, dia naik 0.30 sen daripada 0.90 sen -1/3 bererti 33.3%!

Jadi, ini merupakan sungutan di mana-mana. Jadi, saya lebih kurang samalah dengan Ahli Yang Berhormat dari Yan membawa rungutan daripada rakyat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Yan hari ini tidak bercakap pun tidak mengapa, saya tolong bercakap bagi pihak dia. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyentuh tentang projek MSC. Projek MSC ini merupakan projek yang ada kaitannya dengan teknologi maklumat ataupun dalam lain-lain perkataan, dalam era kita menempuh transformasi teknologi MSC ini adalah sangat penting kerana ia ada kaitan rapat dengan IT, ia ada kaitan dengan Internet, ia ada kaitan rapat dengan web, ia ada kaitan dengan siber. Jadi, tambah-tambah lagi dalam MSC ini kita akan dapati satu cyber city. Kenapa kita perlu kepada satu cyber city? Kerana kita perlu kepada cyber power. Jadi, apa sebab kita perlu kepada cyber power? Kerana ini merupakan titian kita ke arah mencapai cita-cita Wawasan 2020 di mana kita semua berhasrat supaya negara kita maju sebagai negara industri, negara kita maju sebagai negara perdagangan.

Jadi, apa yang kita perlu di sini ialah cyber power untuk business, dengan izin. Jadi, kita semua terlibat dengan perkara begini dan kita perlu bersedia untuk menghadapi perubahan yang kita sedang hadapi. Perubahan-perubahan ini sendiri pun berubah. Jadi,

kalau kita tidak berubah, bererti perkara lain tetap berubah sekalipun kita terpaksa tinggal di belakang.

Tuan Yang di-Pertua, melalui MSC ini kita yakin bahawa pembangunan perindustrian perdagangan akan meningkat maju dengan lebih cekap dan lebih cepat tambah-tambah lagi dengan cyber power ini bukan sahaja kita akan dapat juga mengawal market place, dengan izin, tetapi juga kita akan dapat mengawal 'market space'.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa begitu singkat, saya cuma ada sedikit sahaja lagi yang hendak diperkatakan, bahawa dalam perdagangan di masa hadapan, dengan persediaan kita, dengan projek MSC ini bahawa cyber space, dengan izin, sukacita saya membuat sebutan di sini bahawa 'doing business in cyber space is getting easier and more profitable', jadi, sebab itulah maka tidak hairanlah pada kali ini kita dapati, bila disebut projek MSC, bukan sahaja yang disebut-sebut oleh Ketua Backbencher satu masa dahulu tetapi kita telah terus mendapat sokongan sekalipun daripada pihak Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya dan dengan ini saya turut menyokong.  
Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Johor Bahru.

**4.50 ptg.**

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh rakan saya dari Sungai Petani beberapa hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan negara kita dengan Singapura memang senantiasa tidak sunyi daripada kontrovesi, masalah dan juga kerumitan. Apa yang kita alami tempoh hari merupakan sambungan daripada banyak lagi insiden yang sudah berlalu dan sungguhpun masalah yang baru lalu itu telah selesai, tidak mungkin masalah dan kerumitan tidak akan timbul lagi di masa-masa yang akan datang. Atas sebab itulah kita perlu ada 'rukun' ada peraturan dalam hidup berjiran di antara kedua-dua negara yang berkenaan dan kerukunan ini perlu dijunjung oleh kedua-dua pihak jika kita tidak mahu menghadapi sebarang masalah, kerana pelanggaran 'rukun berjiran' inilah kita dapati reaksi kita yang kecewa apabila Singapura membuat kenyataan yang dianggap menghina kita dan reaksi tersebut bukan sahaja datang daripada kerajaan, tetapi oleh segenap lapisan rakyat dari seluruh pelusuk tanah air.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh rakyat jelata yang telah bangkit secara spontan untuk mempertahankan maruah bangsa dan Singapura tidak boleh marah jika reaksi rakyat Malaysia sebagaimana yang kita saksikan. Ini kerana tindakannya mencabuli peraturan hidup kejiranan, 'principle reciprocity' dan lebih-lebih lagi sebagai tidak mengenang jasa. Singapura harus mengakui ada sumbangan kita dalam 'prosperity' negara Singapura itu sendiri. Jika negara kita porak-peranda, Singapura sendiri mungkin bukan tempat yang selamat untuk melabur. Jika negara kita tidak membangun, Pelabuhan Singapura sendiri mungkin tidak berpeluang menguruskan import dan eksport barangan buatan Malaysia. Jika tidak ada Malaysia untuk dipindahkan industri Singapura, produktiviti kilang mereka mungkin menurun kerana

kos operasi yang semakin meningkat di sana. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan keputusan Kerajaan Malaysia ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang. Yan.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Masa tidak adalah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Yang Berhormat dari Johor Bahru ini.

Singapura ini bukan setakat sekali dua mengacau kita, ruang udara kita sampai saya difahamkan ayam di sebelah sana pun tidak boleh hendak bertelur lagi sekarang ini, dia terkejut kapal terbang mereka masuk, bukan setakat manusia. Begitu juga benda-benda yang lain. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin menyarankan kepada kerajaan supaya sekarang ini kalau mereka bertindak membuat kesilapan atau menghina kita di masa-masa yang akan datang, kita mungkin akan memulau mereka ataupun kita ambil tindakan yang lebih keras kepada Kerajaan Singapura, kerana mereka sedar, mereka bergantung hidup kepada Malaysia seperti Yang Berhormat katakan tadi, dari segi perdagangan, masalah sosial dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kita ini lebih tegas di masa yang akan datang supaya 'orang tua' itu sedar bahawa beliau memerlukan Malaysia untuk terus memajukan Singapura?

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Sebenarnya tindakan kerajaan kita bolehlah dianggap sebagai satu tindakan yang waras, kerana kita tidak boleh bertindak melampaui apa yang dilakukan oleh mereka, lebih-lebih lagi kita kena tunjukkan kepada Singapura yang kita mampu untuk menjadi 'good neighbours' berbanding dengan mereka. Jadi, atas sebab itulah kita patut mengalu-alukan keputusan Kerajaan Malaysia menerima permintaan maaf daripada Singapura sendiri.

Kita sebagai negara yang berpegang kepada prinsip mahu berbaik-baik dengan negara-negara jiran menyambut baik hasrat Singapura untuk pulihkan hubungan dan tingkatkan kerjasama antara kedua-dua negara, supaya ia rancak seperti sediakala. Walaupun begitu kedua-dua negara mestilah sentiasa berwaspada dan berhati-hati supaya perkara sebegini tidak berulang lagi dan terus menjaga sensitiviti dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rantau ASEAN merupakan rantau yang paling aman dan stabil, perhubungan antara Malaysia dan Singapura jika tidak dipelihara boleh pada bila-bila masa merosakkan kestabilan dan keamanan dalam rantau ini - mungkin Yang Berhormat Menteri Pertahanan boleh menerima apa yang dikatakan oleh saya. Kalau kita tidak jaga, perhubungan yang baik antara Malaysia dan Singapura, maka sudah pastinya kestabilan dan keamanan yang terdapat dalam rantau ASEAN ini pada bila-bila masa boleh bertukar. Jadi, atas sebab itulah kedua-dua negara mesti sensitif dan mesti memahami keadaan dan terus menjaga dan memelihara hubungan di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda tempoh hari Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh masalah sosial yang melanda masyarakat kita pada hari ini. Hari ini yang turut terlibat ialah remaja kita yang masih di alam persekolahan. Peningkatan golongan ini dalam masalah sosial tentunya memeranjatkan kita semua. Saya berharap cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah ini hendaklah praktikal dan boleh dilaksanakan.

Saya ingin menyentuh usaha oleh kerajaan untuk mengadakan Program Khidmat Sosial untuk para lepasan sekolah yang menunggu keputusan peperiksaan SPM khususnya. Saya difahamkan bahawa program ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar dan diwajibkan kepada semua pelajar untuk menghadiri dan mengikutinya. Tentunya dalam keadaan negara yang berkemampuan, dalam keadaan ekonomi negara yang baik, kita boleh menjayakan apa sahaja program yang membelanjakan wang yang sebegitu banyak. Tetapi masalahnya ialah adakah matlamat kita boleh tercapai sebagaimana sekiranya begitu. Adakah penggunaan wang yang banyak semata-mata boleh mencapai matlamat kita? Dalam hal ini jika matlamat kita ialah pencegahan anak-anak daripada golongan ini supaya tidak tercebur dalam masalah sosial, mengapa tidak kita mengambil iktibar daripada pepatah Melayu yang lama ‘melentur buluh biarlah daripada rebung’. Jika kita mahu tanam disiplin, kita perlu lakukan semasa anak-anak kita masih di sekolah dan ini dapat dilakukan antara lain dengan mewajibkan anak-anak mungkin masuk Pasukan Uniform, lebih-lebih lagi apabila sebahagian daripada sekolah

kita sudah melaksanakan satu sesi, tentunya ada masa dan ruang untuk melibatkan semua pelajar.

Saya berpendapat jika dipupuk disiplin semasa muda, di alam sekolah potensi untuk berjaya lebih tinggi jika kita bandingkan usaha yang hendak dibuat selepas mereka sudah masuk umur 17 tahun ke atas, lagi pun Program Khidmat Sosial ini di mana setiap pelajar mengikutinya untuk 6 minggu sahaja tidak memadai untuk membawa kesan yang mendalam kepada anak-anak kita, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar yang dalam lingkungan umur 17 tahun tentunya sudah terdedah dengan pelbagai pengaruh. Sebaliknya jika dimulakan dan ditumpukan di sekolah, ia boleh dibuat secara konsisten pada sepanjang masa, sistematik dan akhirnya boleh dimonitor kesan dan reaksi pelajar, juga tidak akan memakan belanja yang besar.

Jika pandangan di atas tidak begitu dipersetujui oleh pihak kerajaan dan kerajaan menganggap bahawa penyelesaiannya masih juga bergantung kepada Program Khidmat Sosial ini, saya cadangkan untuk tidak membazirkan wang rakyat dibuat 'test case' dahulu. Ambil pelajar-pelajar yang bermasalah untuk mengikuti program ini dan kaji sejauh mana matlamat dan sasaran program ini boleh tercapai. Adalah membazirkan jika program ini diwajibkan kepada semua pelajar yang tidak menghadapi masalah yang sememangnya sudah terdidik semasa bersekolah untuk menjadi remaja yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti terima hakikat ada pelajar-pelajar kita yang tidak menghadapi masalah sosial, tetapi jika mereka juga diwajibkan, bukannya itu maknanya kita hanya membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat kepada soal gejala sosial di kalangan pelajar, kita tidak boleh salahkan sistem pendidikan, sekolah ataupun guru. Tanggungjawab yang paling utama dan berkesan ialah ibu bapa dan juga keluarga, tetapi dengan pendirian yang sedemikian, itu tidak bermakna bahawa guru tidak ada peranan langsung. Guru-guru sebenarnya ada peranan dan mereka juga seperti ibu bapa mampu menyumbang untuk mengatasi masalah ini, lebih-lebih lagi guru-guru bertanggungjawab membimbing, mengajar, mengasuh dan memberi ilmu kepada pelajar dan seterusnya menentukan kejayaan pelajar dalam sistem pendidikan. Untuk ini direalisasi, kita harus mengakui bahawa dedikasi dan komitmen guru adalah diperlukan. Kita sedar perhatian dan tumpuan guru terhadap pelajar kadangkala melebihi tuntutan tanggungjawabnya.

Untuk dedikasi dan komitmen wujud dalam apa jua pekerjaan mesti ada rangsangan, mesti ada motivasi dan bagi guru ini bergantung kepada skim perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman remaja anak-anak kita, mereka bersaing dengan pelbagai pengaruh, antaranya pengaruh ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh sekolah, pengaruh rakan sebaya, media dan sebagainya. Hari ini pengaruh ibu bapa kurang kerana kesibukan dan tiada kemahiran. Pengaruh guru lemah kerana tiada dedikasi akibat tiada rangsangan kerja - mungkin kerana skim perkhidmatan yang sudah lapuk. Atas sebab itulah apabila benteng sekolah runtuh, gejala penyakit sosial ini mula masuk ke pelajar kita. Jika kita mahu bina balik benteng di peringkat sekolah, kita mestilah pulihkan semangat dan dedikasi guru. Dalam hal ini saya ingin tahu apa jadi kepada Jawatankuasa Kabinet mengkaji kedudukan guru. Kita semua tahu, laporan sudah dikemukakan, apakah tindakan kerajaan seterusnya dalam perkara ini. Saya

berharap soal skim perkhidmatan guru ini diberi perhatian yang berat oleh kerajaan dan tidak dilengah-lengahkan kerana kelewatan kita akan menjejaskan masa depan negara kita sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap menyentuh mengenai pengaruh yang sedang bergerak seiring ke atas anak-anak kita pada hari ini. Di dalam hal ini saya ingin bercakap mengenai pengaruh media khususnya TV termasuklah saluran-saluran swasta yang disediakan untuk ditonton oleh kita semua - ASTRO dan juga Mega TV.

Rakan saya Yang Berhormat daripada Beaufort tempoh hari telah menyarankan supaya diturunkan kadar sewa ASTRO dan juga Mega TV. Saya kurang bersetuju kerana peratus program yang berbentuk ilmu yang ditunjukkan oleh kedua-dua saluran ini amat sedikit sekali. Ia lebih tertumpu kepada program-program hiburan. Ia sebenarnya mengkhayalkan anak-anak, menghabiskan masa mereka dan mendedahkan anak-anak kepada nilai yang tidak baik. Daripada pengalaman sendiri kita dapati bahawa ASTRO memberikan 20 saluran TV. Satu saluran ilmu, saluran discovery, dua sukan, dua berita dan kelima-lima saluran ini, anak-anak kita tidak tengok. Mereka hanya tengok saluran yang memberikan dan menunjukkan siri-siri kartun selama 24 jam.

Sebenarnya, kalau kita hendak maklumat, kalau kita hendak ilmu kita boleh dapat tidak semestinya dari ASTRO dan Mega TV. Kita boleh dapat dari komputer, Internet, buku, surat khabar dan sebagainya. ASTRO dan Mega TV, sekali lagi saya katakan adalah semata-mata untuk hiburan. Oleh itu saya cadangkan, kerana ia berbentuk

hiburan supaya kadarnya dinaikkan supaya anak-anak kita tidak asyik hanya menonton saluran TV ini sepanjang masa. Walaupun jika keadaan itu dilakukan yang berada sahaja yang akan dapat menikmatinya, pada saya itu tidak sepatutnya menjadi masalah kepada kita kerana jika yang tidak berada dan miskin pun asyik melihat dan menonton dan terkhayal olehnya, nasib mereka yang tidak berada tidak akan dapat diubah. Yang miskin dan tidak berada akan terus terhibur sehingga lupa untuk memperbaiki nasib mereka. Jadi, atas sebab itulah pada pandangan saya siaran-siaran hiburan seperti ASTRO dan Mega TV patut dinaikkan kadar yurannya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap ya, ada usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam”.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli

Yang Berhormat, masalahnya:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kelang.

**5.06 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Koridor Raya Multimedia seperti yang diketengahkan dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sebuah projek yang paling mencabar dan mengagumkan kerana kehadiran nampaknya telah menjadi asas

kenyataan kepada wawasan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun MSC hanya meliputi zon seluas 15x50 km. persegi, kesannya adalah sangat meluas kerana dengan wujudnya tujuan aplikasi utama yang diperkenal bertujuan untuk menggiatkan pertumbuhan MSC akan memperlihatkan penggunaan teknologi maklumat ke seluruh negara.

Misalnya, kad terpakai nasional. Apabila diperkenalkan kelak, akan melibatkan setiap warganegara Malaysia tidak kira di ceruk mana kediamannya. Begitu juga dalam tele-perubatan, sebuah jaringan perubatan teletronik kebangsaan telah dicadangkan dan ianya juga pasti melibatkan keseluruhan sistem penjagaan kesihatan dalam negara ini, tidak kira di bandar ataupun di luar bandar. Kerajaan elektronik juga, walaupun pada awal implementasi juga akan hanya terhad di Putrajaya tetapi lambat laun ianya akan dihubungkan dengan semua jabatan kerajaan di semua negeri dan di semua peringkat sekiranya objektifnya hendak dicapai.

Dengan mengambil kira masih banyak lagi kawasan luar bandar belum dilengkapi dengan infrastruktur asas dan ramai penduduk desa yang belum pernah menekan butang elektronik semasa hayat mereka, tujuan aplikasi utama yang dirancangkan itu agak terlalu mencabar dalam mengaplikasikan teknologi maklumat di negara ini untuk menjayakan MSC dan ianya mesti berjaya kita memerlukan usahasama satu pasukan pelaksana projek, dengan izin, a team of project implementator yang pragmatik dan praktikal agar dengan harapan mereka ini dapat menterjemahkan wawasan yang mencabar ini menjadi satu pelan tindakan yang dapat dilaksanakan dengan mudah. Tetapi tiap kali kita membaca mengenai MSC di dalam surat khabar, ada sahaja idea baru yang timbul sehinggakan kepada orang awam, konsep MSC ini semakin hari semakin membesar dan idea-idea yang berkaitan dengannya semakin futuristik.

Saya ingin melihat projek-projek MSC lebih menumpukan kepada aplikasi yang lebih asas dan praktikal. Memberi keutamaan kepada projek yang dapat membantu mengurangkan kerja-kerja tertanggung beberapa jabatan kerajaan dan menambah kecekapan lain-lain jabatan umpamanya sistem pendaftaran dan urusan jual beli tanah seharusnya telah lama di 'computerise'. Saya percaya penggunaan teknologi maklumat di pejabat tanah akan mempercepatkan proses jual beli tanah dan sekaligus menyelesaikan masalah kehilangan fail.

Dalam masa yang sama IT patut digunakan untuk memperbaiki sistem trafik di bandaraya-bandaraya utama di negara kita. Satu lagi tugas besar yang saya rasa harus dimulakan tanpa lengah lagi ialah membekalkan latihan tenaga kerja bagi industri berkaitan dan juga pengguna IT. Latihan bagi industri berkaitan sasarannya adalah kakitangan teknikal yang terlibat dalam bidang reka bentuk, pengeluaran dan pengendalian aktiviti yang berkaitan dengan IT.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana galakan dan tindakan segeranya dalam pembentukan tiga universiti swasta iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Petronas.

Universiti-universiti ini dijangka akan memainkan peranan yang utama dalam memberi latihan tenaga kerja bagi industri tersebut. Kategori latihan yang kedua adalah bagi pengguna-pengguna am dan kalau diteliti tujuan aplikasi utama ia akan merangkumi keseluruhan penduduk negara kita. Pendedahan terhadap pengguna IT adalah terlalu penting bagi mereka yang pada masa ini mempunyai pengetahuan yang sedikit ataupun tidak tahu langsung mengenai IT. Ini termasuklah penduduk-penduduk luar bandar, suri rumahtangga, warga tua dan buruh am. Sekiranya ini tidak dilaksanakan kita akan berhadapan dengan separuh daripada penduduk negara kita yang akan merasa kehilangan di permulaan abad ke 21 dan ketinggalan dalam zaman maklumat. Oleh itu pihak

kerajaan harus segera mengorak langkah untuk menyediakan satu program untuk mereka itu.

MSC adalah benih bagi revolusi teknologi maklumat di Malaysia. Jadi, pastikanlah benih ini tumbuh subur dan semoga akarnya tersemai jauh ke dalam sanubari masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita berasa kagum atas pantasnyanya negara ini bergerak menuju ke arah kemajuan masa hadapan melalui Koridor Raya Multimedia, kita juga tidak kurang dikejutkan dengan betapa teruknya keruntuhan moral di kalangan masyarakat kita hari ini. Telah menjadi hasrat kita selama ini untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang di negara kita. Kita percaya bahawa seseorang yang kuat imannya juga mempunyai nilai-nilai akhlak yang tinggi. Menyedari hakikat betapa pentingnya peranan agama dalam menangani penyakit sosial Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah banyak memberi tumpuan kepada pentadbiran hal-hal agama Islam dan pembangunan Islam di bawah Jabatan Pembangunan Islam.

Memandangkan bahawa masalah sosial ini juga wujud di kalangan masyarakat bukan Islam, adalah perlu bagi kerajaan melibatkan pihak kuil dan gereja dalam usaha membanteras masalah sosial di negara ini. Pembangunan kuil dan gereja masa sekarang pada dasarnya adalah menjadi tanggungan masyarakat bukan Islam itu sendiri. Tidak ada sebarang badan kerajaan yang mengatur atau jabatan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran apatah lagi pembangunan kuil dan gereja ini. Tidak pernah terdapat forum perbincangan yang formal mengenai pembentukan polisi dan tidak terdapat juga

sebarang saluran komunikasi yang tetap dan kekal di antara kerajaan dan badan-badan agama ini. Akibatnya masalah yang dihadapi oleh kuil-kuil dan gereja-gereja tidak dapat diselesaikan dengan sempurna.

Dan memang terdapat banyak masalah yang dihadapi mereka pada masa negara sedang membangun dengan pesat ini misalnya, di kawasan Parlimen saya salah satu daripada masalah yang memerlukan penyelesaian segera ialah yang melibatkan kuil-kuil Cina dan India yang banyak didirikan di atas tanah kerajaan atau tanah persendirian. Kuil-kuil ini terpaksa dipindahkan apabila tanah berkenaan diperlukan bagi pembangunan atau pembangunan semula. Ke manakah kuil-kuil ini hendak pergi. Kerajaan Negeri Selangor telah cuba membantu menyelesaikan masalah dengan syarikat pemaju projek perumahan dikehendaki menyediakan tanah rizab kuil bagi kuil yang telah sedia ada.. Tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah apabila terdapat lebih dari satu kuil di atas tanah berkenaan. Ataupun apabila tanah itu terlalu kecil untuk menampung sebarang tanah rizab ataupun apabila tanah itu tidak digunakan untuk perumahan tetapi untuk tujuan lain seperti untuk membina lebuh raya dan lain-lain.

Apabila pihak kuil tidak dapat memperolehi tanah rizab untuk mendirikan kuil pilihan lain untuk mereka ialah membeli tanah. Malangnya pihak kuil yang berjaya mengumpul derma untuk membeli tanah terpaksa pula berhadapan dengan satu lagi masalah iaitu menukar syarat guna tanah yang dibeli kepada tanah kuil. Selalunya, permohonan menukar semula syarat tanah ini mengambil masa bertahun lamanya untuk diproses dan kelulusan pula sukar diperolehi. Sama sukarnya untuk diperolehi ialah

kelulusan pelan pembangunan. Buat masa ini peraturan-peraturan bagi kedua-dua perkara itu iaitu penukaran syarat guna tanah dan kelulusan pelan bangunan adalah berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain dan dari satu Majlis Perbandaran ke satu Majlis Perbandaran yang lain.

Setengah-setengah pihak berkuasa tempatan pula telah juga menetapkan ketinggian maksimum yang dibenarkan dan ada pula yang tidak membenarkan rekabentuk tertentu bagi bangunan-bangunan ini. Memandangkan begitu banyak rintangan yang perlu dihadapi, tidak hairanlah sesetengah kuil dibangunkan secara haram di atas tanah milik mereka.

Tuan Yang di Pertua, masalah yang dihadapi oleh pihak kuil dan gereja di dalam kawasan Parlimen saya adalah masalah umum di seluruh negara. Bagi sebuah negara yang mementingkan keimanan agama dan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, kebebasan beragama kerajaan harus melepaskan keperluan-keperluan agama bukan Islam yang penganutnya adalah 42% daripada jumlah penduduk negara ke dalam agenda pembangunannya. Di dalam usaha untuk cuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kuil dan gereja, saya ingin mengemukakan beberapa saranan di sini;

- (i) memperkenalkan syarat-syarat tegas dan jelas bagi meluluskan semua permohonan projek perumahan yang membekalkan tanah rizab bagi kuil dan gereja;
- (ii) menyediakan bantuan yang sama dan padu serta syarat-syarat yang tepat bagi meluluskan pertukaran syarat guna tanah dan pelan bangunan untuk kuil dan gereja; dan
- (iii) yang paling penting, menubuhkan sebuah jabatan bagi mentadbir hal-hal agama bukan Islam di semua peringkat dan sebuah badan penasihat di

peringkat kebangsaan bagi menggubal polisi bagi semua agama bukan Islam.

Saya harap saranan-saranan tersebut dapat dipertimbangkan oleh kerajaan dengan sewajarnya. Datuk Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat.

**5.20 ptg.**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk berucap berhubung dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu yang lepas.

Di sini saya ingin menyentuh secara khusus satu bentuk perniagaan yang telah dikendalikan oleh syarikat asing, iaitu Pasaraya Courts Mammoth yang mempunyai cawangan dan rangkaian perniagaan di seluruh negara di Malaysia ini. Satu hal yang amat malang bahawa walaupun syarikat ini melibatkan perniagaan secara global dan wujud di negara-negara maju seperti di London, di bandar-bandar besar di Eropah dan Amerika, namun manipulasi dan penyelewengan yang dijalankan olehnya seolah-olah atau mungkin tidak disedari langsung oleh Kerajaan Malaysia atau pengguna.

Melalui putar-belit dan penyelewengan yang kononnya selaras dengan peruntukan undang-undang Akta Sewa Beli, mereka telah dapat mengaut keuntungan yang amat

lumayan dan telah dibawa balik ke negara asalnya, dianggarkan lebih kurang sebanyak RM40 sehingga RM50 bilion sejak penubuhan syarikat tersebut di negara kita ini.

Sehubungan itu saya bimbang apakah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah dapat memungut cukai yang sewajarnya untuk kepentingan negara. Dalam hubungan ini juga mungkin kita akan merasa terkejut dan aneh bahawa bagaimanakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak dapat mengesan manipulasi dan penyelewengan yang telah dilakukan oleh golongan tersebut. Ini sehinggalah mereka seperti terkeluar daripada bidang kuasa dan kuatkuasa undang-undang perniagaan. Semua pihak petugas dan penguatkuasa yang terlibat dalam bidang perniagaan pasaraya ini menjadi terpukau dan tertidur dengan senyenyak-nyenyaknya. Apakah mereka bersubahat ataupun gagal setelah mereka diapa-apakan?

Izinkanlah saya menjelaskan serba-sedikit mengenai bentuk operasi perniagaan syarikat asing ini. Melalui sistem 'add to', pembeli atau pemegang akaun yang sedia ada akan dijemput melanjutkan kredit mereka. Dengan itu pembelian tambahan dapat dilakukan tanpa merubah ansuran bulanan ataupun ansuran pertama pembelian tambahan itu. Maka baki akaun pertama dicampur kepada akaun baru setelah ditolak kredit rebate, tetapi faedah yang dikenakan dikira semula meliputi keseluruhan jumlah amaun kredit.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi persoalan di sini ialah pembeli dikenakan faedah sebanyak dua kali atau tiga kali, iaitu daripada akaun pertama sewaktu pembelian awal dan juga faedah sewaktu pembelian tambahan pada kali kedua. Maka sekiranya pembeli atau pemegang akaun gagal untuk menyelesaikan tunggakan bayaran berkenaan,

maka kedua-dua kumpulan barangan tersebut akan dirampas. Apa yang lebih menakjubkan rampasan tersebut termasuk barangan pembelian akaun pertama tidak dinyatakan atau dikemukakan kepada pembeli sewaktu membuat pesanan.

Untuk makluman Dewan ini, surat Fan Liew dan Rago di hantar kepada pembeli sewaktu akaun tertunggak dua bulan. Manakala surat notis bagi mengambil tindakan mahkamah di hantar apabila pembeli tidak menyelesaikan tunggakan setelah menerima surat pertama tadi. Kedua-dua surat ini berbentuk tuntutan dan mengelirukan sama sekali kepada pembeli, kerana surat tersebut seolah-olah dikeluarkan oleh pihak peguam ekoran keputusan mahkamah. Sedangkan apabila kita selidik siapakah Rago itu? Sebenarnya Rago itu adalah seorang pekerja di syarikat tersebut.

Apabila akaun pembeli sudah tertunggak tiga bulan, ia akan diserahkan kepada ejen pengutip tunggakan dan barangan akan dirampas. Sekiranya pembeli menjelaskan tunggakan, ia akan dikenakan kos pengutip tunggakan sejumlah 20% daripada jumlah tunggakan sebagai kos tambahan kepada harga barangan. Oleh kerana syarikat membayar upah 20% sehingga 25% kepada ejen dan kos tersebut terpaksa ditanggung oleh pembeli.

Persoalan yang timbul di sini ialah jumlah kos yang semakin meningkat tidak disebut di dalam perjanjian. Manakala perjanjian hanyalah menyatakan kos pengutip akan dikenakan semasa lawatan pengutip, bukan sewaktu rampasan barangan dibuat. Dari segi pengiraan kadar faedah pula, syarikat ini menindas pengguna dengan mengenakan kadar berdasarkan round figure yang teratas, dengan izin, Tuan Yang di-

Pertua, tanpa mengambil kira jumlah ringgit dan sen tunggakan yang sebenar. Tempoh bayaran pembelian atau hutang - barangan dan kadar faedah adalah seperti berikut:

6 bulan	-	12%
12 bulan	-	24%.
18 bulan	-	36%
24 bulan	-	48%
30 bulan	-	60%.

Cara penyerahan faedah adalah lebih kurang seperti berikut: Harga tunai campur kos penyediaan surat perjanjian dicampur faedah mengikut tempoh dan juga ansuran bulanan, maka kita akan perolehi jumlah keseluruhan yang harus dibayar. Contoh, harga barangan RM1,500 campur kos penyediaan surat perjanjian RM35 campur faedah RM160 x 30 bulan, erti faedah yang dikenakan lebih kurang RM920.80.

Persoalan yang timbul ialah pengiraan kredit nilai sen. Contohnya, RM81.86 akan dijadikan RM82.00. Sekiranya RM81.40 akan dikira sebagai RM81.00. Bayangkanlah berapa ratus jutakah jumlah yang dipungut daripada pengguna atau pelanggan yang ramai hampir setengah juta di seluruh negara kita ini. Bebanan lain yang dikenakan kepada pembeli atau pemegang akaun ialah berlaku apabila pembeli mengubah fikiran untuk membatalkan pembelian, lalu dikenakan RM20.00 untuk bayaran pembatalan dan caj kelewatan bayaran, dan bagi setiap surat peringatan yang dihantar akan dikenakan caj sebanyak RM3.00.

Syarikat asing ini sebenarnya cukup bijak, lebih bijak daripada kerajaan yang memerintah sekarang ini. Kalau tidak, tidak akan berlaku hal yang sedemikian. Apabila barangan dirampas melalui ejen yang diupah dengan kos yang ditanggung oleh pembeli, nilai barangan yang dirampas penilaian ini dibuat oleh syarikat dengan sesuka hati mereka sendiri akan ditolak dengan baki keseluruhan hutang yang masih terbaki, balance outstanding, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pembeli atau pemegang akaun akan dimaklumkan melalui notis barangan yang ditarik balik dan jumlah nilai kos yang terbabit dalam tempoh 21 hari, sekiranya mereka ingin menebus kembali. Sekiranya tanpa response pemegang akaun asal, barangan akan dijual dan sekiranya baki hutang melebihi RM1,500 maka tindakan undang-undang akan diambil untuk mendapatkan baki wang yang tertunggak.

Persoalan yang patut mendapat perhatian pihak berkuasa ialah berhubungan dengan perampasan barangan ialah ejen-ejen pengutip mengendalikan barangan tanpa tindakan cermat. Akibatnya barangan menjadi rosak, calar, kemek, koyak dan sebagainya. Ini menyebabkan nilai barangan yang dirampas itu susut harga dan bebanan itu terpaksa juga ditanggung oleh pembeli atau pengguna yang berkenaan. Dari segi penilaian barangan yang dirampas bukan sahaja mereka bertindak sesuka hati, malahan mereka tidak mempunyai kelayakan yang khusus, dan sekiranya barangan rampasan itu diminati oleh orang lain, nilainya akan jauh lebih rendah dari yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan dalam urusan dan operasi perniagaan syarikat asing ini ialah menampakkan negara kita ini masih dikawal oleh undang-undang

yang tidak begitu stabil. Dan tidak ada siapa yang mengambil tahu untuk melindungi pengguna atau pembeli. Manakala pihak pembeli atau pengguna sentiasa dipengaruhi dengan iklan yang dibuat melalui kertas-kertas edaran yang banyak menyembunyikan maklumat-maklumat penting dari segi kos tambahan, denda-denda dan sebagainya yang amat merugikan dan membebankan pada pihak pengguna.

Saya ingin mendesak kepada pihak kerajaan bahawa sudah sampai masanya dan jangan dibiarkan berlarutan dan berlanjutan sehingga terlalu lewat untuk mengatasi penipuan, manipulasi dan penyelewengan perniagaan syarikat asing ini sehingga orang ramai hilang kepercayaan terhadap kewibawaan pihak yang berkuasa khususnya kementerian yang berkenaan.

Sebagaimana saya jelaskan lebih awal dan suka saya jelaskan bahawa Akta Sewa Beli yang sedia ada sekarang ini perlu diteliti dan perlu disemak semula. Pihak kerajaan perlulah menyiasat dan bertindak dengan segera oleh kerana syarikat ini mempunyai 32 cawangan di seluruh Malaysia dengan jumlah pengguna seramai 380,000 orang. Cawangan di Setapak, Kuala Lumpur ada mempunyai 58,000 pelanggan dan 85% daripadanya adalah pengguna yang beragama Islam dan dalam hubungan ini juga, melibatkan jumlah pengguna Islam yang begitu besar. Saya yakin bahawa dalam usaha membanteraskan penindasan dan penyalahgunaan ini serta eksploitasi terhadap pengguna ini, pihak FOMCA, CAP dan sebagainya atau pertubuhan-pertubuhan pengguna di seluruh negara hendaklah bertindak dan membuat penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa masih ada, saya sukalah menyentuh sebagaimana yang disentuh dalam Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu masalah MSC. Menurut kenyataan daripada pihak kerajaan, MSC adalah satu usaha yang akan membawa Malaysia ke era informasi yang akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi mencapai Wawasan 2020. Kawasan seluas 750 km persegi telah dipilih sebagai pusat pelaksanaan projek ini. Ini selaras dengan keputusan kerajaan yang akan memindahkan pusat pentadbiran ke Putrajaya atau dahulunya dikenali sebagai Prang Besar.

Dengan ledakan teknologi maklumat pada masa ini, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengambil peluang daripada trend semasa ini untuk menikmati pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Beberapa aplikasi khusus telah pun dikenal pasti hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh sebuah task force yang dianggotai oleh Telekom Malaysia, Nippon Telephone dan Telegraph (NTT), MIMOS, McKenzie dan juga Post Allen. Kumpulan ini telah membentangkan hasil kaji selidik dan cadangan-cadangan kepada pihak kerajaan pada 1hb Oktober, 1996 untuk mengawasi perjalanan pelaksanaan MSC ini.

Sebuah jawatankuasa pelaksanaan MSC telah pun ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan timbalannya oleh Timbalan Perdana Menteri. Menurut maklumat yang saya dapat, yang akan bermesyuarat paling kurang dua bulan sekali.

Tujuh aplikasi khusus telah pun dikenal pasti bagi menjayakan MSC iaitu pentadbiran kerajaan elektronik, sekolah bistari, teleperubatan, kad pelbagai guna kebangsaan, kelompok pusat penyelidikan dan pembangunan, jalinan pengeluaran sedunia dan pusat pemasaran tanpa had. Empat aplikasi utama yang diberi perhatian serius oleh kerajaan dinyatakan sebagaimana berikut:-

***1. Kerajaan Secara Elektronik.***

Aplikasi ini mendapat perhatian yang begitu serius daripada Perdana Menteri dan jawatankuasa pemandu projek ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dengan kerjasama Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan (MAMPU). Keseluruhannya projek ini melibatkan beberapa syarikat daripada dalam dan luar negeri yang menganggotai beberapa pasukan task force tadi.

Pelaksanaan aplikasi ini secara positif akan membantu meningkatkan keberkesanan pentadbiran kerajaan dengan menggunakan teknologi maklumat terkini. Pentadbiran kurang kertas ini akan menggunakan sepenuhnya sistem komputer termasuklah untuk menyimpan dokumen dan perhubungan. Dari segi teknikalnya, projek ini akan memberi faedah yang amat baik di dalam meningkatkan mutu pentadbiran kerajaan.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dengan serius oleh pihak kerajaan. Antara lain, Tuan Yang di-Pertua:-

- (i) faktor keselamatan sistem komputer yang boleh dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab jika tidak diberi perhatian dengan sewenangnyanya;
- (ii) faktor latihan yang perlu diberi kepada mereka yang terlibat dengan sistem baru ini;
- (iii) pergantungan kepada pihak pembekal semata-mata untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem akan memberi implikasi yang amat merbahaya kepada keselamatan dokumen negara dan keselamatan negara secara umumnya. Maklumat-maklumat sulit akan dapat dicapai oleh pembekal yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jika tidak pengawasan dibuat secara rapi.

Tuan Yang di-Pertua, antara persoalan yang timbul daripada pelaksanaan projek ini:-

- (i) apabila langkah-langkah yang akan diambil oleh INTAN sebagai badan yang bertanggungjawab secara langsung di dalam memberi latihan kepada kakitangan kerajaan untuk menjalankan pentadbiran elektronik ini;
- (ii) siapakah yang akan bertanggungjawab secara langsung terhadap penyelenggaraan sistem kerana tanpa pengawalan yang teliti, pihak-

pihak luar yang berkepentingan dapat mengambil peluang untuk mendapatkan maklumat-maklumat negara yang sulit.

## **2. Sekolah Bistari.**

Tuan Yang di-Pertua, sekolah bistari merupakan satu daripada projek yang diberi keutamaan oleh pihak kerajaan di mana jawatankuasa pemandunya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan. Semua sekolah akan dipastikan untuk mempunyai perkhidmatan Internet di dalam masa dua tahun sebagai langkah untuk memperketatkan lagi kadar intelek teknologi. Model sekolah bistari akan dibangunkan dalam MSC dan kemudian akan dikembangkan kepada sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia. Syarikat-syarikat yang menerima status MSC akan memberi peluang untuk mencorakkan konsep sekolah pintar dengan pembangunan pesisiran aplikasi kurikulum latihan guru dan kakitangan serta infrastrukturnya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta Yang Berhormat gulung.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sebagai penggungnya, Tuan Yang di-Pertua, menurut Kementerian Pendidikan, program sekolah bistari akan dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu sekolah model, menaikkan taraf sekolah asrama penuh kepada sekolah bistari dan menaikkan taraf sekolah-sekolah luar bandar yang masih agak ketinggalan dari segi prasarana maklumat berbanding dengan sekolah-sekolah di bandar.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian, Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai akhirnya, iaitu:-

- (i) sejauh manakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan di dalam memberi latihan kepada guru-guru yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah bilangan guru-guru yang kurang mencukupi;
- (ii) bagaimanakah jadual pelaksanaan projek sekolah bistari ini mengikut peringkat-peringkat sekolah dan langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan taraf sekolah-sekolah di luar bandar;
- (iii) apakah kesan kepada sistem peperiksaan kebangsaan yang dilaksanakan masa kini;
- (iv) sistem gaji perlulah dipertimbangkan kepada guru yang terlibat memandangkan skill dan kemahiran yang diperlukan oleh mereka;
- (v) projek ini memerlukan pelaburan yang tinggi dan apakah langkah untuk mengelakkan masalah memandangkan pertukaran teknologi yang begitu cepat.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, perlunya diadakan sistem penapisan terhadap pencapaian Internet bagi mengelakkan pelajar-pelajar terdedah dengan perkara yang negatif yang pada keseluruhannya telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya, saya tidak sempat sentuh sebab perkara ini telah saya sentuh

dalam beberapa tahun yang lalu, tetapi tidak didengari oleh pihak kerajaan, tahun ini baru kerajaan hendak dengar, baru faham apa yang telah saya berucap lima tahun yang telah lepas.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan membuat lawatan ke Kelantan pada 4hb. April ini dan kita tidak akan mempolitikkan perkara ini, kita berjanji! Dan juga saya ucapkan terima kasih kepada ‘kuok’ yang ‘hidup segan mati tak mahu’, nampaknya dengan usaha sama dengan ‘Kel Oil’ di Kelantan ini, insya-Allah, ‘kuok’ sahamnya akan naik, insya-Allah! Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senai.

**5.41 ptg.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dengan rakan saya membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan pada 24hb. Mac lalu. Saya ingin juga membangkitkan satu masalah kutipan tol di Senai yang tidak patut berlaku di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa rakan saya telah banyak membangkitkan sungutan mereka mengenai bayaran tol lebuhraya yang mahal. Kesemua ini adalah lebuhraya, akan tetapi kepada masalah yang akan saya bangkitkan ini adalah sebuah jalan yang lama, yang didirikan pada tahun 20-an.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat rayuan supaya bayaran tol di Senai dimansuhkan ataupun kenaikan bayaran tol di Plaza Tol Senai ini dikaji semula untuk kebaikan rakyat. Bayaran tol yang dikenakan di Plaza Tol Senai telah dinaikkan dari RM1 pada tahun 1985 kepada RM1.20 pada tahun 1992 dan kemudiannya ke RM1.40 pada 1hb. September, 1996 selepas tiga bulan sahaja iaitu pada 1hb. Januari tahun ini bayaran tol dinaikkan lagi ke RM1.70.

Ini bermakna bayaran tol di Plaza Tol Senai telah dinaikkan sebanyak 70% sejak projek ini dikuatkuasakan iaitu daripada RM1 ke RM1.70. Menurut perjanjian di antara Kerajaan Pusat dengan pihak PLUS, kemungkinan bayaran tol ini akan dinaikkan lagi pada tahun 1998 dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di sekitar Senai terpaksa membuat pembayaran tol beberapa kali sehari, walaupun untuk jarak perjalanan yang dekat kerana tiada jalan alternatif dalam kes ini. Penduduk-penduduk di sekitar bandar Senai, mereka tidak ada pilihan jalan raya lain selain daripada Jalan Senai jika mereka ingin memandu kenderaan mereka dari kawasan utara Senai ke kawasan selatan Senai. Misalnya dari

bandar Kulai ke Saling, ke Senai dan sebaliknya. Ini merupakan satu cukai paksaan yang dikenakan secara tidak saksama dan tidak adil. Maka bayaran tol ini adalah tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang sedang hebat dibangkitkan oleh masyarakat setempat di kawasan pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran tol di Plaza Tol Senai telah mengakibatkan beban kepada pengguna-pengguna jalan raya yang juga memiliki kenderaan seperti bas, teksi dan bas sekolah. Kos pengangkutan yang tinggi menyebabkan peningkatan harga barangan dan ini membebankan para penduduk Senai. Dengan itu, pengekal Plaza Tol di Senai dan peningkatan bayaran tol di situ adalah bertentangan dengan matlamat inflasi sifar yang ditetapkan oleh kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda pelaksanaan program penswastan akan terus dipergiatkan. Kerajaan akan menentukan supaya caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pengguna adalah dalam kemampuan semua lapisan rakyat dan supaya entiti yang diswastakan bersedia melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan berkesan.

Menaikkan bayaran yang dikenakan terhadap tol Senai adalah tidak selaras dengan dasar penswastan yang dilaung-laungkan oleh kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat jelata.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jalan Senai di mana Plaza Tol Senai didirikan adalah merupakan satu jalan lama yang dibina dalam tahun 20-an dan ia bukan

sebuah lebuhraya. Jalan Senai jarang diperbaiki dan kerja-kerja baik-pulih hanya dilakukan secara minimum sahaja sehingga kini.

Pada mulanya Jalan Senai ini tidak dikategorikan sebagai lebuhraya, tetapi syarikat Projek Lebuhraya Utara-Selatan telah mendirikan tol plaza di situ pada tahun 1984.

Bayaran tol di Plaza Tol Senai telah meningkatkan beban penduduk-penduduk tempatan, sehingga hari ini beberapa ratus juta Ringgit Malaysia telah pun dikutip. Memandangkan pengekalan plaza tol di Senai dan kenaikan bayaran tol di situ adalah bercanggah dengan matlamat kerajaan untuk tidak membebankan rakyat, sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Senai, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya perkara ini dikaji semula demi kepentingan rakyat dan meringankan beban rakyat Johor pada amnya dan pengundi saya di Senai khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara mengenai keadaan jalan raya mudah rosak, ingin saya memaklumkan bahawa pada tahun-tahun kebelakangan ini, masalah keadaan jalan raya yang mudah rosak dan udara dicemari terutamanya di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, sering menimbulkan tanda tanya di kalangan warga kota dan pelancong. Seperti yang didedahkan oleh kenyataan Badan Pencegah Rasuah baru-baru ini kemungkinan terdapat unsur rasuah dalam urusan projek pembinaan jalan raya terutama di ibu negara. Jika sangkaan ini benar, maka sudah tentu tidak hairanlah jika didapati penurapan jalan sentiasa tidak dilakukan dengan tidak sempurna selepas

kerja memasang kabel atau paip dan pemandu-pemandu lori sering menyebabkan kekotoran jalan seolah-olah tidak terkawal oleh pihak berkuasa.

Keadaan tersebut telah menyebabkan banyak pembukaan jalan di ibu negara compang-camping selain dicemari tanah, pasir, bancuhan simen dan batu yang biasanya melimpah dari lori. Lebih-lebih lagi apa yang mengejutkan para pengguna ialah terdapat juga beberapa jalan yang diturap pada beberapa bulan yang lalu untuk pemasangan paip dikorek semula oleh kontraktor-kontraktor untuk memasang kabel atas biayanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kira-kira 40% jalan raya di ibu kota dilaporkan berada dalam keadaan tidak sempurna iaitu sama ada terdapat kerosakan atau permukaan yang diturap semula tidak rata, saya rasa kini sudah tiba masanya kerajaan mengenakan peraturan-peraturan yang lebih ketat terhadap kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Pada hemat saya, terdapat kebanyakan kontraktor yang hanya menampal jalan raya yang dikorek dengan bitumen sahaja.

Apa yang menambah serius keadaan jalan raya ialah kontraktor-kontraktor yang diberi kontrak memasang kabel atau paip tidak mempunyai peralatan dan kemahiran yang mencukupi untuk menjamin tahap berkualiti selepas penurapan semula jalan raya berkenaan.

Perangkaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menunjukkan sebanyak 93.4% saman daripada 227,252 saman yang dikeluarkan ke atas 180,311 kenderaan berat di seluruh negara pada tahun 1996 adalah membabitkan kesalahan membawa muatan secara bahaya. Kesalahan-kesalahan tersebut patutlah diberi perhatian oleh pihak berkuasa,

kerana ianya boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain dan juga menyebabkan kerosakan jalan.

Satu perkara penting yang perlu diingatkan semasa penguatkuasaan undang-undang ialah, adalah wajar mengeluarkan saman kepada syarikat berkenaan dan bukan pemandu lorinya. Ini adalah kerana pemandu-pemandu lori mungkin didesak oleh kontraktor-kontraktor yang menyewa lori berkenaan untuk mengisi lebih muatan bagi mempercepatkan kerja serta mengurangkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan atas usaha kerajaan untuk memajukan projek Multimedia Super Corridor (MSC).

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini memang telah maju di dalam maklumat dan penglibatan negara kita dalam bidang teknologi maklumat akan memastikan Malaysia juga sedia menghadapi persaingan baru yang timbul daripada penguasaan teknologi maklumat dan telekomunikasi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Rakyat Malaysia harus memberi sokongan penuh ke atas usaha kerajaan kita untuk terus maju ke hadapan dalam bidang ini, akan tetapi memandangkan projek MSC yang dirancangkan ini masih lagi dalam bentuk konsep sahaja dan kebanyakan rakyat Malaysia termasuk pemimpin di semua peringkat, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak swasta belum lagi memahami apa sebenarnya matlamat dan faedah projek MSC kepada negara kita. Jadi, adalah diharapkan supaya segala maklumat, keterangan dan butir-butir

mengenai projek MSC ini dapat disebarkan kepada semua lapisan masyarakat supaya semua golongan rakyat dapat memberi sumbangan mereka untuk memastikan projek ini berjaya. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit.

**5.54 ptg.**

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya kesempatan membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial yang muncul dan mengiringi pertumbuhan pesat ekonomi negara amat membimbangkan. Saya difahamkan bahawa kebanyakan pusat-pusat hiburan seperti dengan izin, karaoke lounge dan sleazy restaurant biasanya menawarkan perkhidmatan pekerja wanita yang digelar 'Guest Relations Officer' (GRO).

Telah banyak diperkatakan oleh pihak penguatkuasa dan pihak-pihak yang berpengetahuan dalam hal ini bahawa GRO mempunyai tugas yang menjurus kepada maksiat, kerana mereka ini bukan sahaja melayan pelanggan dan segi hidangan minuman dan makanan, bahkan dalam banyak hal mereka memberi perkhidmatan berbentuk sexual. Walaupun pusat-pusat hiburan termasuk pusat-pusat karaoke diminta tutup selepas pukul 1.00 pagi dan terdapat laungan supaya wanita Islam diharam bekerja di tempat-tempat sebegini, namun masih terdapat aktiviti maksiat yang melibatkan GRO.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tenaga kerja wanita amat penting dalam konteks sumber tenaga kerja nasional terutamanya dalam sektor perkilangan dan industri teknologi, tetapi kenapakah kerajaan membiarkan wanita-wanita bekerja di tempat-tempat seperti di karaoke lounge dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia menyemak kembali pengambilan wanita sebagai GRO supaya tidak terdapat kesempatan pihak-pihak yang bertanggungjawab mengeksploitasikan wanita. Kalaulah bidang tugas GRO hanyalah menghidang minuman dan membantu dalam urusan menyanyi secara karaoke, mengapakah tidak dihadkan pekerjaan sebagai GRO ini kepada lelaki sahaja? Kalau lelaki tempatan tidak berminat dalam pekerjaan ini, ambil sahaja lelaki pendatang asing yang berpermit kerja, misalnya biarlah Tuan Yang di-Pertua, lelaki Bangladesh menjadi GRO [*Ketawa*] sudah pasti kerja mereka terhad kepada bidang tugas rasmi dan tidak lebih daripada itu. Dengan ini dapatlah kita mengelak rakyat kita daripada melakukan maksiat.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah serangan seks kini semakin meningkat. Kebelakangan ini penjenayah seks terdiri daripada lelaki yang berumur lebih setengah abad. Hal ini amat ketara dan sentiasa ditonjolkan di dalam akbar-akhbar dan yang amat membimbangkan ialah perihal dengan izin, Incestuous Act, ataupun di dalam bahasa Melayu yang saya difahamkan sebagai 'Sumbang Muhrim'.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan hujah saya berkenan dengan Incestuous Act ini, saya ingin menyatakan di sini ketidakpuashatian saya terhadap istilah

‘Sumbang Muhrim’ yang biasa digunakan dan kalau tidak silap saya istilah ini ialah istilah yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, perkataan ‘Sumbang’ itu amat nipis ataupun amat singkat maknanya dari segi nilai simantiknya perbuatan ‘Incestuous Act’ ini tidaklah bererti ‘sumbang’ tetapi lebih berat daripada itu. Oleh itu, demi untuk menjaga maruah bahasa kita, saya harap Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat menggubal satu istilah yang betul-betul bermaksud ‘Incestuous Act’ ataupun ‘incest’, janganlah gunakan ‘sumbang muhrim’ yang pada hemat saya tidak tepat istilahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cadang macam mana, perkataan apa?

**Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini Ahli Parlimen, jadi saya biarkanlah kepada pakar bahasa untuk mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada serangan jenayah seks ini. Saya fikir oleh sebab jenayah jenis ini tidak begitu ketara pada zaman yang silam dan mungkin tidak begitu ketara dalam budaya orang Melayu maka istilah itu tidak ada. Tetapi sekarang ini telah muncul pula dan kita harus perhatikan, harus meneliti, harus membuat kajian kenapa jenayah seperti ini muncul dengan tiba-tiba dan muncul dengan amat lumrah sekali. Oleh sebab itu saya ingin memetik di sini beberapa rencana yang ditulis oleh akhbar-akhbar tempatan yang memetik bahawa jenayah serangan seks ini kebanyakannya berlaku di rancangan-rancangan Felda. Pernah dikatakan bahawa di rancangan Felda itu, di dalam sesuatu keluarga itu bapa tidak bekerja sentiasa duduk di

kedai kopi. Ibu bekerja kerana kononnya hendak mencari wang yang lebih bagi menampung keluarga dan tinggallah bapa dengan anak.

Oleh sebab itu berlakukan 'incest' ini dan kalaulah boleh saya petik daripada akhbar dan juga daripada sesetengah pemimpin-pemimpin kita ada juga yang meletakkan kesalahan ini kepada ibu. Mereka mengatakan bahawa kenapa tidak 'incest' ini berlaku kerana ibu telah meninggalkan rumah, ibu telah bekerja.

Saya amat sedih, Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali kaum wanita yang dipersalahkan. Yang membuat jenayah lelaki, yang membuat jenayah kaum bapa, yang salah ibu. Sebab apa ibu salah? Sebab ibu pergi bekerja. Saya rasa sikap ini harus kita kikis buat selama-lamanya. Kita bukan sahaja melemahkan semangat kaum wanita tetapi ini juga merupakan satu ketidakadilan kepada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, lelaki yang lebih setengah abad ini, kecenderungan melakukan jenayah seks terutamanya, sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar dan juga kes-kes polis, kepada anak-anak kandung sendiri, anak tiri bahkan cucu sendiri. Jadi, saya rasa kerajaan perlu berusaha untuk menangani masalah ini. Adakah mungkin hukuman yang kita kenakan tidak memadai untuk menyekat jenayah seks ini terutamanya yang melibatkan penjenayah yang separuh umur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini untuk meneliti seksyen 376 daripada Panel Code 1983 yang menyatakan dan saya pohon izin untuk membacakan di dalam bahasa Inggeris:

*“Whoever commit rape shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than twenty years and shall also be liable for whipping”.*

Manakala Criminal Prosedure Code 1983 seksyen 289 pula menyatakan, dengan izin:

*“No sentence of whipping shall be executed by installment and none of the following persons shall be punishable with whipping, namely:*

- (a) female;*
- (b) males sentenced to death;*
- (c) males whom the court considers to be more than 50 years of age.”* Ini yang penting sekali.

Dan seksyen 290 pula menyatakan:

*“The punishment of whipping shall not be inflicted unless a medical officer is present and certify that the offender is in a fit state of health to undergo such punishment”.*

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa undang-undang ini harus dipinda. Kalau lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun mempunyai keadaan kesihatan fizikal dan mental yang membolehkan mereka melakukan jenayah merogol.....

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.....

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:**.....kenapa kita mesti kecualikan mereka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Santubong bangun ya. *[Ketawa]*

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mendapat penjelasan dari kawan saya daripada Parit iaitu memang saya cukup simpatilah. Kadang-kadang undang-undang pun tidak mencukupi, especially I mean dengan izin, untuk menghukumkan perogol-perogol khasnya yang berumur 50 ke atas dan saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat daripada Parit, itu agaknya sebab wanita mengambil tindakan sendiri dengan mengadakan potong-memotong. *[Ketawa]* Setujukah tidak, Yang Berhormat ?

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun amat menggerunkan tetapi saya bersetuju. *[Ketawa]* Sebab, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada ini tidak memihak kepada keadilan. Lelaki yang berumur 50 tahun ke atas saya rasa belum tua lagi, belum sakit lagi, ramai rakan-rakan saya bersetuju malahan ramai di antara kawan-kawan yang mengatakan dengan izin, life begins at 50, dia sudah naik 10 tahun lagi. Jadi, kenapakah undang-undang seperti ini masih ada. Harus kita teliti balik, kalaulah kita hendak mencegah daripada jenayah-jenayah seperti ini berlaku, kita harus mengambil sesuatu tindakan yang positif. Mana undang-undang yang kita rasa tidak sesuai lagi kita boleh tukarkan dan di dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya amat-amat berharap bahawa pihak yang bertanggungjawab akan meneliti tentang hal ini dan mengambil langkah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak MARA yang telah mengambil satu langkah yang saya rasa wajar dengan menyiarkan nama-nama orang yang berhutang dan menyiarkan nama-nama ini di dalam akhbar dan seterusnya perbuatan ini memalukan orang yang berhutang, maka kita mendapat maklum daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan bahawa telah ramai pelajar yang dahulunya berhutang kini menjelaskan hutang mereka kerana adanya disiarkan nama-nama mereka di dalam akhbar. Ini satu langkah yang baik.

Dan di atas prinsip yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya terfikir pula kenapa tidak penjenayah-penjenayah seks tadi yang didapati bersalah dan dihukum disiarkan nama dan gambar mereka sekali di akhbar-akhbar supaya umum seluruh Malaysia tahu akan perbuatan mereka yang terkeji itu. Kita tidak harus kasihan kepada penjenayah. Kita harus kasihan kepada mangsa-mangsa yang telah dirogol yang sekaligus telah habis terhapus hidup mereka. Bukan sahaja hidup mereka sebagai belia ataupun sebagai remaja tetapi hidup mereka sebagai seorang gadis dan seorang wanita. Jadi, rasa saya kalaulah kita adakan peraturan di mana penjenayah-penjenayah ini boleh kita senaraikan, boleh kita sebarkan tentang perbuatan mereka itu, mungkin ini akan dapat mencegah lebih banyak lagi orang terutamanya orang lelaki daripada membuat ataupun melakukan jenayah-jenayah seks seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh berkenaan dengan bahasa Melayu. Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan kita. Ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya langkah ASTRO

ataupun Measat Broadcasting yang menyiarkan sarikata dalam bahasa Indonesia dalam rancangan Star English Movies amat mengecewakan. Saya hairan kenapa keadaan ini dibiarkan. Memang bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia banyak persamaannya dan oleh sebab persamaan inilah timbul bahaya pencemaran bahasa.

Umum tahu bahawa frasa dan juga kosa kata bahasa Melayu berbeza dengan bahasa Indonesia. Anak-anak kita didedahkan melalui pembantu-pembantu rumah rakyat asing dengan bahasa-bahasa asal mereka iaitu bahasa Indonesia dan kadangkalanya bahasa Filipina tetapi kenapa pula di ruang TV rumah mereka, anak-anak kita disumbat pula dengan bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Melayu, misalnya bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia yang terdapat dalam sarikata English movies ini amat mengelirukan dan bukan sahaja ia mengelirukan bahkan ia menodai sistem budaya orang Melayu itu sendiri. Saya ambil sebagai satu contoh. Di dalam bahasa Indonesia terdapat satu kosa kata iaitu “gampang” yang bermaksud mudah atau senang dalam bahasa Indonesia tetapi gampang ini adalah satu perkataan ‘tabu’ di dalam bahasa Melayu tetapi kalaulah bahasa kosa kata seperti “gampang” ini sentiasa didengar oleh anak-anak kita, maka telah tercemarlah bahasa kita apabila anak-anak kita menggunakan perkataan seperti ini. Jadi, saya fikir kita harus bertegas dalam hal ini dan kita haruswajibkan hanya bahasa Malaysia sahaja digunakan bagi movies ataupun wayang-wayang gambar Inggeris yang ditayangkan oleh ASTRO.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu lagi tetapi saya agak ringkas kerana saya tidak begitu sihat, minta maaf. Saya ingin menyebut tentang kecemerlangan dan

penglibatan ahli sukan wanita di negara ini. Kecuali dalam sedikit kategori sukan, kecemerlangan dan penglibatan wanita sebagai ahli sukan sangat rendah dibandingkan dengan atlet lelaki. Untuk setiap atlet seperti Shalin Zulkifli, atlet wanita yang cemerlang, ramai lagi Rashid Sidek atau Chia Song Kit atau M.Kumaresan ataupun Yap Kim Hock. Pasukan badminton lelaki misalannya merupakan pasukan negara kita yang bertaraf world class. Pasukan hoki lelaki meraih kejayaan ke piala dunia di Stadium Bukit Jalil, tetapi apa pula halnya dengan pasukan wanita.

Anugerah Sukan Negara baru-baru ini hanya menunjukkan Shalin Zulkefli sahaja di dalam jurusan bowling dan Nicol & David didalam squash. Dan pasukan bowling wanita sebagai mereka yang cemerlang. Tetapi walaupun ini satu keadaan yang baik, tetapi saya rasa ini tidak cukup kerana kalau kita bandingkan keupayaan wanita amat tinggi tetapi prestasi mereka amat lemah jika dibandingkan dengan kaum lelaki.

Jadi, saya ingin mencadangkan di sini bahawa satu program nasional di wujudkan untuk membawa kecemerlangan atlet wanita ke peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tenom.

**Tuan Radin Malleh [Tenom] :** Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh simpati dengan Yang Berhormat dari Parit tentang peruntukan seksyen 37(6) Kanun Keseksaan tidak cukup mengikut beliau dengan hukuman 20 tahun maksimum dan juga sebatan. Tapi kalau mahu minta tukar ataupun dipindahkan janganlah sampai putus pula.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini, ramai sudah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tentang kejayaan-kejayaan kerajaan dari segi pencapaian pembangunan. Perkembangan pesat ekonomi negara pada kadar melebihi 8%, pendapatan perkapita serta taraf hidup rakyat yang terus meningkat dan negara kita kini telah mencapai tahap gunatenaga penuh, keadaan keselamatan yang terkawal serta suasana politik yang stabil sehinggalah perkembangan projek Korido Raya Multimedia. Permulaan pembangunan bandar Siberjaya, Universiti Multimedia, seperti yang ditawarkan oleh era maklumat yang sedang kita hadapi ini. Namun demikian, kita jangan lupa bahawa majoriti daripada rakyat Malaysia yang tinggal di luar bandar yang masih lagi dalam keadaan [*pembesar suara rosak*].

Saya difahamkan bahawa banyak lagi kawasa-kawasan luar bandar di Semenanjung di mana rakyat terutama sekali orang-orang asli masih lagi di dalam keadaan daif dan miskin. Lebih teruk pula keadaannya di Sabah dan mungkin juga di Sarawak. Di dalam kawasan saya sahaja iaitu di kawasan Parlimen Tenom, ramai lagi penduduk kampung, desa dan di luarbandar di dalam keadaan yang menyedihkan, bukan sahaja suasana hidup mereka tiada perubahan tetapi juga tidak dapat kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur sosial serta ekonomi dan juga keperluan bidang pendidikan dan juga kesihatan. Mereka masih lagi di dalam belunggu tekanan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengulangi seruan saya agar satu pelan induk pembangunan di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara di buatdan

dilaksanakan. Ini penting untuk kerajaan membuat perancangan perbelanjaan di setiap kawasan menurut keutamaan. Juga, ini dapat mengelakkan pertindihan perancangan pembangunan oleh pihak berkuasa negeri dan juga persekutuan. Dalam lain perkataan, rancangan pembangunan hendaklah di koordinasikan agar pembangunan itu benar-benar memanfaatkan rakyat dan juga menepati kumpulan sasaran. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, di Sabah walaupun kerajaan negeri diterajui oleh Barisan Nasional tetapi terbukti tidak ada koordinasi dan tidak ada kerjasama langsung sehinggalah Yang Berhormat Menteri Luar Bandar Persekutuan telah mengeluarkan secara terbuka baru-baru ini kekecewaannya kerana tiada kerjasama yang telah diberikan kepada kementerian beliau oleh pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baginda telah menekankan dua masalah utama iaitu penyalahgunaan dadah dan banjir pendatang asing. Di Sabah kita telah lama menekankan betapa bahaya banjir pendatang asing ini, tetapi teguran membina kita itu telah tidak dihiraukan selama ini. Namun sekarang, kerajaan baru sedar tentang masalah ini, bagaikan pepatah Melayu, *sudah terantuk baru terngadah*, seperti yang diakui sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini dan juga oleh Ketua Polis Negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa penyalahgunaan dadah dan juga banjir pendatang asing ini adalah dua masalah yang serius sekali dan patut dibanteras secara habis-habisan oleh kerajaan dan juga seluruh lapisan masyarakat.

Kerana kita difahamkan bahawa penagihan dadah kini bukan sahaja dilakukan oleh rakyat yang kurang berpelajaran, tetapi juga mereka yang berpelajaran. Ini merugikan negara dari semua aspek terutama sekali ekonomi dan keselamatan kerana penagih-penagih dadah ini bagaikan bangkai yang bergerak tetapi tidak bermaya untuk menyumbangkan apa-apa terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa cara yang paling berkesan untuk memerangi gejala penyalahgunaan dadah ini ialah mencegah penyeludupan masuk dadah ke dalam negara kita dan bukan membina seberapa banyak pusat pemulihan penagihan dadah. Ini terbukti telah banyak daripada penagih-penagih dadah yang keluar daripada pusat-pusat pemulihan kembali menagih semula kerana masih ada terdapat sumber dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kebanjiran pendatang asing, mereka bukan sahaja menimbulkan berbagai masalah sosial termasuklah penyalahgunaan dadah sama ada sebagai penyeludup atau penagih, tetapi yang lebih utama ialah menimbulkan masalah keselamatan negara misalnya di dalam pemalsuan kad-kad pengenalan dan mendaftar sebagai pemilih dengan tujuan untuk campur tangan dalam kegiatan politik negara. Campur tangan politik ini amat ketara sekali lagi di negeri Sabah di mana di beberapa kawasan pilihanraya parlimen dan negeri terdapat pertambahan bilangan pemilih yang mendadak sejak lima tahun kebelakangan ini. Seperti di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Sibuga, Sugut, Likas, Petagas, Kawang, Pantai Manis, Sulabayan, Senallang, Merotai, Kudat, Sekong, Elopura, Karamunting, Bangkoka, Tempasuk, Sri Tanjong dan juga Tanjong Papat dan beberapa kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman keselamatan terhadap negara oleh pendatang asing yang telah didaftar atau mendaftar sebagai pemilih dengan bantuan beberapa petualang-

petualang negara dan oportunist tidak boleh dipandang ringan. Suatu hari nanti, pendatang asing ini sesudah berada di dalam negara kita sekian lama dan terdaftar pula sebagai pemilih akan memudaratkan keselamatan negara. Tidak mustahil mereka tidak akan dapat di kawal lagi. Waktu itu mereka akan melakukan apa sahaja yang mereka inginkan sendiri dan bukan apa yang petualang-petualang yang telah membantu mereka mendapat kad pengenalan dan ingin menjadi pemilih. Mungkin suatu hari nanti, pendatang-pendatang asing ini yang telah dibantu oleh petualang-petualang negara yang kini dianggap lebih kurang 100,000 terdaftar sebagai pemilih di seluruh negeri Sabah akan bangkit menentang kerajaan dan waktu itulah kita bukan sahaja putih mata, tetapi putih tulang.

Ini jelas bila beberapa pendatang asing yang telah diberi kad pengenalan oleh petualang-petualang negara seperti Mohamad Abjan bin Ali Muhamad yang kini di dalam tahanan ISA dan beberapa pendatang asing yang lain telah beria-ia sangat untuk menerajui beberapa bahagian UMNO di Sabah. Ini mungkin juga berlaku di Semenanjung, suatu hari nanti memandangkan sudah berapa banyak pendatang asing berkampung di beberapa kawasan di sini yang mungkin juga sudah mempunyai kad pengenalan. Kalau ini berlaku, tidak mustahil pendatang asing akan menjadi Presiden UMNO di suatu ketika nanti dan kita boleh sama-sama bayangkan jika senario ini benar-benar berlaku kelak.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya telah membuat laporan rasmi mengenai wujudnya 'Ops Gembleng', iaitu suatu operasi merancang dan mendaftar pendatang-pendatang asing sebagai pemilih. Hanya beberapa mereka yang terlibat telah ditahan di bawah ISA. Tetapi peliknya nama-nama pendatang asing yang telah mereka daftar itu masih terdapat dalam rang daftar pemilih negeri Sabah. Yang lebih malang lagi ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menafikan adanya pendatang

asing di dalam rang daftar pilih seperti yang telah beliau katakan ketika menggulung perbahasan Belanjawan tahun 1996 pada 14hb. November, 1995.

Saya ingin petik ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti berikut:

“Berbalik kepada soalan Yang Berhormat dari Tenom, sukacita saya jelaskan bahawa SPR sentiasa mengkaji daftar pilih bagi negeri Sabah khususnya. SPR akan membuat semakan butir-butir pemohon yang mendaftar bagi pilih dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan permohonan itu benar-benar warganegara. Mengenai dakwaan nama pendatang asing dimasukkan sebagai pilih, ini adalah satu tuduhan palsu kerana SPR memaklumkan bahawa mereka tidak ada satu pun maklumat yang menjelaskan keadaan tersebut.”

Kalau benar-benar SPR membuat semakan tentang kesahihan kewarganegaraan pemohon sebelum didaftar sebagai pilih, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagaimanakah mereka yang didapati sabit kesalahan oleh mahkamah kerana memiliki kad pengenalan palsu tetapi terdaftar di dalam rang daftar pilih? Oleh itu, untuk mengikis sebarang keraguan tentang kesahihan rang daftar pilih negeri Sabah, saya minta suatu penyiasatan khusus dibuat untuk memperjelaskan beberapa isu berbangkit seperti berikut:

Pertama, bagaimana mereka yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah kerana memiliki kad pengenalan palsu terdaftar sebagai pilih?

Kedua, bagaimana mereka yang baru memohon kad pengenalan “tetapi sudah pula terdaftar sebagai pemilih?”

Ketiga, bagaimanakah boleh berlaku pertambahan pemilih secara mendadak di beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri di Sabah di dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan siapakah yang telah melakukannya serta mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka?

Keempat, bagaimanakah pendatang asing seperti Mohamad Afjan bin Ali Mohamad boleh menjadi ahli UMNO, dan berapakah pendatang asing yang lain telah terlibat menjadi ahli UMNO di Sabah? Perkara-perkara tersebut di atas amat penting diperjelaskan. Saya minta tindakan segera dan serius diambil oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong saranan Yang Berhormat dari Tuaran supaya kerajaan mengeluarkan ‘kertas putih’ untuk memperjelaskan isu bersabit penyiasatan penyeludupan kayu balak di Tawau, kerana rakyat Malaysia khususnya di Sabah ingin tahu, pertama dari manakah kayu balak itu datang, sama ada dari Sabah ataupun Indonesia, memandangkan pada masa itu pada hakikatnya kedua-dua pihak Sabah dan Indonesia telah mengharamkan pengeksporan balak?

Kedua, kenapakah kayu balak itu dieksport melalui Sabah, seolah-olah negeri Sabah tempat persinggahan penyeludupan kayu balak?

Ketiga, berapakah hasil pendapatan dikutip masing-masing oleh kerajaan negeri dan Persekutuan menurut peruntukan undang-undang dalam kes ini? Keempat, siapakah sebenarnya yang berkuasa menggubal dasar berkaitan hasil balak negeri dengan

mengambil kira peruntukan di dalam perjanjian Malaysia berkaitan dengan pembalakan di Sabah?

Kelima, siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab melakukan angkara penyeludupan kayu balak ini dengan mengambil kira tindakan tuduh-menuduh di antara Yang Berhormat Datuk Ghafur Salleh, Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama Persekutuan yang hanya reda apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri campur tangan?

Kertas putih itu penting untuk membersihkan imej kerajaan dan juga kedua-dua nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah menerima laporan daripada Kerajaan negeri Sabah termasuk laporan penyiasatan oleh pihak polis dan juga BPR sebagai membuktikan ketelusan ataupun 'transparency' pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa juga yang saya utarakan di dalam perbahasan ini akan mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan demi untuk kebaikan rakyat dan juga negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Libaran.

**6.25 ptg.**

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi

peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod sejak tahun 1990 hingga 18hb. Mac, 1997 sebanyak 23 buah pesawat TUDM dari pelbagai jenis telah terhempas atau mengalami kemalangan. Pesawat Nuri sahaja dari tahun 1968 sehingga tahun 1996, 14 pesawatnya sudah terhempas dan mengorbankan 71 nyawa. Dicampur dengan dua buah Nuri yang terhempas di kawasan gunung daerah Sipitang, Selatan Sabah pada 18hb. Mac, 1997 yang mengorbankan 11 anggota TUDM, bermakna sejumlah 16 buah Nuri terhempas dan mengorbankan 82 nyawa.

Apa yang lebih menghairankan semenjak tahun 1990 hingga hari ini TUDM mencatatkan kemalangan pesawat selama tujuh tahun berturut-turut dan jumlah kemalangan terbanyak ialah pada tahun 1993 dengan sembilan kemalangan. Pada kebiasaannya punca kepada kecelakaan ini hanya dua sebab, iaitu sama ada kerosakan teknikal atau pengendalian pesawat. Tidak guna kita mengadakan siasatan demi siasatan selepas tiap-tiap kali pesawat kita terhempas, sedangkan tiap-tiap tahun pesawat TUDM terus juga mengorbankan nyawa juruterbangnya. Apa yang juga pentingnya ialah memastikan alat ganti pesawat harus mencukupi dan pengendalian semua pesawat hendaklah 'tip-top'.

Justeru itu, adalah wajar soal pembelian pesawat dilakukan dengan mengambil kira kemudahan untuk mendapatkan alat ganti dalam masa yang diperlukan. Begitu juga mengenai kelemahan penyelenggaraan dan pengendalian pesawat harus diatasi segera.

Semua jenis pesawat termasuk Nuri yang telah diragut usia harus di'grounded'. Harga pesawat boleh dibayar, tetapi nilainya tidak sama dengan nyawa insan. Kementerian Pertahanan dan TUDM mempunyai tanggungjawab yang besar bagi meyakinkan rakyat. Kalau tidak, lebih ramai lagi juruterbang akan meninggalkan perkhidmatan mereka bagi memasuki sektor swasta yang lebih menjanjikan ganjaran yang tinggi dan masa depan yang menggalakkan. Sementara itu ada kemungkinan semua belia tidak teringin menjadi anggota TUDM kerana ia semata-mata menjanjikan maut dalam jangka masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, saiz bilangan penduduk amat berkaitan sekali dengan kerosakan yang dilakukan ke atas alam sekitar. Begitu juga dengan cara hidup masyarakat itu sendiri seperti sumber yang digunakan serta pencemaran industri yang dikeluarkan semuanya memberi kesan kepada alam sekitar. Walaupun kawasan pantai terutamanya di negara membangun telah bertukar kepada kawasan pertumbuhan ekonomi dan sumber kajian baru, tetapi manfaat kepada perubahan ini tidak menyeluruh. Penduduk dunia masih bergantung hidup kepada ikan dan lain-lain produk dari terumbu karang serta juga kawasan hutan paya bakau dan muara sungai.

Malaysia sendiri tidak terkecuali dalam menghadapi masalah hakisan pantai yang mengancam pesisiran pantai negara. Kira-kira 30% daripada 4,089 km pesisiran pantai negara kita mengalami hakisan dengan 226.2 km daripadanya atau 72 kawasan dikategorikan sebagai kritikal dan memerlukan kawalan segera.

Punca utama hakisan pantai ialah aktiviti pembangunan di sepanjang pesisiran pantai ataupun perairan seperti pembinaan pelabuhan, jeti dan perlombongan. Kebanyakan kejadian yang berlaku di pesisiran pantai negara ini berpunca daripada aktiviti manusia di darat. Selain dari itu, hakisan pantai juga berpunca daripada faktor semula jadi iaitu pukulan ombak dan kehilangan lodak yang tidak seimbang di sesuatu kawasan terbabit atau kedua-duanya. Negara kita juga mempunyai beberapa taman laut iaitu Pulau Redang di Terengganu, Taman Laut Pulau Paya, Langkawi di Kedah yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Kementerian Pertanian perlu menguruskan pesisiran pantai agar sistem perlindungan pantai lebih berkesan dan JPS mesti menjalankan tanggungjawab mereka sebaik mungkin agar masalah hakisan pantai dapat diatasi. Kita tidak seharusnya mengatakan kita ini tidak berkuasa untuk membuat sesuatu yang baik dengan membenarkan dunia menjadi lebih buruk.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kempen menggalakkan rakyat menggunakan barang tempatan bukanlah perkara baru. Ia berlaku setiap kali kita cuba mempromosikan barangan terbaru keluaran negara. Sepatutnya sikap memberi keutamaan kepada keluaran negara sudah tersemat kepada jiwa setiap rakyat. Kita sedar adalah mustahil kerajaan memaksa semua rakyat supaya bersikap terlalu kekitaan hingga rakyat tidak boleh membuat pilihan. Bagi yang mampu dan mempunyai cita rasa yang tinggi, kita anggap mereka berhak membuat pilihan tersendiri.

Cuma apa kita harapkan mereka tidak seharusnya meremehkan barangan keluaran tempatan, iaitu hanya golongan sederhana dan rendah yang lebih menghargai barangan yang dikeluarkan di negara ini. Ini kerana mereka memilih barangan yang harganya lebih murah daripada barangan yang diimport. Golongan ini hanya pandai bercakap bahawa mutu keluaran negara setanding dengan keluaran negara asing, tetapi apabila meletakkan diri mereka sebagai pengguna, barangan tempatan diketepikan. Paling utama ialah mutu sesuatu barangan. Kita tidak ada alasan untuk mengatakan barangan yang sama dan dibuat di kilang yang sama mendapat pasaran begitu meluas di luar negara. Ini menunjukkan mutu barangan keluaran negara diterima pengguna di peringkat antarabangsa. Tidak ada penguasa kilang yang mahu memperjudikan modal yang besar mereka laburkan untuk mengeluarkan barangan yang mutunya boleh dipersoalkan.

Kerajaan Malaysia perlu mempergiatkan promosi barangan tempatan dan menggalakkan peniaga untuk menjual barangan tempatan, dikeluarkan oleh syarikat tempatan yang berkualiti dan setanding dengan peringkat antarabangsa. Pengguna Malaysia perlu dapat membezakan kemampuan negara hari ini dalam bidang pembuatan. Jika mereka boleh menerima kereta nasional, tidak ada sebab mereka tidak boleh menerima keluaran lain.

Tuan Yang di-Pertua, konflik antara kebanyakan negara berpunca dari kegagalan untuk mengawasi dan menangani keadaan. Hubungan Malaysia-Singapura bermasalah lagi apabila Lee Kuan Yew membuat kenyataan dalam 'affidavit'nya menyaman

pembangkok politiknya menyentuh keburukan di Johor seperti kejadian tembak-menembak, menyamun dan merampas dan isu ini menggemparkan seluruh masyarakat Malaysia.

Sebagai seorang ahli politik yang senior, Lee Kuan Yew mungkin sudah menduga kenyataan ini pasti mendapat reaksi Kuala Lumpur atau apakah kerana pihaknya tahu bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia yang mempunyai sikap pemaaf atau sengaja secara sedar berbuat demikian untuk mendapat perhatian? Hanya dia sahaja yang tahu jawapannya. Dan dia mungkin secara imaginasi hanya tersenyum sambil menghirup teh Cina di hadapan televisyennya dan berkata, 'Cuit aku sudah berjaya'.

Sebenarnya ini bukan buat kali pertama Lee Kuan Yew berkelakuan sedemikian. Keadaan yang berulang biasanya jika disedari merupakan rancangan, jika tidak merupakan satu symptom kepada satu emosi yang sangat mendalam. Semasa Singapura masih di dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 60-an, Lee Kuan Yew beberapa kali telah menyinggung Kuala Lumpur dan pemimpin-pemimpin di waktu itu. Akhirnya, Singapura dikeluarkan dari Malaysia pada tahun 1965 akibat tindak-tanduk Lee Kuan Yew yang sedemikian.

Mungkin sejak awal lagi dia mempunyai cita-cita untuk mendapatkan populariti dan mahu menguasai Kuala Lumpur, tetapi cita-citanya tidak tercapai. Segala-galanya sudah menjadi sejarah. Hubungan Singapura-Malaysia tidak lagi seperti dahulu di mana pergantungan Malaysia kepada Singapura atas sifat perdagangan dalam hal eksport dan pasaran kewangan. Kini Malaysia sudah ke hadapan kerana infrastrukturnya kian

lengkap sama ada pelabuhan perkapalan, kewangan, udara, telekomunikasi dan lebih-lebih lagi dengan wujudnya MSC.

Apakah ini membimbangkan Singapura? Dahulu ramai orang Malaysia berkunjung ke sana, tetapi sekarang sebaliknya. Begitu juga kini pergantungan Singapura kepada Johor amat kritikal, khususnya bekalan air dan bisnes. Keadaan politik Malaysia perlu diambil kira sebagai stabil, sementara itu kegiatan Dr. Mahathir menjual Malaysia telah meletakkan Malaysia dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Apakah ini yang menjadikan Lee Kuan Yew iri hati? Walaupun apa sebabnya, Malaysia perlu bersikap tegas. Kenyataan bertulis telah dibuat yang memberikan implikasi yang mendalam dari segi imej. Jika dahulu sikap kita terhadap Britain amat tegas dan kemudian bertindak 'buy British last' dan kemudian Australia pula, mengapa tidak kali ini supaya ia tidak berulang, Malaysia harus bersikap dengan lebih tegas lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Lumut.

**6.38 ptg.**

**Dr. Yap Yip Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam ucapan Baginda, Seri Paduka ada memberi fokus kepada gejala penyakit sosial.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang permasalahan sosial. Kecemerlangan pertumbuhan ekonomi negara melewati 8% setahun dalam tempoh 10 tahun yang lalu

adalah membanggakan semua pihak. Namun demikian, kejayaan dari segi kebendaan sahaja tanpa diimbangi dengan pembangunan kerohanian tidak akan menjamin kesejahteraan hidup. Kemusnahan Empayar Rom dan Byzantine 1,000 tahun silam adalah teladan sejarah yang tidak dapat dinafikan. Masihkah tidak perlu kita mempelajari sejarah?

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan permasalahan sosial yang melibatkan keruntuhan akhlak muda-mudi di negara ini sudah sampai ke tahap yang membimbangkan. Saban hari di dada akhbar terdapat berbagai episod yang menggambarkan kereputan moral belia kita, kes penyalahgunaan dadah termasuk penggunaan pil khayal yang semakin merebak, bohsia, wujudnya budaya lepak, perjudian dan perlakuan samseng di sekolah, perlumbaan motor haram, anak-anak gadis lari dari rumah dan tidak kurang juga kes incest, dengan izin, yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Di manakah silapnya? Mengikut Durkham (1990), seorang ahli sosiologi menyatakan penyakit sosial akan berlaku apabila terdapat gangguan kepada peraturan kemasyarakatan yang telah dipersetujui sejak turun-menurun. Lazimnya gangguan berlaku apabila terdapat pertembungan di antara nilai-nilai kehidupan tradisional dengan nilai-nilai kehidupan baru yang konvensional akibat dari masyarakat dilanda perubahan

di mana kebanyakan dari anggota masyarakat belum bersedia untuk menghadapinya.

Dalam konteks masyarakat Malaysia, gangguan ini pada pendapat saya berpunca dari:-

- (i) sikap anggota masyarakat yang semakin materialistik;
- (ii) ibu bapa yang terlampau sibuk mengejar kemewahan hidup;
- (iii) kurangnya pendidikan agama dan kerohanian di kalangan anak-anak muda;
- (iv) penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar yang semakin pesat;
- (v) pendedahan unsur-unsur negatif melalui media elektronik dan media cetak;
- (vi) merosotnya pengetahuan keibubapaan di kalangan ibu bapa muda dalam memberikan pendidikan yang berkesan kepada anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saling kait di antara faktor-faktor yang dinyatakan di atas, pada hemat saya telah mencetuskan dua kesan buruk kepada masyarakat iaitu merebaknya kebudayaan yang berasaskan hawa nafsu dan semakin merosotnya pendidikan agama.

Kebudayaan yang berasaskan hawa nafsu yang diimport dari luar melalui pelbagai sumber tidak dapat disangkal telah merosakkan belia-belia yang lemah nilai akhlak dan keagamaannya. Pengaruh budaya pop dan rock yang bertunjangkan percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan telah menyebabkan anak muda bersifat lebih agresif. Lantaran itu, mereka berani menentang nasihat orang tua dan lari dari rumah kononnya hak mereka tercabul.

Sesetengah ibu bapa yang bersikap materialistik telah mengabaikan tanggungjawab mereka dalam urusan mengasuh dan mendidik anak-anak mereka, ternyata yang paling ketara diabaikan ialah pendidikan agama. Sedangkan pendidikan agama adalah tunggak dalam kehidupan seharian. Ramai anak muda rosak kehidupan mereka kerana kehilangan arah hidup lantaran ketiadaan panduan dan pedoman. Anak-anak memerlukan bimbingan dalam menempuh tekanan hidup yang penuh pancaroba. Anak-anak yang tidak mendapat belaian kasih sayang dan tunjuk ajar ibu bapa tentu senang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif dan seterusnya akan membiakkan pelbagai penyakit sosial yang kronik.

Apakah alternatif yang kita ada? Anak muda hari ini ialah penggerak negara pada masa hadapan. Seandainya mereka sudah tidak mengindahkan betapa pentingnya maruah dan nilai keperibadian diri, ibu bapa, bangsa, agama dan negara, bagaimanakah pula mereka pada tahun 2020?

Cadangan untuk mengatasi masalah keruntuhan moral.

Yang pertama, menekan dan meluaskan lagi pendidikan agama di sekolah termasuk kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Buat masa kini, penduduk-penduduk bukan Melayu tidak menerima pendidikan agama di sekolah kita. Saya harap pihak kementerian akan memberi pendidikan agama juga kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di sekolah-sekolah mengikut agama setiap individu itu.

Kedua, memeriksa semula sukatan pelajaran moral supaya pendidikan moral dan agama benar-benar berkemampuan untuk menangani permasalahan moral dewasa ini.

Ketiga, mengemaskinikan lagi pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar wajib dilibatkan sama ada dalam kegiatan sukan, persatuan ataupun pasukan pakaian seragam.

Bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, adalah amat berfaedah untuk mendedahkan mereka kepada kursus membentuk kemahiran keibubapaan. Pentingnya usaha-usaha untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Anak-anak yang telah mendirikan rumah tangga tidak harus memisahkan diri dengan ibu bapa yang telah tua dan perlukan penjagaan rapi.

Latihan perguruan harus menekankan sifat kasih sayang guru kepada muridnya. Murid-murid dewasa ini semakin memerlukan guru yang sanggup mendengar, menyayangi dan mendidik mereka dengan sabar. Guru harus menjadi lebih profesional dalam usaha menangani masalah disiplin di sekolah-sekolah. Justeru itu, persatuan ibu bapa dan guru harus menilai semula peranan mereka supaya benar-benar dapat memainkan fungsi pembinaan akhlak yang mulia di kalangan murid-murid.

Membentuk tabiat membaca di kalangan kanak-kanak dan masyarakat amnya. Belia yang berilmu dan cintakan buku adalah lebih cenderung kepada kegiatan yang membina untuk pembentukan sahsiah dan keperibadian yang berakhlak tinggi.

Moral di sebalik ucapan ini ialah untuk mengajak masyarakat kembali ke pangkal jalan, kembali kepada agama, kembali kepada kekuatan tatasusila ketimuran untuk dijadikan asas pembinaan negara melalui kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara lagi di sini ialah berkenaan penambahan tanah, land reclamation, dengan izin. Dalam proses pembangunan negara, kita jangan lupa menjaga alam sekitar. Oleh sebab harga tanah adalah tinggi di tempat-tempat strategik seperti di pesisiran pantai dan pulau-pulau pelancongan, banyak syarikat telah memohon untuk penambahan tanah, land reclamation, dengan izin. Sebagai contoh, di kawasan saya iaitu kawasan Lumut banyak permohonan telah dibuat untuk penambahan tanah. Sebanyak 300 ekar tanah di Pulau Pangkor, 500 ekar di Teluk Muroh dan 8,000 ekar di Pasir Panjang telah dimohon untuk penambahan tanah.

Sebelum pihak Kerajaan Negeri Perak meluluskan permohonan penambahan tanah, saya berharap pihak berkenaan akan memberi perhatian kepada isu-isu berikut:-

- (i) keperluan mengadakan skim penambahan tanah tersebut kerana kita masih ada banyak tanah yang belum diperkembangkan;
- (ii) kesan-kesan negatif yang boleh menjejaskan dan mempengaruhi kehidupan dan pekerjaan penduduk-penduduk di tempat berkenaan;
- (iii) kajian Environment Impact Assessment (EIA) mesti dijalankan sebelum permohonan penambahan tanah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika penambahan tanah di Telok Chempedak di Pulau Pangkor diluluskan, sumber-sumber pembiakan ikan serta lain-lain jenis kehidupan lautan akan terjejas. Selain daripada itu kehidupan penduduk-penduduk yang kebanyakannya adalah kaum nelayan atau dalam pekerjaan yang dikaitkan dengan

industri makanan laut akan merosot. Sehubungan dengan ini saya berharap pihak Kerajaan Negeri Perak akan memberi perhatian yang serius kepada isu-isu penambahan tanah khasnya di Pulau Pangkor.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kinabalu.

**6.51 ptg.**

**Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang jelas menunjukkan keprihatinan terhadap keselamatan dan pembangunan ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Dalam tempoh yang singkat diberikan kepada saya, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan satu kes yang timbul di Sabah iaitu kes penangkapan 3,000 batang kayu balak di Pulau Sebatik. Masalah ini telah menimbulkan satu percanggahan pendapat di antara Menteri Kewangan Sabah dan juga Menteri Perusahaan Utama peringkat Kerajaan Persekutuan dan percanggahan tersebut menjadi perang mulut, tetapi telah reda dengan campur tangan daripada Timbalan Perdana Menteri. Penangkapan kayu balak tersebut melibatkan sebuah kapal yang bernama 'M.B Able' dan sebuah syarikat (Syarikat Ras pang Sdn. Bhd.).

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Perusahaan Utama telah memberitahu Dewan ini bahawa tidak ada lesen dikeluarkan untuk sebarang eksport kayu balak dari

Sabah (transshipment) keluar, selepas 31hb. Disember, 1996. Namun demikian, baru-baru ini majistret telah membuat satu keputusan iaitu kayu balak yang berjumlah 3,000 batang lebih itu dilepaskan, dikembalikan kepada pemiliknya Syarikat Raspang, oleh kerana syarikat tidak melanggar sebarang undang-undang berkaitan dengan kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini menarik perhatian saya oleh kerana saya mendapati bahawa kenyataan Menteri Perusahaan Utama bercanggah dengan keputusan yang telah dibuat di mahkamah. Sekiranya tidak ada undang-undang yang salah ataupun dilanggar, mengapa Menteri Perusahaan Utama mengatakan bahawa tidak ada lesen dikeluarkan, kalau tidak ada lesen dikeluarkan, apakah yang sedang berlaku di Pulau Sebatik? Ini persoalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, 3,000 batang kayu balak ini kononnya adalah diimport daripada luar negara, dari negara jiran masuk ke negeri Sabah untuk transshipment ke Jepun dan dalam laporan akhbar mengatakan bahawa 6 buah kapal sudah belayar dan Syarikat M.B. Able ini tertangkap. Namun, saya sangat meragui asal-usul kayu balak tersebut. Oleh kerana dalam gambar di surat khabar dan juga dalam full text TV3, kita jelas melihat bahawa kayu balak itu adalah di dalam perairan Pulau Sebatik, di negeri Sabah. Jadi, istilah 'transshipment', adakah transshipment ini bermakna bahawa kayu balak itu diisi di perairan Sabah kemudian dieksport ataupun transshipment bermakna bahawa diisi dalam sebuah negara jiran, kemudian singgah di pelabuhan di Sabah dan transhipped atau dihantar ke Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di negeri Sabah dan rakyat di seluruh Malaysia ingin tahu apa sebenarnya yang sedang berlaku. Oleh kerana perusahaan balak di Sabah adalah perusahaan yang sangat penting. Lebih kurang 50% pendapatan negeri Sabah adalah daripada hasil balak. Jadi kita ingin tahu apa sebenarnya yang sedang berlaku. Adakah yang sedang berlaku ini satu business yang legitimate, export yang legitimate atau sebaliknya?

Tuan Yang di-Pertua, banyak kesangsian terhadap asal-usul kayu balak tersebut. Ada yang mengatakan bahawa kemungkinan kayu balak itu telah diambil daripada negara jiran ditarik ke Sabah, diisi dalam kapal kemudian dieksport. Namun demikian, ada juga yang mengatakan bahawa kemungkinan kebanyakan kayu balak tersebut sebenarnya bukan daripada negara jiran, tetapi adalah dari Sabah itu sendiri, yang kemudian dieksport secara haram oleh kerana pengeksportan kayu balak dari Sabah sudah diharamkan.

Perkara ini juga menarik Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara jiran khususnya Indonesia sudah mengharamkan eksport kayu balak. Kalaulah MTIB telah memberi satu kelulusan untuk mengimport daripada Indonesia sedangkan sudah diharamkan di Indonesia, apakah akibatnya dengan perhubungan perdagangan dengan sebuah negara jiran? Yang saya hairan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Indonesia tidak bising tentang perkara ini. Kalau Indonesia tidak bising, tidak menyiasat tentang perkara ini, adakah ini bermakna bahawa kayu balak itu sebenarnya bukan daripada negara jiran, tetapi memangnya daripada negeri Sabah, tetapi dieksport seolah-olah transshipment.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ini bukan transshipment, oleh kerana kayu balak itu jelas dalam gambar, dalam area photo, ia berada di perairan negeri Sabah. Jadi, inilah yang menjadi persoalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati dengan penjelasan Menteri Perusahaan Utama. Saya tidak berpuas hati oleh kerana banyak perkara yang tidak diumumkan kepada pihak awam. Misalnya laporan BPR kita belum terima, laporan polis kita belum terima, laporan Jabatan Perhutanan kita belum terima hasil siasatan. Kita sedar bahawa satu delegasi Kerajaan Negeri Sabah telah pergi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi pihak umum ingin tahu apa sebenarnya yang sedang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, kalaulah perkara ini tidak dijelaskan, maka tidak salah kalau rakyat memikirkan bahawa ada unsur-unsur kegiatan penyeludupan kayu balak untuk dieksport keluar daripada Sabah secara haram. Kalaulah ini betul, rakyat ingin mempersoalkan peranan MTIB di Sabah yang membenarkan import balak daripada luar negara menggunakan Sabah sebagai transshipment, saya ingin menyeru kepada pihak yang berkuasa supaya menyiasat perkara ini se dalam-dalamnya. Oleh kerana kita tidak mahu bahawa balak yang ada di negeri Sabah yang sudah tinggal sedikit itu dieksport secara haram tanpa membayar sebarang royalti.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah sekarang menghadapi masalah kewangan. Kurang wang oleh kerana kurang pendapatan dari hasil balak. Baru tiga hari yang lalu laporan akhbar mengatakan walaupun eksport balak dibenarkan, tetapi setakat ini hanya dua shipment sahaja, itupun dinilai RM1 juta dan duti hanya RM500,000 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat hairan dengan apa yang berlaku dalam pentadbiran kayu balak di negeri Sabah pada ketika ini. Apa yang kami dengar bahawa Pengarah Perhutanan dipindahkan ataupun disingkir dari jawatan, seolah-oleh 'sweeping under the carpet', seolah-olah ini satu penyelesaian. Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk membuang Pengarah Perhutanan itu bukan satu penyelesaian. Ini tidak akan menyelesaikan masalah ini, kita harus menggorek, kita harus mengetahui apakah sebenarnya yang sedang berlaku dan percanggahan kenyataan daripada Menteri Perusahaan Utama mengatakan tidak ada lesen diberikan. Kalau tidak lesen diberikan, kenapa ada kegiatan eksport, kenapa kayu balak itu masih didapati selepas 31hb. Disember, 1997? Ini harus dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah soal antarabangsa melibatkan sebuah negara jiran Indonesia yang sudah mengharamkan balak dan untuk memelihara hubungan perdagangan yang baik di kalangan negara-negara asing, perkara ini harus diperjelaskan, bukan sahaja di Dewan yang mulia ini, tetapi kepada rakyat umum dan juga kepada negara-negara luar.

Saya menyokong penuh supaya kertas putih penjelasan mengenai perkara ini dikeluarkan di Dewan ini atau sekurang-kurangnya satu penjelasan yang jelas diumumkan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi terus kepada perkara kedua yang menarik perhatian saya di Sabah iaitu mengenai dengan penswastan kenderaan kerajaan. Saya mengambil berat tentang masalah ini oleh kerana pada 20hb. Mei, 1995, Kerajaan Negeri Sabah telah menswastakan kesemua kenderaan kerajaan. Ini daripada kereta-kereta mewah sampai kereta yang asal beroda telah diswastakan dan penswastan itu telah diberikan kepada sebuah syarikat yang bernama Syarikat Angkatan Hebat Sdn. Bhd.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada penswastaan itu, telah menimbulkan satu kerisauan dan kecemasan di kalangan kakitangan kerajaan kerana syarikat ini telah diberi hak untuk membeli kesemua kenderaan kerajaan seperti kereta mewah Mercedes Benz ataupun Land Cruiser dan lain-lain lagi dengan harga yang murah dan selepas itu syarikat ini akan menyewakan kenderaan kepada kerajaan pada kadar yang telah ditentukan.

Tetapi apa yang berlaku, oleh kerana kononnya untuk mengurangkan belanja penyenggaraan kenderaan yang lebih kurang RM10 juta, menurut sumber-sumber yang kita ketahui bahawa perbelanjaan sewa kereta dan juga penyenggaraannya telah melonjak kepada RM60 juta dan pada saat ini, Tuan Yang di-Pertua, penswastaan itu seolah-olah sudah dibekukan. Kereta State Government (SG) sudah mulai digunakan kembali tetapi 400 buah kereta sedang ampai-ampai ataupun sedang ditempatkan di dalam satu tempat yang sudah dipungut kemudian dijual, kemudian satu masalah timbul lagi.

Mereka mengatakan bahawa yang kereta ini akan dijual oleh kerajaan tetapi yang mewah ini sudah di'booking' oleh menteri, Timbalan Menteri sudah booking Mercedes Benz dengan kadar harga 10% of booked value. Kemudian, orang mahu tengok satu kereta Land Cruiser, di Sabah popular dengan perkataan "Ninja Turtle" yang baru ini berharga RM200,000, katanya "Setiausaha Politik sudah booking, ini kamu tidak boleh tender, ini sudah kena booking, ini booked value".

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa penswastan ini tidak menguntungkan rakyat oleh kerana ketua-ketua jabatan mengatakan ini tidak menguntungkan, malah saya difahamkan Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri tidak mahu melepaskan kereta kerajaannya oleh kerana dia terpaksa menyewa sebuah kereta daripada Syarikat Angkatan Hebat - satu jenis kereta yang tidak semewah yang ada sekarang ini. Misalnya, kereta-kereta mewah ini daripada Mercedes Benz ataupun Land Cruiser, sekarang kena beri Isuzu B. Cond. sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan di sini iaitu mengenai dengan financing penswastan ini. Saya tahu bahawa Syarikat Angkatan Hebat tidak mempunyai banyak wang tetapi kerajaan negeri telah memperuntukkan sedemikian banyak wang - kalau tidak silap RM15 juta - untuk membolehkan penswastan ini. Dan yang lebih serius dan saya ingin membawa kepada perhatian BPR di sini iaitu bahawa syarikat ini telah membeli kenderaan-kenderaan ini dengan menggunakan LPO kerajaan. LPO kerajaan telah digunakan untuk membeli kenderaan-kenderaan ini sedangkan kenderaan ini didaftarkan secara private, bukan sebagai sebuah kenderaan kerajaan dan saya minta supaya perkara ini disiasat oleh BPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat jawapan dari Parlimen mengatakan bahawa penyiasatan telah selesai dan kini telah ditempatkan di Bahagian Perundangan, mungkin maksudnya Bahagian Attorney General. Saya ingin menggesa kerajaan supaya setelah membuat kajian dan sekiranya ada asas-asas tindakan yang harus diambil, saya menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan oleh kerana perkara ini bukan sahaja

diketahui oleh orang-orang kerajaan, orang-orang kampung tahu! Kalau ada hanky-panyk ataupun kalau ada masalah di peringkat atasan, bagaimanakah kita dapat menyakinkan rakyat bahawa perkara seperti ini sepatutnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membuat tuduhan melulu seolah-olah ada orang rasuah oleh kerana perkataan ini terlalu besar dan mungkin juga terlalu umum tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Rakyat ini kita mahu melihat keyakinan rakyat kepada sistem kerajaan kita, sistem pentadbiran kita dan sistem pemerintahan kita. Kita tidak ingin melihat bahawa hanya satu dua yang mencari keuntungan sementara dan merosakkan nama baik negara. Walaupun mungkin tujuan pada mulanya adalah untuk efisiensi dari segi penyenggaraan kenderaan kerajaan tetapi ianya sudah menjadi satu monster yang besar, satu kegiatan yang meragukan. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal dari pembangkang sahaja. Ini satu persoalan yang ditimbulkan oleh pegawai-pegawai kerajaan, orang ramai dan siapa-siapa sahaja yang tahu tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan regularisation of pemutihan pendatang asing. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan oleh kerana telah menggubal satu dasar untuk memutihkan pendatang asing. Sebenarnya perkara ini sudah kita minta dari dahulu, semasa kerajaan PBS dan kali ini berjalan sekali lagi. Namun, saya ingin ingatkan di sini bahawa proses pemutihan ini tidak semestinya dapat menghasilkan hasil yang kita inginkan.

Baru-baru ini Ketua Setiausaha Negara telah datang ke Kota Kinabalu dan beliau mengatakan, “Saya tidak berpuas hati dengan tahap proses pemutihan ini oleh kerana tidak banyak majikan yang datang untuk memproses pekerja-pekerja mereka dan juga tidak banyak pendatang yang datang untuk mendapatkan dokumen supaya memutihkan kehadiran mereka”. Apa yang saya ingin ingatkan di sini adalah kemungkinan ramai di antara pendatang asing ini yang kini mempunyai kad pengenalan palsu memikirkan bahawa mereka ini sudah menjadi rakyat Malaysia dan tidak lagi memerlukan dokumen seperti kad pengenalan ataupun pasport dan juga work pass. Mereka telah datang lebih kurang 20-30 tahun yang lalu. Sudah beranak-pinak, ada yang sudah membeli tanah, mempunyai dokumen!

Seperti seorang murid - seorang anak pendatang asing yang telah belajar dari Darjah Satu sampai Tingkatan Enam dan lulus dengan cemerlang. Dia tidak tahu bahawa dia ini pendatang. Dia telah mendaftar dengan pasukan tentera kemudian didapati bahawa dokumen dia adalah dokumen palsu dan lantas tindakan telah diambil terhadap dia. Ramai di Sabah kemungkinan sudah menganggap diri mereka orang Sabah dan tidak mahu balik lagi. Berbanding Sabah dengan Filipina Selatan, siapa mahu balik ke Filipina Selatan, berbanding dengan beberapa tempat di Indonesia, siapa mahu balik? Jadi, pemutihan ini sebenarnya kebanyakan yang datang adalah untuk orang-orang yang menjadi pembantu rumah yang baru datang seminggu dua. Tetapi bagaimana dengan mereka yang datang sudah begitu lama dan menganggap bahawa mereka sudah menjadi

orang Malaysia walaupun dokumen yang mereka pegang itu tidak semestinya sah dan kalau pun sah diperolehi melalui pemalsuan dokumen, sebab ini berleluasa.

Jadi, oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Dalam Negeri dapat melihat masalah ini bukan sahaja dari segi mereka yang baru datang bekerja tetapi mereka yang sudah lama berada di negeri Sabah oleh kerana masalah negeri Sabah ini sangat tenat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar tentang bahasa Indonesia sudah mencemar bahasa Malaysia. Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar orang Sabah cakap, dia cakap macam orang Indonesia. Dia bilang, kalau kita kata 'saya boleh', dia bilang 'saya bisa'. Kalau 'gampang' itu gampang sahaja. Malah, pelakon-pelakon filem Indonesia dan Filipina menjadi hero oleh kerana pengaruh.

Seramai 500,000 pendatang asing di Sabah dalam population 1.4 million lebih kurang setengah. Malah kalau ke Sabah, di Tawau, Kota Kinabalu saya fikir, ini Sabahkah atau apa, berubah corak, bahasa berubah, filem-filem di tayangan gambar, wayang Filipina, wayang Indonesia, wayang Malaysia, perasaan sudah mulai berubah, bukan lagi 'look across the sea'. Look dock 17 million di utara, 200 million down south.

Suku-suku yang lain macam mana, tunggu saja, diam saja. Takut, sebab mereka sudah mulai masuk politik, ada yang mahu jadi Pengerusi, Ketua Bahagian, mahu jadi Yang Berhormat dan ada yang mahu jadi askar, mahu jadi guru, agresif. Suku-suku terutama suku-suku di Borneo macam Kadazan, Dusun yang baru ada 50,000 diam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencemaran bahasa ini juga, bagi saya kalau kita biarkan gejala pendatang-pendatang ini memang saya fikir Sabah akan membentuk satu budaya yang agak berlainan, oleh kerana pengaruh ini jadi kita harus prihatin. Saya ingin menambah sedikit mengenai bahasa, Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Henrynus Amin:** Ya. Mengenai bahasa ini. Saya sangat berminat kepada Bahasa Malaysia malah sastera Melayu merupakan satu subjek yang paling saya minat di bangku sekolah dulu. Tetapi dalam penggunaan bahasa-bahasa yang saya lihat di televisyen kadang-kadang saya rasa sedih, banyak istilah yang saya tidak faham. Misalnya dalam televisyen Malaysia pun kalau yang “saya” itu sudah menjadi “I” dan kalau “anda” ataupun “kamu” sudah menjadi “you”. “I” dan “you”. Banyak lagi istilah bahasa Inggeris yang telah dicampuradukkan dalam bahasa, jadi saya juga menyokong saranan beberapa Ahli-ahli Parlimen di sini supaya kita mendaulatkan bahasa Malaysia ini sebagai satu bahasa bukan sahaja canggih untuk menghadapi dunia yang lebih moden tetapi supaya jangan kita mencampuradukkan sehingga kita sendiri tidak dapat menghormati bahasa itu.

Saya bersyukur oleh kerana Dewan yang mulia ini memang kebanyakan semua pun pandai berbahasa Malaysia. Kami dari Sabah pun berusaha tetapi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang juga di Dewan ini kita pernah mendengar bahawa kata-kata yang campur aduk itu selalu ada di sini. Jadi, kita mintalah supaya sama-sama kita mendaulatkan bahasa ini, mudah-mudahan bahasa Malaysia itu saya percaya dan saya

yakin bahasa Malaysia boleh dijadikan satu bahasa yang utama di dunia ini. Itu harapan kita semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bayan Baru.

**7.15 mlm.**

**Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang diberikan kepada saya membahaskan usul ucapan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan pada 24hb. Mac, 1997. Izinkan saya menyentuh terhadap beberapa isu masyarakat yang kita hadapi sekarang. Masalah profesion guru.

Profesion guru semakin tidak diminati oleh remaja kita hari ini. Mengapakah keadaan ini boleh berlaku? Pelbagai faktor telah menyebabkan profesion guru kehilangan daya tarikannya. Gaji merupakan faktor utama yang menyebabkan profesion guru begitu tidak popular. Kebanyakan guru bukan siswazah yang sedang berkhidmat ini bermula dengan gaji lebih kurang RM600 sebulan. Gaji yang begitu rendah memaksa kebanyakan guru melakukan kerja sambilan untuk menyara hidup keluarganya. Janganlah kita kaget mendapati pemandu teksi yang kita naiki pada waktu malam itu sebenarnya adalah seorang guru pada siang hari. Memberi tuisyen atau menjaja di pasar malam juga merupakan kerja sambilan sebilangan besar guru. Kita tidak patut menyalahkan guru yang menjalankan kerja sambilan itu kerana gajinya yang begitu rendah sukar untuk ia hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Kementerian Pendidikan memang menyedari keadaan yang menyedihkan ini dan mengambil langkah untuk memperkenalkan kursus latihan perguruan diploma untuk guru pelatih mulai Julai 1996. Guru-guru diploma yang terlatih ini akan menerima gaji permulaan RM900, tetapi guru-guru bukan siswazah yang sedang berkhidmat tetap menerima gaji lama mereka yang bermula dari RM582 sebulan. Setahu kita Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk meningkatkan guru-guru bukan siswazah ini ke taraf diploma.

Keadaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati yang meluas di kalangan guru bukan siswazah. Guru-guru ini berebut-rebut untuk bersara secara pilihan setelah meningkat umur 40 tahun atau 50 tahun. Untuk mengatasi kekurangan guru, kerajaan terpaksa menolak permohonan guru untuk bersara secara pilihan. Guru-guru telah menuntut gaji yang lebih tinggi, syarat perkhidmatan yang lebih baik, pencen tanpa had dan kemudahan-kemudahan lain. Sebelum sempat tuntutan-tuntutan ini dipertimbangkan oleh kerajaan, kementerian Pendidikan pun memperkenalkan sekolah satu sesi dengan lanjutan masa yang projek perintisnya akan dilaksanakan mulai 9hb. Jun tahun ini. Guru-guru memang berasa kecewa kerana tuntutan untuk syarat perkhidmatan yang lebih baik telah dijawab dengan beban yang lebih berat dengan pelaksanaan sekolah satu sesi lanjutan masa.

Tuan Yang di-Pertua, kini tiba masanya untuk kerajaan mengambil langkah yang positif untuk membaiki nasib guru. Kita perlu menerima hakikat bahawa pelaburan dalam pendidikan bukan semata-mata membina bangunan sekolah indah yang

bertingkat-tingkat tinggi, malahan adalah memberikan ganjaran yang cukup lumayan kepada guru untuk menarik bakat yang paling baik untuk menceburi pendidikan untuk mendidik generasi muda kita. Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang di pengurusikan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan, iaitu Tan Sri Abdul Rahman Arshad untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh profesion perguruan dan mengemukakan cadangan untuk mempertingkatkan martabat guru serta menyelesaikan masalah yang dihadapi guru itu. Setahu kita 82 cadangan telah dikemukakan oleh jawatankuasa itu, tetapi setakat ini Kementerian Pendidikan masih belum mengumumkan laporan jawatankuasa itu apatah lagi melaksanakannya. Masalah-masalah guru perlu diselesaikan segera supaya pembangunan negara tidak terjejas kerana kecacatan dalam sistem pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan pendapat saya mengenai masalah sosial di kalangan remaja masa kini. Tiada masyarakat yang maju sunyi daripada sebarang gejala sosial. Oleh itu tidak hairanlah Malaysia yang maju sedang berada di ambang negara maju turut terbabit dengan masalah sosio-ekonomi sejagat seperti penagihan dadah, pelacuran, budaya punk dan sebagainya yang melanda negara maju di Barat.

Hal demikian kerana rakyat kita terdedah kepada pelbagai pengaruh baru terutamanya dengan pendedahan pelbagai saluran maklumat akibat kemajuan teknologi. Kita terpaksa mengakui bahawa kita tidak mampu menolak pengaruh negatif yang

dibawa oleh arus pembangunan. Walau bagaimanapun, kita perlu melakukan sesuatu untuk mengurangkan kesan pengaruh buruk ini.

Baru-baru ini rakyat Malaysia seolah-olah terkejut daripada igauan setelah gejala sosial di kalangan remaja dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Berikutan itu, masyarakat kita cepat sangat menunjukkan jari kepada pihak guru ataupun ibu bapa yang kononnya menyebabkan wujudnya gejala sosial di kalangan remaja kita. Salah-menyalahkan antara pihak-pihak tertentu tidak akan membantu kita menyelesaikan masalah ini. Apa yang diperlukan kini adalah kerjasama dan tindakan yang bersepadu daripada ibu bapa, sekolah dan masyarakat umum untuk menangani masalah sosial yang semakin serius di kalangan remaja kita. Kita perlu menerima hakikat bahawa tanggungjawab mendidik anak-anak adalah pada bahu ibu bapa. Kita hendaklah juga mengakui bahawa kelonggaran institusi keluarga telah membawa keruntuhan moral remaja. Ibu bapa meskipun betapa sibuknya perlulah mengambil berat terhadap pelajaran dan tindak-tanduk anaknya. Kesibukan tidak harus menjadi alasan untuk tidak berbuat demikian. Ibu bapa hendaklah meluangkan masa untuk bersama dengan anak-anak untuk memahami mereka dan memandu mereka ke arah yang betul dalam zaman keremajaan mereka.

Sebagai ibu bapa, kita bukan semata-mata memenuhi keperluan fizikal, melindungi mereka daripada segala risiko, malahan juga memuaskan mereka dengan keperluan kerohanian melalui kasih sayang, agama dan nilai-nilai murni. Ibu bapa

hendaklah menegakkan contoh teladan yang baik untuk anak-anak. Jika tidak segala tunjuk ajar ibu bapa tidak berbeza daripada ‘ketam menyuruh anaknya berjalan betul.’

Tuan Yang di-Pertua, pihak sekolah telah disalahkan kerana gejala sosial begitu menular di kalangan remaja yang masih bersekolah. Oleh itu, guru telah dikecam kerana cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk mendidik remaja yang di bawah jagaannya. Kita tidak berlaku adil terhadap kaum guru dengan tuduhan ini. Sistem pendidikan kita memerlukan anjakan paradigma, ‘a new paradigmship’. Dalam zaman teknologi informasi ini, guru tidak lagi memainkan peranan sebagai penyampai ilmu pengetahuan, kerana adalah mustahil untuk guru menguasai ilmu pengetahuan yang begitu banyak dan sering bertambah dan berubah. Sebaliknya, guru perlu memainkan peranan sebagai ‘facilitator’, dengan izin, untuk pelajar mencari ilmu di samping membentuk sahsiah dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar.

Dengan anjakan penekanan demikian, guru dapat membantu mencegah keruntuhan akhlak, dan seterusnya mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja. Kerajaan merancang memperkenalkan Khidmat Sosial Negara sebagai langkah untuk menangani masalah sosial remaja. Langkah ini memang dapat mendisiplinkan pelajar dan mencegah mereka daripada terperangkap dalam gejala sosial. Namun, pertimbangan khas harus diberikan kepada pelaksanaannya. Jika Khidmat Sosial Negara dilaksanakan selepas peperiksaan SPM, masalah kekurangan tenaga manusia untuk sektor industri mungkin akan bertambah teruk. Jika Khidmat Sosial Negara ini digantikan dengan kem latihan yang bercorak ‘outward bound’ itu, kesannya akan lebih mendalam. Untuk

mengelakkan daripada menjejaskan bekalan tenaga manusia untuk sektor industri, eloklah kem latihan sedemikian diadakan semasa cuti semesta.

Masalah moral di kalangan remaja semakin serius dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Langkah positif kerajaan seperti mengawal operasi pusat hiburan perlu disertai dengan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak mereka untuk membendung gejala sosial di kalangan remaja. Guru di sekolah hendaklah menanam sikap yang betul di kalangan remaja. Dengan kerjasama yang rapat dan tindakan yang bersepadu daripada semua pihak, kita yakin masalah sosial di kalangan remaja dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan kualiti hidup. Rancangan Malaysia Ketujuh menjangka purata pendapatan per kapita akan meningkat RM14,788 menjelang tahun 2000. Namun, pembangunan ekonomi yang disertai dengan peningkatan pendapatan per kapita yang tinggi tidak semestinya menjamin kualiti hidup rakyat. Peningkatan pendapatan per kapita hanya dapat melengkapkan rakyat dengan keperluan hidup sahaja. Negara maju mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi tetapi rakyatnya tersisih daripada budaya dan suasana yang sihat.

Kini Malaysia mulalah memperlihatkan gejala ini. Di samping jenayah yang kian meningkat, Malaysia juga sedang mengalami masalah sosio-ekonomi sejagat lain, seperti penagihan dadah, pelacuran dan sebagainya. Seperti negara maju, Malaysia juga menghadapi masalah kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara. Semua masalah ini menjejaskan kualiti hidup yang kita harap-harapkan. Kita terpaksa mengakui bahawa

kita terlalu menekankan pembangunan ekonomi sehingga pembangunan manusia yang positif telah diabaikan. Proses pembangunan telah menukar corak hidup rakyat dan mendedahkan rakyat kepada pengaruh negatif.

Untuk mempertingkatkan kualiti hidup, penekanan hendaklah diberikan kepada pendidikan dan kesihatan yang merupakan komponen kualiti hidup yang penting.

Masalah jenayah dan masalah sosial perlu diberi perhatian yang serius dalam sistem pendidikan kita. Sistem pendidikan kita perlu dirombak untuk memberi penekanan dalam membina sahsiah dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan pelajar. Tujuannya adalah untuk membina ketahanan dalaman untuk menolak segala godaan negatif dalam hidup. Kesihatan juga merupakan prasyarat untuk kualiti hidup. Kualiti hidup tidak bermakna sama sekali jika seseorang ini tidak sihat.

Kerajaan perlu menjaga kesihatan rakyat. Maklumat tentang cara-cara menjaga kesihatan hendaklah disebarluaskan seluas-luasnya untuk manfaat rakyat. Kempen anti merokok, anti dadah dan pencegahan AIDS hendaklah diadakan dari masa ke semasa untuk menyedarkan rakyat tentang risiko merokok, menagih dadah dan penyakit AIDS serta cara-cara untuk mengelakkan risiko ini.

Untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik, masalah kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara hendaklah diatasi. Sistem pengangkutan yang lebih baik untuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan bandaraya lain perlu dirancang untuk mengurangkan kesesakan dan pencemaran udara. Dalam keghairahan untuk membangunkan negara kita perlu memberikan perhatian kepada pembinaan kemudahan awam seperti taman riadah

atau rekreasi untuk rakyat kita melegakan diri untuk membolehkan mereka benar-benar menikmati kualiti hidup yang lebih baik atau selesa. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sipitang.

**7.30 mlm.**

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakyat dari kawasan saya Sipitang ingin merakamkan Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kawasan Sipitang baru-baru ini digemparkan dan begitu popular oleh kerana terjadinya kemalangan dua buah helikopter Nuri sekaligus dan saya dan rakyat Sipitang ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga semua ahli-ahli yang terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya bersama-sama gembira kerana negara kita aman damai dan telah pun meningkat maju. Keupayaan Barisan Nasional memang terserlah. Walau bagaimanapun, masih ada rakyat kita yang berfikiran sempit dan tidak nampak kemajuan ini. Mereka tidak mahu mengakui akan kemajuan kita sendiri walaupun negara lain mengiktiraf dan mengkagumi kemajuan negara kita.

Pada 31hb. Mac, hari Isnin baru-baru ini, wakil dari Bandau telah mengatakan bahawa Barisan Nasional tidak ada duit, seolah-olah beliau yang memegang akaun Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional memang ada duit kerana semasa Barisan Nasional memerintah, pendapatan negeri ataupun hasil-hasil negara kita masuk

ke akaun kerajaan dan bukan masuk akaun parti ataupun orang-orang tertentu seperti dalam Kerajaan PBS yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, memang semasa Kerajaan Barisan Nasional, banyak pembangunan yang kita lihat. Untuk menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandau, di Sabah sekarang ini memang banyak pembangunan. Semasa PBS apakah pembangunan yang telah dibuat? Sekarang ini kita ada Hotel Prominade, ada Hotel Renaissance, Hotel Karamuning, Kurnia Perdana, Sutra Harbour dan lain-lain lagi projek pembangunan yang besar-besar sedang berlaku di Sabah.

Kerajaan memang mampu untuk membayar bonus dan akan membayar pada bulan Mei ini difahamkan. Semasa PBS berapa kali kakitangan kerajaan dibayar bonus? Saya ingat tidak pernah! Beberapa kontraktor lambat dibayar kerana beberapa masalah teknikal, tetapi semasa PBS ada kontraktor yang telah diluluskan kontrak mereka tetapi tidak dapat membuat kerja kerana tidak ada wang daripada kerajaan negeri dan tidak kurang pula yang tidak dibayar walaupun kerja-kerja telah dibuat.

Teguran ketua eksekutif negeri adalah positif kerana teguran itu adalah dalam perjumpaan umum untuk menegur pegawai-pegawai kerajaan yang lembab dan tidak bertugas dengan baik. Saya rasa ini wajar, supaya rakyat tahu bahawa ketua eksekutif mengambil berat tentang kepentingan rakyat dan supaya perkhidmatan kerajaan mencapai standard MS ISO 9000 seperti yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah sosial pada hari ini yang begitu rancak diperkatakan dan telah pun menjadi-jadi. Masalah ini perlu ditangani

dengan teliti dan dilihat daripada sudut mikro dan perlu tindakan yang wajar. Pelbagai jenis masalah seperti masalah dadah, kejatuhan moral anak-anak remaja, seks bebas, bohsia, bohjan, lari dari rumah, mengambil dadah esctasy dan juga bermacam-macam lagi aktiviti.

Siapa yang patut dipersalahkan dalam hal ini? Golongan pelajar - apakah mereka salah dididik atau tidak ada pendidikan. Guru - apakah mereka ini tidak bertugas dengan baik ataupun tidak mempunyai sukatan pelajaran yang mencukupi? Ibu bapa - tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak yang mereka jaga? Ataupun masalah ini oleh kerana kemajuan negara kerana ekonomi yang baik, rakyat Malaysia mempunyai wang dan boleh berbelanja untuk berhibur sesuka hati. Ataupun adanya teknologi canggih seperti teknologi maklumat seperti Internet yang boleh memberi pelbagai jenis maklumat yang boleh kita gunakan, ataupun peralatan elektronik yang maju, yang lain, yang boleh memberi pelbagai informasi.

Ataupun oleh kerana infrastruktur negara yang baik, oleh kerana misalnya jalan yang boleh datang cepat daripada kampung ke kota-kota. Ataupun oleh kerana adanya hotel-hotel yang canggih, yang besar-besar yang boleh mengadakan coffee house dengan makanan yang lazat-lazat yang boleh didatangi oleh pengunjung-pengunjungnya.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini memang ada peranannya, ada betulnya dan juga ada yang tidak betulnya. Pelbagai tindakan telah pun dibuat, kajian telah pun dibuat untuk menentukan apakah sebab masalah-masalah sosial ini timbul? Kajian demi

kajian dibuat dan telah diketahui puncanya seperti yang dibuat oleh ketua pengarah dalam laporan akhbar pada hari ini yang mana masalah remaja telah diperkatakan.

Masalah dadah telah ada akta untuk menghukum pengedar-pengedar dadah dan telah ada pusat pemulihan pelbagai jenis pemulihan. Namun kesannya tidak juga dapat melawan arus masalah remaja ini atau masalah sosial ini.

Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11hb. Mac, 1997 bahawa masalah ini jangan cuma satu pihak dipersalahkan. Kita menyalahkan guru, kita menyalahkan murid ataupun menyalahkan kerajaan. Beliau mengatakan semua kumpulan ini perlu dipersalahkan.

Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa satu kajian lebih mendalam perlu dibuat agar tindakan yang lebih berkesan dapat ditemui. Tindakan yang ada sekarang, ternyata kurang tepat, ada yang mencadangkan oleh kerana masalah ini akibat daripada pusat hiburan, menutup pusat hiburan lebih awal boleh menyelesaikan masalah. Menutup pusat hiburan pada pukul 12.00 tengah malam boleh menyelesaikan masalah. Ada yang menutupnya pada pukul 1.00 pagi dan ada juga yang masih membuka di kelab-kelab tertentu boleh dilanjutkan sehingga pukul 4.00 pagi.

Ada juga hotel yang membuka coffee house yang boleh bercerita, boleh bercakap sehingga 24 jam, sehingga pagi. Kalau hendak buat masalah ataupun perbuatan tidak bermoral walaupun di siang hari boleh buat, tidak payah tunggu malam!

Cadangan daripada Parit tadi sungguh menarik iaitu GRO kita ambil daripada kaum lelaki. Dia kata: "Kalau kaum perempuan jadi GRO, ramailah wanita kita akan

rosak kerana pelanggan-pelanggannya adalah kaum lelaki.” Tetapi mungkin beliau lupa, bahawa kalau GRO orang Bangla yang handsome, ramai wanita kita yang mungkin datang mencari hiburan di karaoke lounge. *[Ketawa]* Dan ini lagi rosak wanita-wanita kita kerana GRO mereka tahu di situ senang dapat tempat berhibur kerana ada GRO yang handsome dari Bangla.

Tuan Yang di-Pertua, proses pemulihan akhlak ataupun moral ini adalah satu proses tamadun. Ia mengambil masa yang lama, bukan cuma kita perbetulkan hari ini terus selesai ataupun habis masalah. Masa sepuluh tahun atau dua puluh tahun tidaklah begitu lama, kalau kita ingat tahun 1977, 20 tahun lalu, rasanya baru semalam. Tahun 1987, 10 tahun lalu pun rasanya baru sekejap. Anak-anak yang berumur 6 hingga 7 tahun, Darjah I pada tahun 1987, sekarang ini berumur di antara 16 hingga 17 tahun. Apakah didikan ibu bapa yang diberikan pada tahun 1987 itu mencukupi, apakah yang mereka tiupkan kepada pemikiran anak-anak pada tahun 1987 iaitu anak-anak yang pada masa ini berusia 16 hingga 17 tahun. Masa itu darjah satu. Apakah didikan yang sekolah berikan kepada anak-anak pada tahun 1987 iaitu 10 tahun yang lalu, yang masa ini, anak-anak ini sudah berumur 16 hingga 17 tahun? Apakah mereka menerima didikan agama yang secukupnya pada tahun 1987 sehingga mereka mempunyai masalah sosial pada hari ini?

Bagi ibu bapa pula kepada anak-anak yang berumur sekitar 16 hingga 17 tahun pada hari ini, tentunya ibu bapa mereka si ibu mungkin berusia kalau dia kahwin umur 20 tahun masa sekarang dia berumur 37 tahun, bagi bapa pula kalau dia berumur 30 tahun kahwin, sekarang ini berumur 47 tahun. Apakah didikan yang mereka terima semasa mereka berumur 26 hingga 36 tahun, iaitu sekitar anak-anak mereka berumur 6 hingga 7 tahun? Apakah mereka ini memberikan perhatian terhadap didikan anak-anak

mereka masa mereka berumur 6 hingga 7 tahun? Kesimpulannya ia adalah satu masalah yang kompleks dan perlu satu penelitian, membentuk satu masyarakat yang baik dan memberi perubahan sikap perlu jangka masa yang lama.

Bagi masalah sosial yang ada, kalau kita ingin merawat sekarang memang agak sudah terlambat, tetapi belum terlambat untuk membendung dan untuk mencegah daripada berlaku kepada masyarakat atau anak-anak yang berumur sekitar 6 hingga 7 tahun sekarang ini dan berumur 17 tahun - 10 tahun akan datang. Oleh kerana kita berpendapat masalah ini adalah masalah yang semakin serius dan perlu kita bendung yang ada sekarang dan perlu kita cegah daripada ianya berterusan.

Memang dalam dunia ini kalau dilihat kajian-kajian berbagai-bagai bangsa mempunyai kelebihan dan kekurangan. Di Malaysia sahaja kalau kita lihat masalah-masalah kejatuhan moral ini tinggi di kalangan anak-anak orang Melayu, kurang di kalangan anak-anak orang Cina dan sedikit di kalangan orang-orang India. Ini mungkin kerana bilangan mereka juga sedikit, tetapi kalau kita kaji peratusan, memang masalah ini ramai di kalangan orang Melayu dan sedikit di kalangan orang-orang Cina dan India. Mungkin ini adalah satu peranan yang perlu dilihat kalau pakar-pakar sosiologi, antropologi perlu mengkaji secara mendalam apakah sebabnya masalah ini kurang di kalangan orang-orang Cina. Apakah sebabnya lebih kepada anak orang-orang Melayu ataupun orang-orang Islam? Tentunya dalam membentuk budaya yang baik, saya rasa perlu dikaji dan saya ingin mencadangkan kalau budaya-budaya yang baik di sesuatu bangsa itu kita kumpulkan menjadi satu bangsa Malaysia, sikap orang-orang Melayu

berbudi bahasa, peramah, sopan-santun. Ini adalah satu tabiat yang baik, menghormati orang tua pada masa yang lalu dan ini perlu kita kekalkan. Bagaimana boleh ini diteruskan, tetapi sikap orang Melayu yang malas bekerja, yang bangun lambat itu perlu kita buang.

Sikap orang-orang Cina pula ingin berjaya, bangun awal, rajin berusaha untuk lulus peperiksaan dan ingin maju di dalam perniagaan. Ini perlu kita kekalkan. Tetapi sikap orang-orang Cina yang suka bermain judi, suka gangsterism perlu dibuang - kita tidak mahu. Bagi orang-orang India pula dia ada sikap yang baik, dia peramah, dia suka bercerita, dia suka melayan tetamu dan dia suka melayan boss. Ini perlu dikekalkan, tetapi sikap suka minum tuak, suka minum todi, ini perlu kita buang. Jadi, kalau kita kumpulkan sikap ramah-tamah orang Melayu, sikap rajin bekerja orang-orang Cina, sikap suka melayan orang-orang India, ramah-tamah orang India menjadikan satu bangsa Malaysia yang begitu baik. Ini ditanamkan sebagai satu budaya. Mungkin kalau orang Melayu mengamalkan sikap Cina, cara belajar orang Cina, cara hidup orang Cina, mungkin orang marah saya. “apalah dia kata, Ahli Parlimen dari Sipitang ingin men‘Cina’kan orang Melayu ataupun men‘India’kan orang Melayu dan bagi orang Cina pula me‘Melayu’kan orang Cina”. Tetapi sebenarnya beberapa sikap yang baik telah pun kita serapkan kepada orang Melayu dan orang Cina tanpa kita sedari.

Kalau dahulu cara makan orang-orang Melayu adalah bersila, menggunakan tikar, hidangan dan bersopan-santun, tentunya semua rumah pada masa yang lalu bersila makan. Tetapi apabila kerajaan ataupun British memerintah kita dan kita melihat majalah-

majalah cara makan menggunakan meja, menggunakan sudu garpu, hidangan cara yang baik, ini adalah cara Barat.

Tetapi cuba lihat sekarang berapa banyak rumah orang Melayu yang makan bersila tidak menggunakan meja? Kalau boleh semua orang kampung yang bersila sekarang ingin menggunakan meja makan, menggunakan sudu dan garpu. Apakah dengan memakan nasi dengan sudu dan garpu, menggunakan meja kita telah menjadi orang Putih? Tidak. Kita tetap juga menjadi orang Melayu. Kita juga menjadi orang kita. Jadi, saya rasa tidak salah kalau kita membentuk satu budaya yang baik. Perkara ini telah dinampak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lebih awal, soal ‘Pandang ke Timur’ telah pun diserapkan kepada orang Melayu supaya orang Melayu mengamalkan cara budaya kerja orang Korea, orang Jepun supaya wujud satu bangsa yang rajin bekerja, rajin berusaha, ingin maju. Saya rasa ini boleh dibuat. Apabila ini dibuat maka wujudlah satu cara hidup, satu cara budaya yang baru, yang boleh membendung masalah-masalah sosial. Cara didikan anak-anak orang Cina, bagaimana mereka mendidik supaya anak mereka ini rajin belajar, rajin bekerja dan kurang masalah sosial, perlu difahami oleh orang-orang Melayu dan diserapkan kepada budaya orang Melayu. Tidak semestinya kita menjadi orang Cina kalau kita mengamalkan cara mendidik anak-anak seperti orang Cina, jadi inilah yang perlu saya tekankan.

Saya mintalah satu kajian oleh pakar-pakar sosiologi agar perkara ini dapat diserapkan, dapat satu panduan, satu bentuk cara hidup yang baru supaya masalah sosial ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Diminta gulung.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggulung. Kalau boleh saya hendak bercakap panjang lagi.

Kerajaan pada masa ini seperti Titah Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan kita ingin menekankan soal Multimedia Super

Corridor (MSC) ini. Kita memang merasa bangga kerana negara kita adalah negara pertama yang mana mendapat sokongan kerajaan dan ingin melihat satu sistem teknologi maklumat ini dibuat secara teratur.

Walaupun dalam kehairahan kita untuk mencapai matlamat ini, saya mintalah juga pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali daripada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, di samping mendengar saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jangan lupa bahawa infrastruktur kita di peringkat luar bandar perlu juga kita selesaikan dalam masa yang sama. Contohnya jalan-jalan penghubung bandar utama misalnya di Sabah, sekarang ini ada 5 batang jalan yang masih belum selesai.

Saya mengucapkan terima kasih kerana soalan saya dapat jawapan semalam. Soalan saya iaitu jalan Beaufort-Mesapol iaitu sebahagian daripada jalan Trans Borneo ataupun Pan Borneo telah pun diluluskan dan akan diselesaikan. Tetapi bagaimana dengan jalan-jalan yang lain, iaitu misalnya Jalan Beaufort-Menumbok sekitar 70-80-90 kilometer masih belum selesai dan ini perlu diselesaikan segera kerana ini penghubung antara daerah Beaufort dengan Kuala Penyu, ini adalah trunk road atau main road, highway. Bagaimana dengan jalan daripada Pitas ke Kota Marudu ataupun Kota Marudu-Pitas. Ini perlu diselesaikan cepat. Bagaimana dengan jalan daripada Beluran ke Sandakan. Ini adalah inter-district, jalan utama sebagai punca pendapatan rakyat. Ini perlu diselesaikan segera. Bagaimana dengan Jalan Keningau-Nabawan iaitu inter-district yang masih kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke sana boleh lihat jelas inilah satu-satunya mungkin jalan di Malaysia yang masih belum selesai.

Jadi, kita minta pegawai-pegawai bukan cuma melihat MSC tetapi juga masalah infrastruktur luar bandar ini perlu diselesaikan. Bagi pendidikan sekolah-sekolah di luar bandar, di samping kita sibuk dengan MSC tetapi, masalah infrastruktur ataupun bangunan sekolah di luar bandar perlu juga diselesaikan. Ini kena lihat, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan pendidikan agama saya ingin sentuh sedikit, kita perlu selaraskan pendidikan agama ini. Kalau di Sabah ada Majlis Agama Islam Sabah yang selalunya digunakan oleh orang-orang tertentu untuk tujuan politik. Bila ada pemilihan Bahagian ataupun lain-lain tugas baru sibuk dengan MUIS ini, beri ceramah sana, ceramah sini, pegawai-pegawainya berkhotbah sana, berkhotbah sini tetapi bila tidak ada, diam-diam. Kemudian Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JAINS) daripada kerajaan negeri, kemudian ada lagi Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Sabah, BAHEIS daripada JPM, kemudian satu lagi, ada USIA. Jadi, ini sudah ada empat agensi yang berlainan yang saya rasa tidak diselaraskan oleh kerana masalah sosial, penyelarasan agama ini perlu dibuat secara teratur agar ianya dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi yang lain tetapi saya rasa saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Nerus.

**7.52 ptg.**

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya menjunjung Kasih Titah Ucapan ke atas Titan Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Masalah isu sosial barangkali walaupun telah banyak kita dengar, telah banyak disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi masalah ini tidak sunyi ataupun sepi

begitu sahaja tanpa penyelesaian. Pembangunan kebendaan dan pertumbuhan ekonomi yang begitu menggalakkan telah pula mengakibatkan berlakunya perubahan yang instrumental alam kehidupan bermasyarakat. Suasana penonjolan benda sebagai simbol kemewahan dan gelagat meremeh-remeh atau setidak-tidaknya memandang ringan tanggungjawab beragama sudah menjadi suatu kenyataan.

Kecenderungan hidup berfoya-foya, semarak pesta 'pora' dengan mengunjungi pusat pelacuran, gemerincing gelas yang tidak mahu kosong dari minuman keras, keasyikan dadah dan madat, pemuasan seksual pranikah, institusi rumah tangga yang sedang berada di hujung tanduk, rasuah dan pecah amanah, dera dan lari rumah, buang anak dan perkahwinan sejantina, curi, judi dan pembunuhan adalah antara gejala yang sedang ganas merobek, menggerogoti watak dan keperibadian masyarakat kita.

Baru-baru ini Pergerakan Pemuda UMNO yang telah mengambil langkah yang bijak dan drastik sekali kepada ahli-ahlinya yang telah mengangkat sumpah. Dengan lantangnya Ketua Pergerakan Pemuda UMNO menyeru ahli-ahlinya supaya tidak mengunjungi pusat-pusat hiburan, tidak mengunjungi tempat-tempat maksiat dan mendesak Dewan Bandaraya supaya menutup semua pusat-pusat hiburan yang tidak berlesen. Memang menjadi ala cara kita orang-orang Malaysia amnya bila ada sahaja perkara baik, bila ada sahaja satu tindakan yang baik yang dilaksanakan baik oleh NGO, baik oleh parti politik khususnya UMNO, ada sahaja satu puak lagi yang membaca ataupun yang mencatatkan perkara-perkara yang negatif.

Tidak senang dengan langkah-langkah yang kita buat, tidak senang dengan keharmonian yang kita lakukan dan tidak senang dengan usaha-usaha kita. Kita rakyat

Malaysia, kalau kita ingin mengatasi masalah isu sosial ini, kita hendaklah menghormati masyarakat umum. Masyarakat umumnya menyadari bahawa gejala sosial yang melanda para remaja kini adalah keruntuhan akhlak, sama ada ia berlaku di sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi, di kalangan belia atau masyarakat amnya. Krisis sosial dan paradoks nilai ini adalah manifestasi langsung dari luntarnya keyakinan terhadap agama sebagai pegangan dan panduan tetap bagi masyarakat. Keadaan ini dijelmakan oleh sistem hidup Barat yang telah diserap masuk ke dalam batang tubuh masyarakat kita melalui pelbagai jurusan khususnya bidang pendidikan.

Pendekatan sirkular Barat setelah mereka menolak peranan agama secara priority melalui kegiatan ilmiah tidak berdaya menawarkan satu alternatif dasar akhlak yang kuat dan sistem hidup yang kukuh. Ini disahkan antara lain, oleh Professor Herod H. Titus di dalam bukunya *Living Issues In Philosophy* yang menyatakan bahawa:

*“Pendidikan telah memisahkan dirinya dari warisan rohaniah zaman silam tetapi gagal menyediakan satu penggantian yang memuaskan, akibatnya orang-orang yang terpelajar sendiri turut kehilangan pendirian dan keyakinan atau nilai di samping tidak mempunyai satu pandangan duniawi yang menyeluruh”.*

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu yang barangkali telah muak kita dengar ataupun barangkali kita merasakan kita sudah jemu mendengar isu-isu ini tetapi mahu tidak mahu, tidak ada masalah yang tidak boleh kita selesaikan, cuma kita hendaklah mempunyai satu darjat kesabaran dan berusaha dan Insya-Allah, masalah itu akan dapat diselesaikan.

Isu-isu sosial remaja timbul dan meletup sebagaimana pertanyaan saya kepada kementerian hari semalam apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melontarkan, telah membongkarkan dan berucap berkali-kali tentang isu-isu sosial remaja. Barulah kita, orang ramai, pemimpin-pemimpin merasakan betapa seriusnya masalah ini. Setiap waktu kita, baik kementerian biasanya menunggu lontaran dari Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun kalau mengikut angka-angka daripada tahun-tahun yang lalu sememangnya ianya telah terlampau serius. Kenapa perkara ini boleh terjadi?

Barangkali kementerian yang bertanggungjawab boleh menjawab dengan lebih tepat lagi apabila kita melihat kepada angka-angka yang jelas menunjukkan bahawa peratus kenaikannya amat ketara sekali. Peratus yang tinggi yang terlibat dalam kes-kes jenayah amalan yang tidak bermoral dan penyalahgunaan dadah. Bilangan kes jenayah yang melibatkan remaja meningkat 62% iaitu 2,480 pada tahun 1980 kepada 4,012 pada tahun 1995. Pada tahun 1996 sehingga Oktober, 3,276 kes telah di laporkan. 87% bersabit dengan harta benda dan 208% bersabit dengan orang dan 204 kesalahan seksual. Dan banyak lagi statistik-statistik dan angka-angka barangkali kalau kita baca satu hari pun tak habis di sini.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat perkara ini sebagai satu perkara yang universe. Di mana silapnya barangkali susah untuk kita justifikasikan, tetapi saya lihat sejak akhir-akhir ini pagi-pagi lagi kalau kita baca surat khabar isu-isu ini, angka-angka ini dan tajuk-tajuk di dalam surat khabar itu begitu jelas, malah tajuk utama di ruang hadapan, di ruang yang paling popular diletakkan satu isu ‘suami bunuh isteri’ yang boleh di baca oleh anak-anak kita yang tidak tahu mengulas, yang tidak tahu beralasan dan tidak tahu berhujah. Kadang-kadang kita meletakkan tajuk utama ‘anak murid berumur 11 tahun memukul guru dengan pasu’. Dengan tajuk yang begitu besar, kes kerat-mengerat, kahwin sesama jantina dan sebagainya yang boleh di baca oleh anak-

anak kita yang tidak tahu apa itu negatif atau apa itu positif. Inilah masalahnya. Dan daripada hari ke hari, bila perkara ini berlaku dengan tidak sedar pertambahan itu tetap merupakan margin yang besar.

Dan inilah kita mengharapkan bila kita 'highlight', dengan izin, ataupun dengan harapan bila kita mengemukakan satu-satu cerita terlampau serius kita mengharapkan telahan masyarakat ataupun penerimaan, persepsi masyarakat bahawa mereka boleh berfikir, tetapi di sebaliknya angka-angka yang ditunjukkan tidak begitu. Dalam tempoh lima tahun sahaja, peratus jenayah kanak-kanak meningkat sehingga 200%, bilangan remaja yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa atau penjaga telah meningkat empat kali ganda antara tahun 1970 hingga 1995. 83 kes pada tahun 1990 dan 355 kes pada tahun 1995. Pada tahun 1996 sehingga Oktober, 335 kes telah dilaporkan. 61% ataupun 206 kes dari bilangan tangkapan terdiri daripada remaja Melayu. 17% ataupun 55 kes remaja Cina dan 10% ataupun 337 kes remaja India. Memanglah amat mendukacitakan kita masyarakat Melayu kalau kita lihat dari segi peratusnya, sememangnya masalah remaja ini masalah kita semua. Masalah kita masyarakat Melayu. Tetapi kita tidak sudah dengan mengolah angka-angka ini di sini sahaja, tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama. Tanggungjawab ini di dalam kerajaan kita boleh katakan tanggungjawab kementerian. Kalau kita baca di sudut belia, kita fokuskan di sudut belia barangkali tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan mengisi program-program.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu di kawasan parlimen lain, tapi di kawasan parlimen saya keadaan hari ini aktiviti mengatasi masalah sosial ini lebih hebat, lebih banyak yang dikemukakan, yang di rancang, yang diatur oleh UMNO daripada kementerian, Kementerian Belia dan Sukan khususnya. Dan rata-rata bila kita bertanya, bila kita mengemukakan masalah kita sebagai parti, sebagai pertubuhan UMNO ini yang kadang-kadang masalah utama kita, masalah kewangan, kementerian memberi jawapan bahawa mereka tidak mempunyai kakitangan. Adakah dengan kita menjimatkan kakitangan munasabah dengan rancangan Multimedia Super Corridor yang kita rancang pada hari ini?. Kalau dulunya Kementerian Belia diagih-agihkan pegawai-pegawai di peringkat Dewan Undangan Negeri hatta sampai kepada peringkat bahagian-bahagian, adanya seorang pegawai belia yang menjaga pertubuhan-pertubuhan belia yang menyelia serta membimbing pertubuhan-pertubuhan belia, tetapi pada hari ini hanya ada satu ataupun dua orang sahaja pegawai belia yang menjaga ataupun yang membimbing beratus-ratus persatuan belia yang rata-rata hidup segan mati tak mahu. Inilah masalahnya.

Kita mengharapkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan perkara ini. Struktur ataupun organisasi yang boleh kita contohi adalah seperti KEMAS di mana banyaknya pegawai-pegawai yang merupakan kumpulan pegawai sokongan yang boleh memberi ataupun yang boleh bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin belia tempatan, yang boleh memberikan satu maklum balas yang betul kepada kerajaan kepada Menteri dan kepada kabinet seterusnya. Kita juga merasakan menjadi tandatanya kepada kita

pada hari ini di manakah letaknya jawatankuasa yang dulu pernah ditubuhkan oleh Kementerian Belia iaitu Majlis Perundingan Belia Negara yang suatu waktu dahulu di tubuhkan dan pada hari ini tidak kedengaran pun Majlis ini.

Saya mengharapkan supaya Kementerian melihat perkara ini di samping saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memperbanyakkan peruntukan-peruntukan untuk program, kursus melalui Kementerian Belia kerana kalau kita lihat pada hari ini peruntukan-peruntukan wakil rakyat cukup banyak digunakan oleh pertubuhan belia dengan alasan pengerusi-pengerusi pertubuhan belia ini datang kepada Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat yang lain mengatakan bahawa Kementerian Belia tidak ada peruntukan yang secukupnya. Mahu tidak mahu untuk menjaga populariti, wakil rakyat yang ada terpaksa meluluskan. Inilah masalah yang kami hadapi.

Walau bagaimanapun, harapan kami ini adalah semata-mata untuk melihat keceriaan aktiviti-aktiviti belia seluruh negara dan kita tidak mahu persatuan-persatuan belia yang saya katakan tadi hidup segan mati tak mahu itu terus berkubur tanpa nisan.....

Barangkali kementerian yang bertanggungjawab boleh menjawab dengan lebih tepat lagi apabila kita melihat kepada angka-angka yang jelas menunjukkan bahawa peratus kenaikannya amat ketara sekali. Peratus yang tinggi yang terlibat dalam kes-kes jenayah amalan yang tidak bermoral dan penyalahgunaan dadah. Bilangan kes jenayah yang melibatkan remaja meningkat 62% iaitu 2,480 pada tahun 1980 kepada 4,012 pada

tahun 1995. Pada tahun 1996 sehingga Oktober, 3,276 kes telah di laporkan. 87% bersabit dengan harta benda dan 208% bersabit dengan orang dan 204 kesalahan seksual. Dan banyak lagi statistik-statistik dan angka-angka barangkali kalau kita baca satu hari pun tak habis di sini.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat perkara ini sebagai satu perkara yang universe. Di mana silapnya barangkali susah untuk kita justifikasikan, tetapi saya lihat sejak akhir-akhir ini pagi-pagi lagi kalau kita baca surat khabar isu-isu ini, angka-angka ini dan tajuk-tajuk di dalam surat khabar itu begitu jelas, malah tajuk utama di ruang hadapan, di ruang yang paling popular diletakkan satu isu ‘suami bunuh isteri’ yang boleh di baca oleh anak-anak kita yang tidak tahu mengulas, yang tidak tahu beralasan dan tidak tahu berhujah. Kadang-kadang kita meletakkan tajuk utama ‘anak murid berumur 11 tahun memukul guru dengan pasu’. Dengan tajuk yang begitu besar, kes kerat-mengerat, kahwin sesama jantina dan sebagainya yang boleh di baca oleh anak-anak kita yang tidak tahu apa itu negatif atau apa itu positif. Inilah masalahnya. Dan daripada hari ke hari, bila perkara ini berlaku dengan tidak sedar pertambahan itu tetap merupakan margin yang besar.

Dan inilah kita mengharapkan bila kita ‘highlight’, dengan izin, ataupun dengan harapan bila kita mengemukakan satu-satu cerita terlampau serius kita mengharapkan telahan masyarakat ataupun penerimaan, persepsi masyarakat bahawa mereka boleh berfikir, tetapi di sebaliknya angka-angka yang ditunjukkan tidak begitu. Dalam tempoh lima tahun sahaja, peratus jenayah kanak-kanak meningkat sehingga 200%, bilangan

remaja yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa atau penjaga telah meningkat empat kali ganda antara tahun 1970 hingga 1995. 83 kes pada tahun 1990 dan 355 kes pada tahun 1995. Pada tahun 1996 sehingga Oktober, 335 kes telah dilaporkan. 61% ataupun 2006 kes dari bilangan tangkapan terdiri daripada remaja Melayu. 17% ataupun 555 kes remaja Cina dan 10% ataupun 337 kes remaja India. Memanglah amat mendukacitakan kita masyarakat Melayu kalau kita lihat dari segi peratusnya, sememangnya masalah remaja ini masalah kita semua. Masalah kita masyarakat Melayu. Tetapi kita tidak sudah dengan mengolah angka-angka ini di sini sahaja, tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama. Tanggungjawab ini di dalam kerajaan kita boleh katakan tanggungjawab kementerian. Kalau kita baca di sudut belia, kita fokuskan di sudut belia barangkali tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan mengisi program-program.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu di kawasan parlimen lain, tapi di kawasan parlimen saya keadaan hari ini aktiviti mengatasi masalah sosial ini lebih hebat, lebih banyak yang dikemukakan, yang di rancang, yang diatur oleh UMNO daripada kementerian, Kementerian Belia dan Sukan khususnya. Dan rata-rata bila kita bertanya, bila kita mengemukakan masalah kita sebagai parti, sebagai pertubuhan UMNO ini yang kadang-kadang masalah utama kita, masalah kewangan, kementerian memberi jawapan bahawa mereka tidak mempunyai kakitangan. Adakah dengan kita menjimatkan kakitangan munasabah dengan rancangan Multimedia Super Corridor yang kita rancang pada hari ini?. Kalau dulunya Kementerian Belia diagih-agihkan pegawai-pegawai di

peringkat Dewan Undangan Negeri hatta sampai kepada peringkat bahagian-bahagian, adanya seorang pegawai belia yang menjaga pertubuhan-pertubuhan belia yang menyelia serta membimbing pertubuhan-pertubuhan belia, tetapi pada hari ini hanya ada satu ataupun dua orang sahaja pegawai belia yang menjaga ataupun yang membimbing beratus-ratus persatuan belia yang rata-rata hidup segan mati tak mahu. Inilah masalahnya.

Kita mengharapkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan perkara ini. Struktur ataupun organisasi yang boleh kita contohi adalah seperti KEMAS di mana banyaknya pegawai-pegawai yang merupakan kumpulan pegawai sokongan yang boleh memberi ataupun yang boleh bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin belia tempatan, yang boleh memberikan satu maklum balas yang betul kepada kerajaan kepada Menteri dan kepada kabinet seterusnya. Kita juga merasakan menjadi tandatanya kepada kita pada hari ini di manakah letaknya jawatankuasa yang dulu pernah ditubuhkan oleh Kementerian Belia iaitu Majlis Perundingan Belia Negara yang suatu waktu dahulu di tubuhkan dan pada hari ini tidak kedengaran pun Majlis ini.

Saya mengharapkan supaya Kementerian melihat perkara ini di samping saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memperbanyakkan peruntukan-peruntukan untuk program, kursus melalui Kementerian Belia kerana kalau kita lihat pada hari ini peruntukan-peruntukan wakil rakyat cukup banyak digunakan oleh pertubuhan belia dengan alasan pengerusi-pengerusi pertubuhan belia ini datang kepada Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat yang lain mengatakan bahawa Kementerian

Belia tidak ada peruntukan yang secukupnya. Mahu tidak mahu untuk menjaga populariti, wakil rakyat yang ada terpaksa meluluskan. Inilah masalah yang kami hadapi.

Walau bagaimanapun, harapan kami ini adalah semata-mata untuk melihat keceriaan aktiviti-aktiviti belia seluruh negara dan kita tidak mahu persatuan-persatuan belia yang saya katakan tadi hidup segan mati tak mahu itu terus berkubur tanpa nisan.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari rakan sahabat saya, Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Di dalam soal kita membicarakan masalah belia pada hari ini, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kementerian mengolah semula dan menilai segala performance ataupun tindakan balas yang ditunjuk oleh persatuan-persatuan belia yang kekurangan program dan juga masalah kewangan untuk melakukan apa juga program di peringkat bawahan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kementerian memperuntukkan secara terus dan menyediakan geran? Walaupun kita faham pada hari ini memang telah pun disediakan tetapi tidak mencukupi, supaya peruntukan secara geran itu disalurkan terus kepada majlis belia negeri-negeri yang diwujudkan supaya seluruh pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di bawah kawalan dan pengawasan majlis belia negeri itu benar-benar dapat dibantu dan diselaraskan peruntukannya bagi menjayakan program-program. Terima kasih.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Saya setuju cadangan Yang Berhormat dari Jelebu yang begitu aktif di dalam belia. Masalah yang kita hadapi ini barangkali telah banyak diutarakan. Kita mengharapkan supaya pandangan ini, lontaran idea ini dapat dihadzamkan oleh kementerian dengan seberapa serius yang mungkin. Kerana bukanlah saya sahaja ataupun di kawasan saya sahaja masalah ini, tetapi boleh dikatakan majoriti wakil-wakil rakyat yang menghadapi masalah peruntukan ini adalah masalah peruntukan untuk membiayai kursus-kursus. Kita memang bersetuju bahawa peruntukan yang kita ada itu sebahagiannya digunakan untuk pembangunan dan sebagainya.

Kita merasakan bahawa membiayai kursus-kursus ini dalam keadaan satu benda, dengan izin, 'intangible', tidak nampak kesannya ataupun hasilnya barangkali kita tidak nampak dalam jangka masa yang pendek. Itulah sebabnya ada setengah-setengah wakil rakyat keberatan untuk menghulurkannya. Bukan keberatannya sebenarnya, tetapi memandangkan kepada peruntukan-peruntukan pembangunan yang terpaksa diberikan untuk melihat bahawa adanya maju-mundur kawasan-kawasan mereka. Maka amat baik sekalilah kalau Kementerian Belia dan Sukan dapat menyalurkan peruntukan ini melalui majlis belia daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya bawa adalah mengikut Laporan Tahunan Bank Negara 1996 pada muka surat 119, saya dapati dengan pengwujudan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) ini, saya lihat bahawa dari segi pasaran perbankan Islam di Malaysia telah berjaya menunjukkan kesan yang besar kerana

kemudahan perbankan SPTF kini boleh diperolehi di seluruh negara. Pada akhir tahun 1996 sejumlah 49 buah institusi kewangan menyertai SPTF terdiri daripada 25 buah bank perdagangan, 21 buah syarikat kewangan dan 3 buah bank saudagar. Bank Islam Malaysia Bhd. (BIMB) kekal sebagai Bank Islam yang tunggal.

Walaupun bagaimanapun, saya dapati deposit ataupun simpanan sumber dana Bank Islam menurun, walaupun sumber perbankan Islam yang lain bertambah sebanyak 63.5% daripada sebanyak RM6.2 bilion pada akhir tahun 1995 kepada sebanyak RM10.1 bilion pada akhir tahun 1996. Terminology bank mengatakan bahawa 'deposit is the life blood of the bank,' dengan izin. Inilah satu perkara yang susah.

Daripada tidak adanya SPTF untuk kita adakan di dalam al-muamalah Islam ini, kita wujudkan SPTF. Tetapi jelas di sini apabila kita wujudkan SPTF, dana yang bertambah daripada sekian peratus kepada peratus yang lain sebenarnya adalah diambil ataupun pengaliran keluar ataupun kecenderungan kepada SPTF dan bukan daripada luar. Dalam erti kata lain, daripada saku yang sama yang pada asalnya kalaulah kita tidak pecahkan, maka ianya berkumpul kepada satu 'pool of fund', iaitu BIMB kepada pendeposit-pendeposit yang berminat mengikut konsep ataupun kehendak al-muamalah Islam. Inilah masalahnya.

Jadi, perkara ini kita perlu kaji. Saya juga menyeru kepada agensi-agensi kerajaan - setengah-setengah agensi kerajaan begitu, dengan izin, 'reluctant' untuk menyimpan di bank-bank Islam ataupun kaunter-kaunter Islam. Inilah satu masalah. Bila sahaja pegawai yang berkunjung ke pejabatnya membuat kempen, mereka senang

sahaja menjawab bahawa keuntungan yang diberikan terlampau kecil dan sebagainya. Agensi ini adalah agensi yang tidak seharusnya memberi jawapan yang sebegitu, kerana maju-mundurnya, kerana berjaya atau tidaknya masyarakat Islam dalam masyarakat yang majmuk ini adalah terletak kepada kita orang-orang Islam. Bukan orang-orang lain yang mengepalai agensi-agensi tersebut, orang-orang kita juga.

Jadi, mentality ini ataupun pemikiran ini pemikiran yang tidak mahu mendekatkan diri dengan operasi perbankan mengikut al-muamalah Islam yang sebenar. Saya rasa kita kena ubah. Kalau kita lihat kepada deposit-deposit yang besar, deposit-deposit di Bank Islam dan SPTF yang besar kita dapati banyak lagi agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, majlis daerah, kerajaan negeri yang masih merasakan tidak mahu mendekatkan diri, tidak mahu meletakkan simpanannya baik di bawah konsep al-Wadi'ah mahu pun di bawah konsep al-Mudharabah ataupun mendapat pembiayaan mengikut konsep al-Kafalah, al-Wakalah, al-Musyarakah dan sebagainya. Inilah masalahnya.

Malah ada di antara jabatan-jabatan kerajaan yang membanding-bandingkan skim ataupun konsep tanpa mengira soal konsep sebenar ataupun hukum sebenar di antara kedua-dua institusi kewangan tersebut. Dan perkara ini barangkali, pegawai-pegawai kerajaan kita yang ada di dalam Dewan ini pun barangkali terlibat sama untuk kita terus kempen, untuk kita terus menggalakkan jabatan kita ataupun mendekatkan diri dengan institusi perbankan Islam kerana pada saya tidak ada gunanya kalau kita bercakap di luar, kita telah memberi sokongan tetapi perkara yang sebenarnya, kita tidak memberi

sokongan yang mencerminkan bahawa kita menyokong konsep al-muamalah Islam ini supaya boleh hidup subur di dalam dunia ataupun di dalam multi society ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, saya ingin merujuk kepada satu soalan bertulis saya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah dijawab tetapi saya merasa kurang puas hati iaitu tentang kejayaan ataupun soalan saya tentang minta kementerian menyatakan apakah pihak kementerian sedar bahawa kebanyakan mini estet RISDA yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Mini Estet tidak dapat berjalan dengan baik dan terdapat masalah pengurusan yang amat ketara.

Tetapi dalam jawapan yang saya terima, adalah tidak benar dan diberi angka-angkanya. Saya ada agreement mini estet RISDA yang sudah lapuk, yang agak lama, yang ditandatangani oleh Pengarah RISDA negeri yang agreement ini rata-rata peserta-peserta menghadapi masalah kerana terdapat discrepancy yang amat sangat di dalam agreement ini. Bolehlah kita tengok Perkara 19 di mana sekarang ini mini-mini estet RISDA memang bermasalah dan bayaran balik pun tidak dapat dibuat, saya tidak tahulah bagaimanakah mereka akan menghadapi alam penswastan jika sekiranya selepas daripada corporatisation kita akan pergi kepada privatisation.

Saya harap agreement ini yang ditandatangani pada 20hb. November, 1988, banyak di antaranya yang ditandatangani pada tahun tersebut dapat menjadi rujukan Pegawai RISDA dan boleh diberi penerangan seterusnya.

Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bintang.

**8.24 mlm.**

**Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kebenaran untuk saya mengambil kesempatan malam ini untuk membahas Titah Ucapan DiRaja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada 24hb. Mac, 1997 semua Ahli Yang Berhormat dan semua rakyat Malaysia telah pun diingatkan bahawa pihak kerajaan memang serius tentang pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kejayaan MSC ini amatlah penting untuk negara kita mencapai Wawasan 2020 kerana pada abad ke-21 information technology atau teknologi maklumat tentulah menjadi alat-alat untuk kita berjaya dan berkembang.

Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan bervisi positif. Beliau bekerja kuat untuk merealisasikan konsep MSC dan sebenarnya saya mencadangkan bahawa beliau patutlah dikurniakan 'Bapa MSC Malaysia'.

Selain daripada MSC, saya ingin menyentuh lima isu yang biasa tetapi penting untuk kawasan saya iaitu kawasan Bukit Bintang.

Isu yang pertama, masalah penjaja. Berkenaan dengan isu ini, kita perlulah balik kepada sejarah. Kita mestilah tahu macam mana di Wilayah Persekutuan terwujudnya lebih kurang 35,000 penjaja yang sedang berniaga dan berkhidmat kepada rakyat Kuala Lumpur dengan membekalkan pelbagai makanan tradisi yang murah dan sedap.

Pada tahun 60-an semasa keruntuhan ekonomi negara kita, kerajaan telah menggalakkan penduduk-penduduk desa bertolak ke bandar khususnya ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja supaya mengurangkan masalah pengangguran. Lesen penjaja pun telah dikeluarkan untuk penjaja-penjaja sama ada di kawasan kerajaan atau kawasan swasta.

Penduduk-penduduk yang berhijrah dari negeri-negeri lain telah pun membawa datang pelbagai jenis makanan tempatan yang kini menjadi keistimewaan negara kita dan telah pun menggerakkan pelancongan kita.

Kuala Lumpur pula dinamakan sebagai destinasi makanan pelbagai jenis oleh para pelancong asing. Oleh itu, sumbangan penjaja dalam kemajuan ekonomi negara kita tidak dapat kita nafikan. Kini negara kita bergerak maju ke zaman teknologi. Kesihatan dan kebersihan penjaja sering dipersoalkan.

Selaku Ahli Parlimen Barisan Nasional di Bukit Bintang dan bertanggungjawab kepada pengundi-pengundi saya, saya memang mengalu-alukan dasar kemajuan negara dan harap kita akan mewujudkan kawasan penjaja yang terbersih, terindah dan terbaik untuk mempertingkatkan imej penjaja dan menggalakkan industri pelancongan di Wilayah Persekutuan dan tempat lain.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih tanah kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk mendirikan pusat-pusat penjaja bagi menempatkan penjaja dan peniaga kecil di tepi jalan yang berlesen dan menjadikan pusat-pusat penjaja tersebut suatu ciri keistimewaan ibu kota kita.

Pusat-pusat penjaja haruslah dimodenkan dan diswastakan untuk pengurusan yang lebih berkesan. Cara ini adalah baik dan perlulah digalakkan dan mengikut konsep Malaysian Incorporated.

Masalah yang kedua, iaitu laluan bas. Mengikut perangkaan bilangan kenderaan berdaftar di Wilayah Persekutuan pada tahun 1986 hanya 350,000 unit sahaja dan selepas 10 tahun iaitu pada tahun 1996 bilangan tersebut meningkat ke 1.68 juta unit. Tambahan bilangan kenderaan yang pesat ini memang menimbulkan masalah kesesakan jalan dan Kerajaan Pusat pun telah merancang membina lebih banyak kemudahan melalui cadangan-cadangan EPU untuk mengatasi masalah tersebut sebelum tahun 2000.

Saya ingin menjelaskan bahawa saya tidak berniat menentang dasar kerajaan. Sebenarnya DBKL yang telah tergesa-gesa melaksanakan laluan bas di bawah perintah ini memang mendatangkan banyak masalah dan memarahkan orang ramai.

Walaupun keberkesanan pelaksanaan laluan bas belum lagi dapat kita taksirkan tetapi memang ada separuh tempat yang tidak sesuai untuk laluan bas. Ianya telah menjejaskan perniagaan, contohnya di Jalan Raja Laut di mana kereta hanya boleh melalui pada waktu malam dan pada hari siang, para peniaga tidak boleh membuat 'loading and unloading' kerana mereka adalah peniaga. Ini akan menjejaskan perniagaan mereka dan akibatnya perniagaan mereka pun terus runtuh sehingga 60%.

Mengikut perangkaan luar negeri, laluan bas hanya sesuai diamalkan di jalan yang banyak bas lalu untuk mendapatkan penggunaan yang sepenuhnya tanpa pembaziran. Tempat seperti Jalan Syed Putra dan Jalan Duta adalah tidak sesuai untuk mengadakan

lalu lintas kerana ia akan menjejaskan lalu lintas dengan serius dan mengakibatkan kesesakan yang lebih hebat.

Sebenarnya sistem laluan bas hanya boleh dilaksanakan di jalan-jalan yang luas dan tidak menghalang kenderaan lain. Oleh sebab ini, saya ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ditubuhkan untuk mengkaji lebih mendalam terhadap isu ini dan mencari cara-cara untuk memperbaiki sistem tersebut.

Masalah yang ketiga, subsidi tambang pengangkutan awam iaitu LRT. Perancangan dan pelaksanaan projek seperti LRT, PRT, ERL dan lain-lain adalah bijak untuk menggalakkan orang awam mengambil pengangkutan awam dan justeru itu mengurangkan kesesakan jalan di Bandaraya.

Untuk makluman, sistem pengangkutan awam seperti ini di seluruh dunia adalah merupakan projek tanpa keuntungan semata-mata untuk kebajikan dan kebaikan orang awam sahaja. Pada masa kini kemudahan LRT tidak mencapai penggunaan sepenuhnya dan menjadikannya satu pembaziran tenaga kerana hanya lebih kurang 50% kapasitinya dicapai. Mengapakah sistem ini tidak popular? Bukanlah kerana perkhidmatannya kurang baik, tetapi disebabkan kadar bayaran atau tambangnya terlalu mahal. Pelaburan yang melebihi RM2.3 bilion menunjukkan bahawa sistem ini perlu disubsidikan oleh pihak kerajaan.

Di United Kingdom, di Hong Kong, di Korea dan Singapura kadar sistem LRT atau MRT telah direndahkan untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya.

Kita sedar bahawa kesesakan kenderaan di Bandaraya akan merugikan wang, tenaga dan masa yang begitu tinggi.

Untuk mengurangkan kenderaan memasuki Bandaraya, saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji kemungkinan mensubsidikan tambang LRT supaya kemudahan ini dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah atau sederhana.

Saya berharap cadangan saya dapat dipertimbangkan kerana ini adalah maklum balas (feed back) daripada pengundi-pengundi saya di pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

Masalah yang keempat di Kuala Lumpur ialah masalah banjir. Tuan Yang di-Pertua, ibu kota kita tidak mampu lagi mengalami banjir. Nama 'lumpur' di 'kuala' patutlah dibersihkan.....

**Seorang Ahli:** Kuala Lumpur ada.

**Dr. Lee Chong Meng:** 'Lumpur' banyak di Kuala Lumpur.

**Seorang Ahli:** Sebab ada lumpur.

**Dr. Lee Chong Meng:** Sepertimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita apabila bencana (disaster) berlaku di negara kita, kita jangan sebut mencari siapa yang bertanggungjawab. Kita haruslah mencari penyelesaian (solution) dalam masa jangka panjang.

Untuk makluman, longkang-longkang di Bandaraya Kuala Lumpur yang dibina dalam tahun enam puluhan masih kekal, tidak berubah luas dan bilangan hujan juga tidak bertambah. Akan tetapi pokok-pokok telah ditebang untuk memberi jalan bagi

pembangunan, justeru itu air hujan mengalir ke pusat bandar dan menyebabkan banjir sehingga 5 kaki. Di Kuala Lumpur, City Bank, Malayan Banking di Jalan Klang dan Concord Hotel dan sebagainya telah mengalami banjir dan menjadi suatu bahan cemuhan dan memalukan bandaraya kita. Adakah ini benar-benar bencana semula jadi atau kesilapan kita? Ramai penduduk di Kuala Lumpur masih belum mendapat jawapan yang betul dan adil dari pihak yang berkuasa. Kalau masalah bencana semula jadi dan jika ditakdirkan Tuhan biarlah kita duduk 'kesal' sahaja, tetapi sekiranya ia berpunca dari kesilapan kita, adalah tanggungjawab pihak yang berkuasa untuk mengambil berat dan disusuli tindakan yang wajar. We cannot afford to wait further. Oleh sebab ini saya ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar Bandaraya diadakan untuk mengkaji dan mencari pendekatan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah ini. Sekali gus kita menyelesaikan masalah tersebut sebelum SUKOM '98 sampai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kelima iaitu isu yang amat penting dan telah lama dibincangkan oleh semua masyarakat di Malaysia iaitu masalah sosial, berkaitan dengan pusat hiburan di Wilayah Persekutuan. Saya membangkitkan isu ini kerana saya adalah wakil rakyat dari Pusat Bandaraya iaitu Bukit Bintang. Sudahlah diketahui bahawa pusat hiburan bukan punca utama dan punca tunggal masalah sosial. Penyalahgunaan pil ecstasy kebanyakannya terjadi di disko-disko yang tidak berlesen dan haram serta pelaburan yang kecil di mana pasaran utama terdiri dari golongan muda iaitu remaja.

Pusat-pusat hiburan yang besar-besar adalah bertujuan pasaran orang dewasa sahaja serta peniaga-peniaga tempatan dan asing dan mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu untuk mengawasi operasi mereka. Contohnya bilik tidak boleh terlalu gelap dan bunyi muzik dikawali. Ini adalah di dalam peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak DBKL dan lain-lain kerajaan tempatan. Saya amat setuju dengan pandangan Ahli Parlimen dari 'Sitipang' Sabah bahawa....

**Seorang Ahli:** 'Sitipang'.

**Dr. Lee Chong Meng:** 'Sitipang' okay. Bahawa masalah sosial bukanlah diasaskan dari pusat hiburan sahaja. Faktor-faktor yang lain termasuk faktor-faktor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang isu ini.

Sebenarnya kerajaan tidak harus mengenakan satu peraturan bagi seluruh negara kerana bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh dibandingkan dengan bandar-bandar kecil seperti Alor Setar atau Tanjong. Sebagai sebuah bandaraya yang maju ke arah tahap antarabangsa seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru, kerajaan haruslah mempertimbangkan untuk mengenakan peraturan yang berlainan dan sesuai untuk perkembangan bandaraya dan jadikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang berhiburan untuk pelancong tempatan dan asing. Atau kita wujudkan Kuala Lumpur an ideal entertainment centre for local and foreign businessmen, dengan izin.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sipitang bangun ya.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Dia cakap Sitipang, Sipitang Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan mengenai dengan masalah sosial ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa bukan pusat hiburan yang ditekankan tetapi pendidikan moral, kalau kita kumpul anak-anak yang berumur 5 tahun hingga 20 tahun hari ini, kita tekankan didikan supaya mereka ini menjadi manusia yang berguna pada tahun 2020 akan datang dan apakah Yang Berhormat juga bersetuju kalau ditutup pun pusat hiburan di negara ini tidak akan menyelesaikan masalah kerana ada negara jiran kita, di negara dia tidak ada pusat hiburan, tidak ada karaoke, tidak ada night club, tetapi bila dia datang ke Malaysia dia lebih teruk daripada orang Malaysia lagi, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga negara Arab, saya pernah - di negaranya tidak ada hiburan tetapi bila dia ke Eropah, dia lebih teruk daripada orang Eropah lagi, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa penutupan ini memang bukan penyelesaian tetapi pendidikan moral yang begitu baik.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah 10 peratus pandangan kawan saya dari Sabah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** 10 peratus?

**Dr. Lee Chong Meng:** 100 peratus. *[Ketawa]* Jadi, saya lihat orang dari tempat seperti Middle East, tiada pusat hiburan dan mereka tiadalah pengalaman yang begitu baik dan mereka bila datang ke negara kita, bila masuk pusat hiburan, jadi sikapnya pun berubah.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong Karang, bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta sedikit penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya nyatakan bila ada pusat-pusat hiburan ini, maka peluang untuk muda-mudi ini melibatkan diri dalam gejala sosial ini lebih terbuka daripada kalau kita tutup, jadi mereka tidak boleh melibatkan diri secara langsung. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya nyatakan tutup pusat hiburan ini boleh menyelesaikan masalah untuk jangka pendek tetapi bukan untuk jangka masa panjang.

**Dr. Lee Chong Meng:** Sekarang kalau kita tutup semua pusat hiburan, masalah sosial tidak akan berhenti. Para peniaga ataupun orang yang suka pergi ke pusat hiburan akan pergi ke tempat yang haram. Bila lebih pusat hiburan yang haram diwujudkan di bandaraya kita, situasi macam ini akan jadi lebih serius dan akibatnya masalah sosial akan lebih teruk lagi. Jadi, kalau kita boleh kawal pusat hiburan yang berlesen, kita boleh menjamin bahawa mereka mengikut peraturan-peraturan kerajaan tempatan dan kita boleh memberikan arahan bahawa semua pusat hiburan boleh berhenti, bukanlah pukul 1.00, sampai pukul 2.00 atau pukul 3.00 kerana di negara jiran kita Singapura mengawal dengan baik dan mereka membenarkan pusat hiburan dibuka sampai pukul 2.00, pukul 3.00 dan saya difahamkan bahawa para pelancong dari Korea, Jepun, Hong Kong dan Taiwan suka pergi ke Singapura kerana mereka suka menyanyi dan saya jemputlah Ahli-ahli Parlimen ke kawasan saya dan kita bersama-sama melawat karaoke dan pusat hiburan dan kita menyaksikan sendiri keadaan karaoke di Kuala Lumpur yang berlesen. Yang tidak berlesen saya tidak boleh janjilah, yang berlesen memang mereka mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak DBKL dengan seratus peratus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dr. Lee Chong Meng:** Ada sedikit lagi. Sambung besok bolehkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah habis dah tu.

**Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*